



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

MEMILIH TUAN YANG DI-PERTUA:

Tan Sri Datuk Ben Stephens [Ruangan 13]

UCAPAN TERIMA KASIH DAN PENGHARGAAN TUAN YANG DI-PERTUA
[Ruangan 14]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Titah Ucapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
[Ruangan 15]

Mengangkat Sumpah (di luar Dewan);

Tuan A. Shaik Dawood bin Abu Bakar *alias* A. S. Dawood

Tuan Haji Shuaib bin Lazim

Tan Sri Datuk Ben Stephens [Ruangan 27]

Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru [Ruangan 27]

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 28]

Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 29]

URUSAN MESYUARAT [Ruangan 30]

UCAPAN TAKZIAH KEPADA KELUARGA ALLAHYARHAM Y.B. TUAN
SALLEH BIN KASSIM [Ruangan 32]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 32]

KANDUNGANNYA—(samb.)

USUL-USUL:

Jalan-jalan Masuk ke Parlimen [Ruangan 103]

Jawatankuasa Pemilih—Lantikan Ahli-ahli [Ruangan 104]

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong [Ruangan 105]**

MALAYSIA

PARLIMEN KEENAM— DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, TAN SRI DATUK BEN STEPHENS, P.S.M., S.P.D.K., B.E.M. (Dilantik).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR MOHAMAD YUSOP BIN "HAJI MOHAMAD NOOR, J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Dilantik).

„ TUAN ABDUL.GHANI BIN HAJI OTHMAN (Dilantik).

„ LT. KOL. (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S. (Dilantik).

„ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI LATIF (Dilantik).

„ TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).

„ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N., (Dilantik).

„ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Dilantik).

„ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM (Dilantik).

„ TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah).

DATUK ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATU HAKIM ABANG HAJI MOHIDEEN (Sarawak).

„ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).

„ DATO S. GOVINDARAJ; D.P.M.S., K.M.N., P.P.N., P.P.T., J.P. (Dilantik).

PUAN HAJJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N., A.M.P., A.M.N., P.J.K. (Pahang).

PUAN HAPSAH BINTI OTHMAN (Dilantik).

PUAN HASANAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM *alias* HASANAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).

TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik).

TUAN HAJI HUSSEIN BIN AHMAD (Dilantik).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG (Negeri Sembilan).

- Yang Berhormat DATUK ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K.
(Pulau Pinang).
- TAN SRI ISMAIL KHAN, P.M.N., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T.
(Dilantik).
- „ TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik).
- „ DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ TUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Dilantik).
- TUAH KEE YONG WEE (Dilantik—Wilayah Persekutuan)
- „ TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S.
(Sarawak).
- „ DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN KUAN PENG SOON *alias* KUAN PENG CHING (Perak).
- „ DATO K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P.
(Dilantik).
- TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik).
- CIK LIM SEAN LEAN *alias* LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik),
- „ DATUK LOH FOOK YEN, D.S.I.J., P.P.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K.
(Dilantik).
- TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH (Kelantan).
- „ TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak).
- TUAN MOHD. YUSOFF *alias* YUSOF HAJI MD. NOR (KELANTAN).
- TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH, A.M.N., P.P.N., P.J.K.
(Dilantik).
- TUAN NG AH POI, P.P.N., J.P. (Melaka).
- TUAN M. G. PANDITHAN (Selangor).
- „ TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).
- „ DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S.,
B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN ROKIAH *alias* MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K.
(Dilantik).
- „ TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K.
(Dilantik).

„ TUAN A. SHAIK DAWOOD ABU BAKAR *alias* A. S. DAWOOD,
(DILANTIK).

„ TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik).

„ TUAN HAJI SHUAIB BIN LAZIM (Dilantik).

„ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).

„ TUAN TAY CHEE KING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor).

„ TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik).

„ TUAN WONG YAU KET (Sabah).

DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHYA (Selangor).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Tertinggi: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberila-pemberita:

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali..

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 15hb April, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

**MEMILIH TUAN YANG
DI-PERTUA**

Tuan Setiausaha: Memilih Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara mengikut Perkara 56 Perlembagaan Persekutuan.

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor akan mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor): Tuan Setiausaha dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Yang Berhormat Tan Sri Datuk Ben Stephens dipilih menjadi Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Tuan Tan Chang Soong: Saya mohon menyokong cadangan itu.

Tuan Setiausaha: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana hanya seorang Ahli sahaja yang dicadangkan dan disokong menjadi Tuan Yang di-Pertua, maka menurut Peraturan Mesyuarat 2 cerai (3), saya memasyhurkan dengan rasminya bahawa Yang Berhormat Tan Sri Datuk Ben Stephens dipilih menjadi Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. *(Tepuk).*

(Dengan pemasyhuran Tuan Setiausaha, Yang Berhormat Tan Sri Datuk Ben Stephens dibawa ke Kerusi oleh Yang Berhormat Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor dan Yang Berhormat Tuan Tan Chang Soong).

**UCAPAN TERIMA KASIH
DAN PENGHARGAAN TUAN
YANG DI-PERTUA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bersyukur kepada Tuhan di atas perlantikan saya ini. Saya berasa sangat-sangat bertuah dan bangga di atas kepercayaan yang telah diberikan kepada saya oleh Kerajaan dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membolehkan saya memegang jawatan yang penting dan tertinggi ini, dan saya akan dengan segala upaya saya mengekalkan kepercayaan dan penghargaan yang telah diberikan itu untuk menjalankan tugas saya sebagai Tuan Yang di-Pertua.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada bekas Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Ismail Khan, yang baru sahaja bersara. Saya sangat kenal dengan bekas Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Ismail Khan. beliau adalah bekas Ketua Hakim di Sabah dan Sarawak di mana saya selalu berhubung rapat dengan beliau. Saya cuba akan mengikut contoh-contoh yang baik yang telah ditunjukkan oleh beliau.

**PEMASYHURAN TUAN YANG
DI-PERTUA TITAH UCAPAN
D.Y.M.M. SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN
AGONG**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada pagi 25hb Mac, 1985 yang lalu Duli Yang Maha Mulia Seri

Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan Diraja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia itu dan seterusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas Meja Mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi Parlimen.

**TITAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG**

Assalaamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh,

Bismillaahir Rahmaanir Rahim, Alhamdu Lillaahi Rabbil Aalamin, Wassolaatu Wassalaamu Alaa Saiyidinaa Muhammadin Asyrafil Ambiyaa I Walmursaliin Wa Alaa Aalihii Wasahbihii Ajmaiin.

Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Sekalian.

Alhamdulillah, syukur Kita ke hadrat Allah Subhaanahuu Wa Ta'ala, kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, dapat kita bersama-sama dengan saudara saudari sekalian di Dewan yang mulia ini bersempena dengan upacara perasmian Penggal Ketiga Parlimen Keenam Negara kita Malaysia tahun 1985.

Bersempena dengan upacara perasmian ini, Kita suka menyatakan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas ucapan tahniah dan ikrar taat setia yang telah disampaikan kepada Kita, sempena Istiadat Pertabalan Kita pada 15 November tahun lalu. Kita bersama-sama Raja Permaisuri Agong mengucapkan terima kasih atas ingatan mesra terhadap Kita berdua.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Parlimen adalah lambang kekuatan demokrasi negara kita. Selama lebih 25 tahun, sistem ini telah dapat memenuhi hasrat rakyat untuk mencapai kemajuan dalam semua bidang pembangunan.

Kerajaan Kita telah berusaha mengemaskan lagi badan-badan pentadbiran di samping mewujudkan badan baru seperti Mahkamah Agung demi untuk meningkatkan kemakmuran dan mewujudkan keadilan di kalangan rakyat berbilang keluruan, di samping mengamalkan sikap sederhana dalam segala hal, termasuk perkara-perkara politik, sosial, ekonomi, kebudayaan, keagamaan dan lain-lain lagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Dalam tahun 1985 ini, kadar pertumbuhan ekonomi negara dijangka lebih kurang 6%. Manakala dalam tahun 1984, pertumbuhan itu telah mencapai kadar lebih

daripada 7%. Bagi tahun 1986 pula, kadar pertumbuhan ekonomi kita dianggarkan lebih rendah lagi, Tetapi kita harus bersyukur kerana ekonomi kita masih teguh lebih-lebih lagi jika dibandingkan dengan ekonomi negara-negara lain, termasuk negara-negara maju yang dijangka mencapai pertumbuhan pada kadar purata 3.4% sahaja bagi tahun ini. Walaupun begitu, semua pihak perlulah bekerja keras untuk meningkatkan lagi produktiviti negara, bagi menentukan kejayaan dalam perdagangan dan peningkatan taraf hidup.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Kita suka mengingatkan semua golongan pemimpin, khususnya Ahli-ahli Parlimen, akan peranan dan tanggungjawab terhadap negara, bangsa serta rakyat. Tanggungjawab ini memerlukan kebijaksanaan dan pertimbangan yang saksama. Ahli-ahli Yang Berhormat harus mengeneipkan sikap melampau dan ketertaluan yang boleh menimbulkan suasana yang tidak stabil sehingga menjejaskan penumbuhan ekonomi dan pembangunan negara.

Sesuai dengan kedudukan Islam sebagai agama rasmi negara, Kerajaan kita sentiasa mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran. Dalam soal ini, Kita sedar bahawa ada pihak-pihak yang tersalah faham dan ada pula yang curiga terhadap langkah-langkah ini. Kita ingin menyeru pihak yang tersalah faham supaya menerima langkah-langkah ini dengan sangkaan yang baik. Kepada pihak-pihak yang curiga pula, Kita tegaskan bahawa langkah-langkah Kerajaan tidak akan menjejaskan hak asasi mereka. Kita semua sepatutnya bersama-sama dengan Kerajaan berusaha meningkatkan lagi penerapan nilai-nilai Islam dengan lebih berkesan lagi.

Di sini juga suka Kita menyatakan penghargaan dan mengucapkan tahniah Kita kepada anggota-anggota Perkhidmatan Awam yang telah berjaya melaksanakan dasar-dasar Kerajaan dengan cekap. Begitu juga dengan Anggota-anggota Pasukan Keselamatan yang telah berkhidmat dengan penuh semangat keperwiraan dan berkorban untuk negara. Kita suka menegaskan bahawa Kerajaan akan sentiasa mengambil berat dan meningkatkan kebajikan mereka semua dari semasa ke semasa.

Kepada para belia dan para pelajar sekalian, suka Kita mengingatkan bahawa kemerdekaan, pembangunan dan kemajuan yang telah kita capai adalah hasil semangat cintakan negara. Oleh itu, semangat cintakan negara mestilah ditanamkan ke dalam jiwa setiap belia bakal pemimpin negara. Untuk mencapai tujuan ini, dasar pelajaran dan pendidikan mestilah mencapai matlamatnya. Pusat-pusat pengajian tinggi hendaklah kekal menjadi tempat pertumbuhan semangat kebangsaan yang sihat dan membina, bukan dijadikan gelanggang pertentangan antara berbagai-bagai golongan. Kita mahu generasi muda yang terpelajar menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman supaya boleh menjadi tenaga penggerak kepada masyarakat.

Negara memerlukan generasi muda yang bersatu padu, berilmu pengetahuan berdisiplin dan bermoral tinggi serta sanggup memberi sumbangan ke arah perpaduan dan pembangunan negara. Salah satu cara mencapai tujuan ini ialah melalui bidang sukan dan olahraga. Segala kemudahan akan terus disediakan dan diperbaiki, supaya dengan itu pencapaian mutu sukan dapat dipertingkatkan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, di samping membina ketahanan bagi menghadapi musuh-musuh utama negara iaitu dadah, komunis dan pihak pelampau.

Dadah merupakan wabak yang boleh menghancurkan bangsa dan negara. Oleh itu, Kerajaan Kita sedang giat mengambil langkah-langkah memerangi dadah, sehingga satu strategi antarabangsa yang menyeluruh dapat digubal bersama untuk menghapuskan ancaman dadah dengan lebih berkesan lagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Keselamatan dan kedaulatan negara juga bergantung kepada pelaksanaan dasar luar negeri. Kerajaan Kita akan terus berusaha meningkatkan kerjasama dengan rakan-rakan dalam ASEAN dalam bidang ekonomi, sosial dan politik. Bersama dengan negara-negara ASEAN yang lain, Kerajaan Kita akan terus berusaha mencari penyelesaian politik yang menyeluruh mengenai soal Kampuchea dan memajukan konsep ZOPFAN. Kerajaan Kita akan terus memainkan peranan untuk meningkatkan kerjasama dan perpaduan di kalangan negara-negara Pertubuhan Persidangan Islam. Sokongan akan terus diberi kepada perjuangan rakyat Palestin dan juga kepada usaha-usaha Pertubuhan Persidangan Islam untuk menyelesaikan peperangan Iran/Iraq.

Kerajaan Kita juga akan terus bergiat dalam pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti Pergerakan Negara-negara Berkecuali, Komanwel dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Usaha-usaha akan diteruskan bagi mendapatkan sokongan antarabangsa dalam mencari penyelesaian kepada masalah Afghanistan dan soal Antartika. Kerajaan Kita akan terus menjalankan Rancangan Kerjasama Teknik dengan negara-negara ASEAN, Pasifik Selatan, Asia Selatan, Asia Barat dan Afrika.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Semenjak beberapa tahun kebelakangan ini, telah banyak kemajuan yang kita capai dengan pesatnya terutama sekali di kawasan bandar. Walaupun begitu, pembangunan negara tidak seharusnya tertumpu ke kawasan bandar atau kumpulan-kumpulan tertentu sahaja, Para nelayan, kaum tani, pekerja ladang dan orang-orang asli serta kumpulan-kumpulan yang kurang bernasib baik masih memerlukan perhatian khusus untuk diperbaiki taraf kehidupan mereka. Oleh itu, Kerajaan Kita akan melipatgandakan usaha pembangunan dengan lebih berkesan lagi.

Di antara strategi pembangunan yang akan diberikan keutamaan ialah pelaksanaan pembinaan infrastruktur dan ketnudahan-kemudahan asas. Di samping itu, Dasar Pertanian Negara akan dijadikan pedoman untuk meningkatkan produktiviti serta memperbaiki sosioekonomi di sektor pertanian. Kerajaan juga akan berusaha memberi tumpuan kepada perkembangan sektor perindustrian. Di bawah Pelan Induk Perindustrian, peluang-peluang pelaburan baru untuk meningkatkan kegiatan sektor swasta dalam pembangunan negara akan dikenalpasti, termasuk rancangan pembuatan barangan berasaskan bahan-bahan utama. Untuk menarik para pelabur ke negara ini, langkah-langkah telah dan sedang diambil bagi meningkatkan kecekapan sistem perhubungan seperti perkhidmatan telekom, pelabuhan dan lapangan terbang. Di samping itu, industri pelancongan akan lebih diutamakan. Semua rancangan tersebut akan dilaksanakan oleh Kerajaan di bawah Dasar Ekonomi Baru.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Kita sedar bahawa kestabilan negara adalah berasaskan kepada perpaduan kaum. Walaupun kita tidak dapat melupakan asal usul kita, tetapi ini tidak sepatutnya menghalang perpaduan di kalangan rakyat. Oleh itu, langkah yang telah dijalankan oleh Kerajaan akan terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Mengenai integrasi kebangsaan pula, Kita rasa sukacita kerana adanya hubungan yang rapat antara semua Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan. Terdapat beberapa buah negeri yang masih ketinggalan dari segi pembangunan termasuk Negeri Sabah dan Sarawak. Kerajaan Kita akan meningkatkan usaha-usaha untuk membangunkan lagi kedua-dua buah negeri itu dengan lebih berkesan, di samping negeri-negeri lain yang juga memerlukan perhatian Kerajaan Persekutuan. Langkah-langkah ini akan dijelaskan dalam Rancangan Malaysia Kelima kelak.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Di bawah pimpinan Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Kita, Kita percaya negara akan dapat dibangunkan secepat mungkin sebagai sebuah negara yang maju dan bermaruah. Untuk mencapai harapan ini, penyertaan dan sokongan rakyat secara langsung di semua peringkat sangat-sangat diperlukan. Oleh itu, Kita menyeru rakyat supaya terus memberi sokongan kepada Kerajaan sebagaimana yang telah diberikan selama lebih suku abad kita Merdeka. Semoga Allah merestui dan mengkabulkan hasrat dan harapan ini,

*Wabillahit Taufik Walhidaayah,
Wassalaamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.*

In the name of Allah, Most Beneficent, Most Merciful.

Praise be to Allah, Lord of the Universe, and may His Blessings and Peace be upon our Prophet Muhammad, his family and his companions.

Mr President, Mr Speaker, Members of the Dewan Negara and Members of the Dewan Rakyat.

/ thank Allah, The Almighty, for His blessings in enabling me to be here with you in this august House for the Official Opening of the Third Session of the Sixth Parliament of our country Malaysia.

Opportune with this occasion, I wish to express my appreciation to the Honourable Members for the message of felicitations and pledge of loyalty to me, on my Installation on the fifteenth day of November last year. I and the Raja Permaisuri Agong wish to express our thanks for your kind thoughts.

Honourable Members,

Parliament is the symbol of the strength of democracy in our country. For more than 25 years, this system has fulfilled our aspirations for progress in all fields of development. My Government has strived to improve its various institutions and establish new ones such as the Supreme Court, to increase prosperity and to ensure

justice among our multi-racial people. We need to exercise moderation in all matters, political, social, economic, cultural, religious and others.

Honourable Members,

In 1985, our economy is expected to grow at the rate of 6% compared to more than 7% in 1984. For 1986, the growth rate is expected to be even lower. However, we should be thankful that our economy is still strong compared with that of other countries, including the developed countries which expect an average growth rate of only 3.4% for 1985. We must therefore, work hard to increase the national productivity, so as to ensure success in trade and improvement in our standard of living.

Honourable Members,

I would like to remind all leaders, particularly the Members of Parliament, of their roles and responsibilities towards the nation and the people. Wisdom and fairmindedness are prerequisites for discharging these responsibilities. Honourable Members should avoid extremism which can cause instability. Such a situation will impede economic growth and development.

Consistent with the position of Islam as the official religion of the country, My Government is constantly taking effective measures to inculcate Islamic values in the administration. In this regard, I am aware that these measures have been misunderstood by a certain group of people and have created suspicion among other groups. I wish to call upon the first group to accept these measures in good faith. To the other, I would like to stress that the inculcation of Islamic values will not undermine their fundamental rights. All of us should work together with the Government in its efforts to intensify the inculcation of Islamic values.

I would like to express my appreciation and congratulation to the members of the Civil Service for having efficiently and successfully implemented the national policies. Simultaneously, I would like to express the same to the members of our Security Forces who have heroically served and sacrificed for the nation. I wish to stress that My Government will always look after their wellbeing, which will be further enhanced from time to time.

The younger generation must always remember that it was the spirit of nationalism and patriotism which brought about independence, development and progress to our country. The spirit of nationalism and patriotism must therefore be imbued in the hearts and minds of our youths, as potential leaders of the country. The education policy must achieve this objective. Institutions of higher learning should continue to nurture a healthy and constructive spirit of nationalism. They should not be turned into an arena of conflict between various groups. I would like our educated younger generation to acquire knowledge and experience to become prime motivators in our society.

*The nation needs a united, educated, disciplined and virtuous young generation who are willing to contribute towards unity and national development. One of the ways to achieve this goal is through sports. Various facilities will continue to be provided and upgraded to improve our performance in sports at the national and international level. It will also develop resilience amongst youths against the main enemies of the nation, namely *dadah*, communism and extremism.*

Dadah is cancerous to the nation. My Government is taking active measures to fight dadah with the hope that a comprehensive international strategy would be formulated to effectively eradicate this threat.

Honourable Members,

The security and sovereignty of the nation also depends on the conduct of its foreign policy. My Government will continue to work towards increasing cooperation with our friends in ASEAN in the fields of economy, social and political. Together with the other member countries of ASEAN, MY Government will continue with our efforts in searching for a comprehensive political settlement to the Kampuchean question and in promoting the concept of ZOPFAN. My Government will continue to play a role in strengthening co-operation and solidarity amongst member countries of the Organisation of Islamic Conference. Support will continue to be given to the struggle of the people of Palestine and also to the efforts by the Organisation of Islamic Conference in settling the Iran-Iraq War.

My Government will continue to play an active role in international organisations like the Non-Aligned Movement, the Commonwealth and the United Nations. Efforts will continue in seeking international support for a solution to the problem of Afghanistan and on the question of Antarctica. My Government will continue to implement the Malaysian Technical Co-operation programme with the countries of ASEAN, the South Pacific, South Asia, West Asia and Africa.

Honourable Members,

In the last few years, we have achieved considerable progress especially in the urban areas. However, development should not be concentrated only in those areas or for certain groups of people. The fishermen, the farmers, the estate workers, the orang asli and the under-privileged still need special attention to help improve their livelihood. Therefore, My Government will intensify its efforts towards a more effective development.

One of the development strategies that will be given priority is the implementation of infrastructure and basic amenities. In addition, the National Agriculture Policy will serve as a foundation for increased productivity and socio-economic improvement in the agricultural sector. The Government will continue to give emphasis on industrial growth. Under the Industrial Master Plan, new investment opportunities to stimulate private sector participation in national development will be identified, which includes manufacturing programmes based on primary commodities. To attract investors to our country, steps have and are being undertaken to increase the efficiency of the telecommunication system, ports and airports services. Special priority will also be given to tourism. All these development programmes will be implemented by the Government in the context of the New Economic Policy.

Honourable Members,

We realise that national stability depends on racial unity, We may not be able to forget our origin, but that should not prevent unity among us. The Government will continue to intensify its efforts to promote unity.

With regard to national integration. I am happy to note the close relationship between the State Governments and the Federal Government. There are several states, including Sabah and Sarawak, which still lag behind in development. My Government will intensify its efforts to develop these two states more effectively, along with the other states which are also in need of the Federal Government's attention. These efforts will be spelt out in the Fifth Malaysia Plan.

Honourable Members,

I am confident that under the leadership of Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad, My Prime Minister, Malaysia will develop rapidly as a nation, progressive and dignified. The direct participation and support of the people at all levels is crucial to realise our hopes and aspirations. I therefore call upon the people to continue their support for the Government, as they had given for more than twenty five years since independence. May Allah bestow His blessings on us and fulfil our hopes and aspirations.

**MENGANGKAT SUMPAH
(DI LUAR DEWAN)—
Y.B. TUAN A. SHAIK
DAWOOD BIN ABU
BAKER *alias* A. S. DAWOOD
Y.B. TUAN HAJI SHUAIB
BIN LAZIM; Y.B. TAN
SRI DATUK BEN STEPHENS**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 4 (3), saya dengan ini memberitahu Dewan iaitu Yang Berhormat Ahli-ahli yang berikutan telah mengangkat Sumpah di hadapan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara yang lalu mengikut kehendak Jadual Keenam dalam Perlembagaan:

1. Y.B. Tuan A. Shaik Dawood bin Abu Baker *alias* A. S. Dawood pada 15hb February, 1985;
2. Y.B. Tuan Haji Shuaib bin Lazim pada 5hb April, 1985; dan
3. Saya sendiri (Y.B. Tan Sri Datuk Ben Stephens) pada 12hb April, 1985.

**MENGALU-ALUKAN AHLI
BARU**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada

Yang Berhormat Tuan A. Shaik Dawood bin Abu Baker dan Yang Berhormat Tuan Haji Shuaib bin Lazim yang telah mengangkat Sumpah pada tarikh-tarikh yang dinyatakan tadi dan berharap semoga mereka dapat memberikan sumbangan yang berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya.

**MEMPERKENANKAN AKTA-
AKTA**

Tuan Yang di-Pertua Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujui Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan 1985;
2. Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1985;
3. Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1985;
4. Akta Peguambela (Sabah) (Pindaan) 1985;
5. Akta Peguambela (Sarawak) (Pindaan) 1985;
6. Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1985;

7. Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 1985;
8. Akta Kerja (Pindaan) 1985;
9. Akta Pejabat Pos (Pindaan) 1985;
10. Akta Perhutanan Negara 1985;
11. Akta Industri Berasaskan Kayu (Kekuasaan Badan Perundangan Negeri) 1985;
12. Akta Perbekalan Tambahan (1983 dan 1984) 1985;
13. Akta Kewangan 1985;
14. Akta Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan " Tanah) 1985; dan
15. Akta Takaful 1985.

**PERUTUSAN DARIPADA
DEWAN RAKYAT**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara memersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

"12hb April, 1985

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara memersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia;
3. Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan);

4. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Pembantu Hospital (Pendaftaran) (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Kewangan;
7. Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Takaful (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Perikanan;
10. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas);
11. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1984);
12. Rang Undang-undang Kemajuan Petroleum (Pindaan);
13. Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan (Pindaan);
14. Rang Undang-undang Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan);
15. Rang Undang-undang Hakmilik Strata; dan
16. Rang Undang-undang Korvensyen Mengenai Pengiktirafan dan Penguatkuasaan Award Timbangtara Asing.

Yang ikhlas,
t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN
RAKYAT"

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam

Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini:

1. Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia;
3. Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Pembantu Hospital (Pendaftaran) (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Kewangan;
7. Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Takaful (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Perikanan;
10. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas);
11. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1984);
12. Rang Undang-undang Kemajuan Petroleum (Pindaan);
13. Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan (Pindaan);
14. Rang Undang-undang Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan);
15. Rang Undang-undang Hakmilik Strata; dan
16. Rang Undang-undang Konvensyen Mengenai Pengiktirafan dan Penguatkuasaan Award Timbangtara Asing.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

**UCAPAN TAKZIAH KEPADA
KELUARGA ALLAHYARHAM
YANG BERHORMAT TUAN
SALLEH BIN KASSIM**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan perasaan sedih saya memaklumkan iaitu kita telah kehilangan seorang Ahli berikutan dengan kematian Allahyarham Tuan Salleh bin Kassim pada 3hb Mac, 1985 yang lalu. Pihak Parlimen telah mengutus kawat takziah kepada keluarga Allahyarham.

Sekarang saya meminta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bangun bersama-sama saya bertafakur selama seminit sebagai menghormati Allahyarham Tuan Salleh bin Kassim dan bagi orang-orang yang beragama Islam diminta menghadiahkan Fatihah seberapa yang ikhlas ke atas roh Allahyarham itu.

(Majlis bertafakur selama satu minit dan Ahli-ahli yang beragama Islam membaca Fatihah)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**LAWATAN PERDANA
MENTERI MALAYSIA KE
INDONESIA**

1. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim minta Perdana Menteri menyatakan hasil lawatan beliau ke Jakarta baru-baru ini dan sama ada beliau telah atau akan mengundang Presiden Suharto untuk melawat Malaysia bagi membalas lawatan beliau jika ya, bila dan jika tidak mengapa.

22. Dato Kamaruzaman bin Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan hasil rundingan beliau dengan Presiden Suharto semasa lawatan rasmi beliau ke Jakarta baru-baru ini.

22-4-85.

63. Tuan Ahmad bin Othman minta Perdana Menteri menyatakan sejauh mana kejayaan perbincangan beliau dengan Presiden Suharto mengenai isu dua hala, serantau dan antarabangsa semasa lawatan rasmi beliau ke Indonesia baru-baru ini.

23-4-85.

30. Dato' S. Govinda Raj minta Perdana Menteri menyatakan hasil pertemuan beliau dengan Presiden Suharto baru-baru ini, terutamanya berhubung dengan perkembangan terbaru di Kampuchea.

24-4-85.

64. Datuk Ishak bin Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan hasil lawatan beliau selama dua hari ke Indonesia baru-baru ini dan sama ada beliau telah membincangkan juga mengenai kemasukan warganegara Indonesia ke Malaysia.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini sama dengan soalan-soalan lain daripada Yang Berhormat Senator Datuk Kamaruzaman bin Ahmad pada hari ini serta soalan-soalan Yang Berhormat Senator Ahmad bin Othman pada 22-4-85, Dato' S. Govinda Raj pada 23-4-85 dan Datuk Ishak bin Abdul Rahman pada 24-4-85 oleh sebab soalan-soalan ini adalah bertujuan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melakukan lawatan kerja ke Republik Indonesia pada 18 hingga 19 Mac yang lalu atas jemputan Presiden Suharto. Lawatan ini adalah selaras dengan tradisi pertukaran lawatan di antara Perdana Menteri Malaysia dengan Presiden Indonesia yang dijalankan secara bergilir-gilir di mana kedua-dua pemimpin mengambil kesempatan

untuk membincangkan hal-hal hubungan dua hala dan juga soal-soal serantau dan antarabangsa.

Lawatan ini adalah sebagai membalas lawatan yang telah dilakukan oleh Presiden Suharto ke Kuala Lumpur pada 14 dan 15 Disember 1983. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah diiringi oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Datin Paduka Seri Dr Siti Hasmah, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan beberapa orang pegawai-pegawai kanan Kerajaan.

Wakil-wakil dari MOIC, HICOM dan PROMET juga telah turut serta dalam lawatan tersebut.

Semasa lawatan ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengadakan pertemuan empat mata dengan Presiden Suharto untuk membincangkan beberapa hal hubungan dua hala, serantau dan antarabangsa seperti berikut:

- (1) Kedua-dua pemimpin telah berharap agar kerjasama di bidang perdagangan dua hala di antara kedua-dua negara dipertingkatkan lagi;
- (2) Kedua-dua pemimpin bersetuju supaya kedua-dua negara bekerjasama dengan cara berkongsi kemahiran masing-masing di bidang automative. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membincangkan hasrat Malaysia untuk mengimport bahagian-bahagian enjin dari Indonesia untuk digunakan di dalam projek Kereta Nasional Malaysia. Presiden Suharto telah menyatakan bahawa Indonesia bersetuju untuk mengimport bahagian-bahagian badan kereta dari Malaysia bagi perusahaan keretanya. Kedua-dua pihak juga telah bersetuju

- untuk bekerjasama di dalam bidang pengeluaran kenderaan perdagangan dari jenis Mercedes Benz.
- (3) Kedua-dua pemimpin bersetuju supaya Malaysia dan Indonesia mengkaji dengan lebih mendalam lagi masalah perkhidmatan perkapalan terus di antara kedua-dua buah negara. Dalam hal ini Indonesia telah menyatakan kesediaannya untuk turut berkongsi teknologi perkapalannya dengan Malaysia.
- (4) Di atas cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kedua-dua pihak telah bersetuju menimbangkan kemungkinan membeli bersama secara pukal barang-barang yang serupa yang diperlukan oleh kedua-dua negara. Dengan jalan ini kedua-dua buah negara dapat menjimatkan wang oleh kerana harga pembelian yang murah dan perbelanjaan pengangkutan yang rendah.
- (5) Presiden Suharto telah menyambut baik permintaan dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya syarikat-syarikat dari Malaysia diberi peluang bagi mendapatkan kontrak-kontrak di dalam projek-projek pembangunan di Indonesia. Dalam hal ini Presiden Suharto telah menasihat supaya syarikat-syarikat dari Malaysia mengadakan rancangan usahasama dengan syarikat-syarikat di Indonesia untuk mendapatkan faedah-faedah dan kemudahan-kemudahan seperti mana yang diberikan oleh Kerajaan Indonesia kepada syarikat-syarikat tempatan.
- (6) Kedua-dua pemimpin telah bersetuju supaya soal pengambilan tenaga kerana dari Indonesia oleh pihak-pihak di Malaysia di selaraskan lagi dan dijalankan mengikut saluran-saluran yang sah.
- (7) Kedua-dua pemimpin juga telah membincangkan masalah Kampuchea yang berkisar kepada laporan lawatan Perdana Menteri Indonesia ke Hanoi pada 14hb hingga 16hb Mac, 1985; dan
- (8) Mengenai isu-isu antarabangsa Presiden Suharto telah menyatakan sokongan Indonesia terhadap inisiatif Malaysia mengenai soal Antartika dan mencadangkan supaya soal Antartika ini dikemukakan dalam forum-forum ASEAN bagi mendapatkan sokongan dari negara-negara anggota ASEAN yang lain dan seterusnya supaya negara-negara anggota ASEAN tersebut dapat melobi mesyuarat antarabangsa dalam memberikan sokongan terhadap penubuhan suatu Jawatankuasa Khas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Antartika. Kedua-dua pemimpin juga telah membincangkan mengenai pergerakan negara-negara berkecuali.
- Semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri juga telah membincangkan soal kemasukan pelajar-pelajar Malaysia ke pusat-pusat pengajian tinggi di Indonesia. Dalam hal ini Indonesia pada dasarnya telah bersetuju untuk menambahkan bilangan tempat bagi pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di bidang perubatan, kejuruteraan dan senibina

di pusat-pusat pengajian tinggi di Indonesia.

Sementara itu, Indonesia juga telah bersetuju untuk menerima kelayakan Kursus Matrikulasi dan Asasi Sains Malaysia sebagai kelayakan kemasukan ke tahun pertama di pusat-pusat pengajian tinggi tersebut dengan syarat para pelajar tersebut menduduki satu ujian kemasukan sebelum mereka diterima. Satu pasukan penilai dari Indonesia akan melawat Malaysia bagi membuat penilaian terhadap kelayakan Kursus Matrikulasi dan Asasi Sains itu.

Semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga, Yang Berhormat Menteri Luar telah membincangkan dengan Menteri Luar Indonesia mengenai cadangan 5 perkara yang telah dibuat oleh Vietnam untuk menyelesaikan masalah Kampuchea semasa lawatan Menteri Luar Indonesia ke Hanoi baru-baru ini. Di samping itu, mereka juga telah membincangkan perkembangan terakhir di sempadan Kampuchea/Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan dari lawatan tersebut, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengundang Presiden Suharto dan isteri untuk melakukan lawatan ke Malaysia di suatu masa difikirkan sesuai oleh Presiden Indonesia tersebut.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan dan merujuk kepada perkara mengenai kerjasama antara Malaysia dengan Indonesia berkaitan dengan projek automobile. Soalan saya ialah adakah ini sebagai satu projek dalam bidang industri berat di mana kerjasama antara Malaysia dan negara-negara ASEAN akan digunakan untuk projek-projek industri-industri berat yang lain supaya kita tidak menghadapi masalah pasaran yang

terhad dan kos yang tinggi jika sekiranya industri berat kita dilakukan hanya berdasarkan kepada pasaran kita sahaja dan keupayaan modal yang ada di negara kita? Terima kasih.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, persetujuan mengenai kerjasama dalam bidang automobile ini telah pun dipersetujui Semasa kita membincangkan soal Proton Saga. Sudah tentulah perkara ini akan diluaskan kepada industri-industri berat yang lain kemudian kelak.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, dalam banyak perkara yang dibincangkan oleh Perdana Menteri dan Presiden Suharto, tidakkah perkara political stability, dengan izin, di Filipina dibangkitkan oleh kerana Malaysia dan Indonesia merupakan ahli ASEAN yang agak tersenior dalam ASEAN. Tidakkah Perdana Menteri dan Presiden Suharto membincangkan dan membuat apa-apa pendirian tentang masalah political stability di Filipina oleh kerana kalau naik angkatan daripada komunis di Filipina ia akan pula membabitkan negara-negara lain dalam ASEAN?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya tegaskan di sini bahawa semua ahli-ahli ASEAN adalah sama tarafnya, tidak ada senior dan junior. Namun demikian, sudah tentulah masalah-masalah serantau itu telah pun dibincangkan secara umum termasuk juga soal keadaan di Filipina, secara umum juga.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta maaf kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Oleh kerana masa tidak mengizinkan, kita pergi ke soalan yang kedua sekarang.

BAHAN MAKANAN—TINDAKAN KURANGKAN IMPORT

2. Tuan Haji Abu Bakar bin Lazim minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa walaupun Malaysia sebuah negara pertanian tetapi kita mengimport bahan-bahan makanan bernilai sebanyak \$3.5 billion ringgit setahun dan jika sedar nyatakan tindakan beliau akan ambil untuk mengurangkan pengimportan bahan-bahan dari luar negeri.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Malaysia adalah sebuah negara perindustrian baru tetapi sektor pertanian masih penting kepada ekonomi negara seperti dilihat daripada sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (GDP) iaitu 22.4% dan sumbangan kepada pendapatan eksport, iaitu sebanyak 43% dalam tahun 1983.

Saya sedar bahawa negara kita mengimport komoditi-komoditi makanan yang bernilai secara kasar sebanyak \$2,972 juta dalam tahun 1983. Walaupun begitu elok juga saya maklumkan bahawa kita juga mengeksport bahan-bahan makanan yang jumlah nilainya dalam tahun 1983 ialah \$1,303 juta. Ini menjadikan kita mengimport secara bersih sebanyak \$1,670 juta.

Kerajaan akan mengambil tindakan-tindakan untuk mengurangkan pengimportan. Di antara tindakan-tindakan itu ialah, mengenalpasti komoditi-komoditi yang boleh dikeluarkan di negara ini berpandukan kepada kesesuaian dari segi agronomi dan iklim serta juga daya maju dari segi ekonomi. Di antara komoditi-komoditi yang telah dikenalpasti itu ialah jagung, kopi, teh, lembu daging, susu segar, kobis dan beberapa jenis sayur-sayuran "temperate" seperti asparagus, broccoli dan cauliflower. Petani-petani

akan digalakkan untuk mengeluarkan komoditi-komoditi tersebut melalui struktur dan proses pengembangan yang ada. Di samping itu pelabur-pelabur swasta juga akan digalakkan bagi mengeluarkan bahan-bahan tersebut melalui kajian semula terhadap galakan-galakan pelaburan yang ada.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Soalan tambahan. Sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian mengatakan tentang—usaha untuk membuat penyelidikan mengenai tanaman makanan. Soalan saya ialah adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian sedar bahawa sehingga kini pihak-pihak yang tertentu dari segi penyelidikan dan pembangunan terutama sekali dari segi pengeluaran jenis bijian, sayur-sayuran dan buah-buahan adalah begitu jauh ketinggalan kalau sekiranya dibandingkan dengan negara-negara jiran seperti di Filipina dan juga di Indonesia dan sejauh manakah Kementerian Pertanian sekarang ini cuba menekankan tentang bidang penyelidikan dan pembangunan supaya kita dapat memajukan usaha kita dari segi menambahkan pengeluaran makanan di negara kita.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, agensi penyelidikan di Kementerian Pertanian terutama sekali MARDI memangnya telah mencapai kemajuan dalam penyelidikannya.

Walaupun bagaimanapun kami bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat itu bahawa masih ada peluang-peluang bagi MARDI meningkatkan penyelidikannya dan pengeluaran benih-benih sayur-sayuran dan buah-buahan dan tindakan aktif sedang diambil.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Setelah 28 tahun kita

merdeka, kita masih mengimport begitu banyak bahan-bahan makanan seperti jagung, kopi, lembu, susu, kobis dan sebagainya. Jadi apakah tanah di dalam negara kita ini baik di Semenanjung atau Sabah dan Sarawak tidak sesuai dengan tanaman ini atau adakah kita lemah di dalam menghadapi masalah ini?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi ada beberapa komoditi yang telah dikenalpasti dari segi agronomi dan iklim dan Kementerian memang menggalakkan sektor swasta menanam atau menternak apa yang dicadangkan.

JALAN RAYA DI SARAWAK— USAHA MENAIKKAN TARAF

3. Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohideen minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa mutu keadaan jalan-jalan raya di negeri Sarawak adalah sangat rendah jika dibandingkan dengan di Semenanjung Malaysia dan jika sedar nyatakan langkah-langkah yang beliau akan ambil untuk mengimbangkan mutu jalan-jalan raya tersebut demi untuk kepentingan semangat integrasi nasional.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Zainal Abidin bin Zin): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar bahawa mutu keadaan jalan-jalan raya di negeri Sarawak tidak memuaskan. Oleh itu usaha-usaha menaikkan taraf jalan-jalan raya itu diberi keutamaan dalam melaksanakan beberapa rancangan pembangunan di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan sedang mengambil tindakan untuk mengambil alih sepanjang 1,217 kilometer jalan raya untuk digezetkan sebagai jalan

raya Persekutuan. Jalan raya utama dari Semantan ke Miri adalah di antara jalan-jalan yang akan diambilalih. Dengan adanya jalan-jalan Persekutuan itu kelak, maka Kerajaan Persekutuan akan dapat memberi lebih perhatian dan kewangan bagi menaikkan lagi taraf jalan-jalan raya yang tersebut.

Selain daripada itu jalan-jalan raya yang lain di negeri Sarawak akan juga diberi perhatian jika dilihat dari segi peruntukan yang telah diberi dalam tiap-tiap Rancangan Lima Tahun negara kita adalah jelas bahawa peruntukan itu telah berlipat ganda dari satu rancangan ke satu rancangan yang berikut. Bagi Rancangan Malaysia Yang Kelima pula peruntukan sebanyak \$665.75 juta adalah dicadangkan. Jumlah ini adalah merupakan empat kali ganda daripada jumlah peruntukan yang terdapat dalam Rancangan Malaysia Yang Keempat.

LIMAU MANDARIN DARI CHINA—LESEN IMPORT

4. Tuan Kee Young Wee minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada tindakan disiplin akan diambil terhadap pegawai-pegawai yang melakukan penyelewengan atas pengimportan buah oren Cina yang berlaku semasa perayaan Tahun Baru Cina dan sama ada Kerajaan akan memastikan pengimportan barang-barang keperluan tidak dimonopoli semasa perayaan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga hari ini Kementerian saya tidak ada menerima sebarang laporan rasmi dari mana-mana pihak tentang wujudnya penyelewengan di dalam pengeluaran lesen-lesen untuk mengimport limau

mandarin di musim Perayaan Tahun Baru Cina yang lalu.

Sukalah saya tegaskan di sini bahawa kesemua permohonan yang telah diterima untuk mengimport limau mandarin dan juga lain-lain barang keperluan semasa Perayaan adalah diproses dan diberi pertimbangan yang sama rata mengikut peraturan-peraturan yang telah pun ditetapkan. Pemohon-pemohon yang dianggap layak akan diluluskan lesen import. Pada musim Perayaan Tahun Baru Cina yang lalu, Kementerian saya telah pun meluluskan lesen mengimport limau mandarin kepada 125 pemohon. Oleh yang demikian soal monopoli yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tidak timbul sama sekali.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri memandangkan masalah-masalah import buah limau dan juga pemboikotan pembelian buah limau dan juga melibatkan iaitu dalam soalan kedua tadi perbezaan di antara berlebihan import bahan-bahan makanan termasuk buah-buah ini, adakah Kerajaan kita bercadang untuk membatalkan terus import limau mandarin ini pada setiap Tahun Baru Cina kerana rasa limau yang ada terdapat di negara kita ini sendiri pun tidak kurang bezanya.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada cadangan seperti apa disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat kerana mengikut kelazimannya pihak orang-orang Tionghua yang merayakan Tahun Baru Cina merasakan bahawa limau mandarin yang di import dari China agak lebih sesuai digunakan dan sehingga rasa mereka ini begitu kemungkinan kita belum ada cadangan untuk menyekat pengimportan limau mandarin daripada China.

SEKOLAH TAMIL-CANTUMAN

5. Dato' G. Pasamanickam minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) jumlah sekolah cantuman Tamil yang terdapat sehingga kini; dan
- (b) jumlah sekolah Tamil yang belum lagi dicantumkan menjadi sekolah cantuman dan sebab-sebab mengapa sekolah-sekolah ini belum dicantumkan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 129 buah sekolah Tamil yang kecil telah dicantumkan dengan sekolah-sekolah Tamil yang lain yang berhampiran.

Soalan (b) bukan semua sekolah Tamil perlu dicantumkan. Walau bagaimanapun bagi tahun 1985 sebanyak 7 buah sekolah Tamil yang kecil adalah dalam pertimbangan untuk dicantumkan dengan sekolah-sekolah Tamil lain yang berhampiran. Sekolah-sekolah hanya boleh dicantumkan apabila terdapat permintaan dan persetujuan dari ibu bapa, persatuan ibu bapa dan guru-guru dan lembaga pengurus sekolah berkenaan. Kedudukan sekolah-sekolah rendah yang dicantumkan hendaklah tidak terlalu jauh supaya tidak menimbulkan masalah pengangkutan kepada murid-murid. Di samping itu jawatan Guru Besar sekolah yang ditutup perlu diambil kira supaya dapat ditempatkan di sekolah yang sesuai dengan jawatan mereka.

LADANG-LADANG MEMERLUKAN TINDAKAN JABATAN BURUH

6. Puan Sri Janaki Athi Nahappan minta Menteri Buruh menyatakan sama ada beliau sedar bahawa masih banyak lagi ladang-ladang yang memerlukan tindakan Jabatan Buruh bukan sahaja dari segi tempat tinggal

pekerja, tetapi juga jenis-jenis kerja yang dijalankan oleh pekerja-pekerja berkenaan.

Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu didapati tidak begitu jelas maksudnya. Walau bagaimanapun suka saya menyatakan di sini bahawa pegawai-pegawai dari Jabatan Buruh di bawah Kementerian saya sentiasa menjalankan pemeriksaan biasa ke semua ladang dari masa ke semasa bagi menentukan majikan-majikan berkenaan mematuhi semua Undang-undang Buruh termasuk undang-undang mengenai tempat tinggal pekerja supaya pekerja-pekerja benar-benar mendapat segala perlindungan serta kemudahan-kemudahan di bawah Undang-undang Buruh.

Selain dari itu apabila aduan-aduan diterima daripada pekerja-pekerja, Pegawai-pegawai Buruh tetap akan membuat lawatan-lawatan khas ke ladang-ladang berkenaan untuk menjalankan penyiasatan dan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang diadukan oleh pekerja-pekerja itu.

Sekiranya Ahli Yang Berhormat itu mempunyai apa-apa aduan yang tepat mengenai perkara ini, silalah kemukakan maklumat kepada Kementerian saya dan tindakan sewajarnya akan diambil.

AKTA PROFESSION UNDANG-UNDANG, 1976

7. Tuan Paramjit Singh minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang untuk meminda Akta Pengamalan Guaman untuk membenarkan para peguam yang terdiri daripada ahli politik untuk memegang jawatan dalam Jawatankuasa Peguam yang berkaitan dan juga di Majlis Peguam.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, tidak ada undang-undang yang bernama Akta Pengamalan Guaman tetapi sekiranya dengan sebutan itu Ahli Yang Berhormat bermaksud Akta Profession Undang-undang, 1976, saya suka memaklumkan bahawa tidak ada sebarang peruntukan dalam Akta tersebut yang melarang seseorang peguam yang cuma terdiri daripada ahli-ahli politik sahaja daripada memegang, jawatan dalam sesuatu Jawatankuasa Bar ataupun Majlis Peguam tetapi jika peguam itu memegang apa-apa jawatan dalam sesuatu parti politik atau ia adalah seorang Ahli Dewan Negara, Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri, seksyen 46A (1) Akta Profession Undang-undang 1976 melarang ianya daripada menjadi Ahli Majlis Peguam atau sesuatu Majlis, sesuatu Jawatankuasa Bar atau ahli mana-mana Jawatankuasa Majlis Peguam atau sesuatu Jawatankuasa Bar.

Kerajaan tidak ada sebarang cadangan untuk meminda seksyen 46A itu.

FILEM MELAYU—USAHA MENINGGIKAN MUTU

8. Tuan Jaafar bin Harun minta Menteri Penerangan menyatakan usaha-usaha Kerajaan untuk meninggikan mutu penggambaran filem Melayu dan nyatakan jumlah filem-filem Melayu yang telah disiarkan di TV pada tahun 1984 dan 1985 hingga 31 Mac ini dan nyatakan juga:

- (a) Jumlah filem Indonesia disiarkan pada tahun-tahun tersebut; dan
- (b) sama ada Kerajaan akan berusaha membanyakkkan filem Melayu dikeluarkan untuk menggantikan filem-filem Inggeris.

Timbalan Menteri Penerangan
(**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed**):
Tuan Yang di-Pertua, untuk

makluman Dewan ini jumlah filem Melayu yang disiarkan dalam tahun 1984 dan 1985 adalah seperti berikut:

<i>Filem</i>	<i>Tahun 1984</i> (<i>Jumlah disiarkan</i>)	<i>Tahun 1985</i> (<i>Hingga 31 Mac</i>)
Melayu	45	14
Indonesia	11	5
Inggeris*	220	50

*(Yang dimaksudkan filem Inggeris di sini ialah filem-filem cereka dan tidak termasuk cerita-cerita atau drama bersiri).

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bertujuan untuk meninggikan mutu serta menambah bilangan filem-filem Melayu yang ditayangkan di pawagam-pawagam ataupun menerusi TV. Antara langkah utama Kerajaan ke arah ini ialah penubuhan Perbadanan Filem Nasional Malaysia (FINAS). Di Kementerian Penerangan pula beberapa usaha sedang giat dilaksanakan dengan matlamat untuk menambahkan bilangan serta meninggikan mutu filem-filem serta drama Melayu yang disiarkan menerusi TV.

Antara langkah yang paling penting diambil ke arah ini ialah projek Kementerian saya mengswastakan projek rancangan-rancangan TV, khususnya yang berbentuk drama. Beberapa syarikat serta orang perseorangan telah menyahut peluang pengswastaan ini dan beberapa buah cerita serta mini siri sedang dalam proses penerbitan sekarang. Insyaa Allah, pada pertengahan atau penghujung tahun ini akan terlaksanalah hasil-hasil pengswastaan ini di kaca TV.

Di samping itu, Filem Negara juga telah mengatur rancangannya untuk meningkatkan mutu serta bilangan

filem-filem Melayu khususnya filem-filem rencana.

Dato Haji Zakaria bin Haji Yahaya:
Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak membuat soalan tambahan iaitu beberapa ketika dahulu saya pernah membaca dalam suratkhobar, Yang Berhormat Menteri Penerangan ada mengatakan akan cuba mengalihbahasakan filem Inggeris, umpamanya, siri popular "Dallas", "JR" akan bercakap bahasa Melayu. Adakah usaha ini sedang dibuat atau tidak akan dibuat?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:
Tuan Yang di-Pertua, soal pengalihbahasaan ini perlu diteliti dengan secermat-cermatnya kerana kita bimbang, takut-takut apakala dialihbahasakan, hasrat atau cita-cita ataupun sesuatu yang dikehendaki dalam filem itu tidak benar-benar mencerminkan kehendak yang sebenarnya.

PROJEK PELANCONGAN— TASIK EMPANGAN PEDU, KEDAH

9. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) sama ada Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia telah diminta menjalankan kajian berhubung

dengan potensi pelancungan di sekitar kawasan Tasik Empangan Pedu di Kedah dan sekiranya kajian sudah dibuat nyatakan bila kawasan itu akan dibangunkan sebagai pusat pelancungan; dan

- (b) sekiranya Perbadanan Kemajuan Pelancungan tidak berkeupayaan membangunkan kawasan Empangan Pedu itu, nyatakan sama ada syarikat-syarikat swasta akan dibenarkan membangunkannya.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia belum diminta membuat kajian berhubung dengan potensi pelancungan di kawasan Tasik Empangan Pedu di Kedah yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Kerajaan sentiasa menggalakkan pembangunan kawasan-kawasan yang mempunyai potensi pelancungan termasuk kawasan Tasik Empangan Pedu, sekiranya didapati sesuai. Tetapi di dalam hal ini saya suka memaklumkan bahawa kawasan Empangan Pedu adalah kawasan keselamatan. Setiap pelawat yang hendak pergi ke tempat berkenaan perlu mendapat kebenaran pihak berkuasa keselamatan.

Namun begitu, pada dasarnya saya ingin menjelaskan bahawa Kerajaan memang menggalakkan syarikat-syarikat swasta untuk membangunkan kawasan-kawasan pelancungan yang telah pun dikenal pasti.

PERUMAHAN AWAM KOS RENDAH—PENYUSUNAN SEMULA

10. Tuan M. G. Pandithan minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan peranan yang

dimainkan oleh Kementeriannya untuk menyusun semula masyarakat, khususnya menerusi pembinaan rumah untuk rakyat kita, selaras dengan kehendak-kehendak Rancangan Malaysia Keempat, dan sama ada beliau sedar bahawa projek-projek perumahan yang sedang diadakan sekarang itu tidak menyumbangkan terhadap matlamat ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sentiasa memberi perhatian berat terhadap usaha menyusun semula masyarakat dalam perancangan dan pelaksanaan program perumahan yang diluluskan oleh Kementerian. Melalui program perumahan awam kos rendah khususnya Kementerian dengan kerjasama dan penglibatan Kerajaan-kerajaan Negeri telah dan akan terus berusaha untuk menyediakan kemudahan perumahan awam yang mencukupi dan selesa untuk semua rakyat khususnya golongan yang berpendapatan rendah.

Dalam merancang dan melaksanakan program perumahan tersebut, pertimbangan sewajarnya diberi terhadap faktor-faktor lokasi sesuatu projek perumahan dan juga pembahagian yang adil rumah awam kos rendah yang telah dibina kepada semua rakyat yang berkelayakan selaras dengan matlamat penyusunan semula masyarakat di bawah Dasar Ekonomi Baru.

Di bawah Rancangan Malaysia Keempat sejumlah 176,000 unit telah disasarkan di bawah rancangan perumahan awam kos rendah, manakala sejumlah 90,000 unit lagi rumah kos rendah akan dibina oleh pihak pemaju swasta.

Bagi rancangan rumah awam kos rendah setakat akhir tahun 1984, sejumlah lebih daripada 57,000 unit rumah kos rendah telah dapat disediakan untuk dijual kepada golongan rakyat yang berpendapatan rendah dengan harga yang tidak melebihi \$25,000 se unit.

Program ini adalah ditujukan khas kepada mereka yang mempunyai pendapatan keluarga tidak melebihi \$750.00 sebulan. Tanpa program ini golongan berpendapatan rendah tidak akan dapat menikmati kemudahan perumahan yang mencukupi dan selesa memandangkan mereka tidak mampu untuk membeli rumah yang dibina oleh pemaju swasta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya dalam usaha untuk menyediakan lebih banyak lagi perumahan kos rendah untuk golongan rakyat berpendapatan rendah, pihak Kerajaan telah mensyaratkan supaya pemaju-pemaju perumahan swasta membina sekurang-kurangnya 30% rumah kos rendah dalam sesuatu projek perumahan mereka.

Di samping itu pihak Kerajaan telah juga menetapkan sekurang-kurangnya 30% daripada jumlah unit rumah di sesuatu projek perumahan dikhaskan untuk kaum bumiputera. Oleh itu, tidaklah dapat dinafikan bahawa rancangan perumahan awam kos rendah telah secara langsung memberi faedah kepada golongan yang berpendapatan rendah dalam mendapatkan kemudahan perumahan yang selesa di samping turut menyumbang ke arah pencapaian matlamat penyusunan semula masyarakat.

KEBULURAN DI AFRIKA— BANTUAN

11. Puan Hajjah Nen Abidah binti Haji Abdullah minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan

jumlah wang yang telah terkumpul setakat ini untuk mengatasi kebuluran di Afrika dan sama ada bantuan seperti ini akan benar-benar dapat mengatasi kebuluran di sana.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, jumlah wang yang terkumpul sehingga 12hb April, 1985 oleh 12 badan penganjur utama termasuk akhbar-akhbar tempatan bagi Tabung Mangsa Kebuluran Afrika adalah sebanyak \$1,400,130.49.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini kejadian kebuluran yang berlaku di Ethiopia dan negara-negara lain di Afrika adalah agak serius dan berleluasa. Bagi mengurangkan penderitaan mangsa-mangsa kebuluran ini Pertubuhan Bangsa-bangsa telah membuat rayuan kepada masyarakat dunia untuk menghulurkan bantuan demi perikemanusiaan kepada Ethiopia dan negara-negara yang lain di Afrika yang mengalami masalah kebuluran. Rakyat negara kita adalah salah satu komuniti dunia yang telah tampil ke hadapan untuk membantu mangsa-mangsa kebuluran ini. Saya penuh yakin bahawa sumbangan rakyat negara kita sedikit sebanyak akan membantu mengurangkan penderitaan mangsa-mangsa tersebut.

DOKTOR DAN DOKTOR PAKAR PERUBATAN MELETAKKAN JAWATAN

12. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Kesihatan menyatakan:

(a) berapa ramaikah bilangan para Doktor dan Pakar Perubatan yang telah meletakkan jawatan sebelum sampai tempoh

perkhidmatan mereka sepanjang tahun 1983 hingga awal tahun 1985 di seluruh negara dan nyatakan sebab-sebab mereka selalu berbuat demikian; dan

- (b) bilangan para Doktor dan Pakar Perubatan yang terpaksa diambil dari luar negeri untuk berkhidmat di negara ini.

<i>Tahun</i>	<i>Pegawai Perubatan</i>	<i>Pakar Perubatan</i>
1983	154	13
1984	255	28
1985 hingga Mac, 1985 ..	39	7
	448	48

Di antara sebab-sebab mereka meletakkan jawatan adalah mereka telah genap perkhidmatan wajib mereka iaitu selama 3 tahun atau untuk melanjutkan pelajaran, membuka klinik sendiri dan juga atas sebab-sebab peribadi yang lain.

- (b) Seramai 155 orang Doktor dan 49 Pakar Perubatan dari pelbagai negara di luar negeri sedang bertugas di Kementerian pada masa sekarang.

Tuan K. Kumaran: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu akibat perletakan jawatan oleh Pakar-pakar Perubatan berapa unit kepakaran di seluruh negara terbiar ataupun ditutup tanpa mempunyai pakar untuk mengelolaknya.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, dalam ingatan saya sejak 1983 tidak ada unit-unit yang ditutup akibat perletakan jawatan Pakar Perubatan.

Dato' Kamaruzaman bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sukalah saya memberitahu kepada Yang Berhormat bahawa jumlah Pegawai Perubatan dan Pakar Perubatan yang telah meletakkan jawatan dari tahun 1983 hingga 31hb Mac 1985 adalah seperti berikut:

mengemukakan soalan tambahan. Adakah disebabkan gaji mereka ini terlalu kecil salah satu daripada sebab mereka meletakkan jawatan.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, gajinya tidak boleh diperkatakan sebagai kecil tetapi jika pendapatan mereka dibandingkan dengan apa yang mereka boleh dapat di klinik-klinik swasta atau di hospital-hospital swasta memanglah pendapatan itu kecil.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita sekarang kekurangan doktor dan doktor meletakkan jawatan disebabkan oleh sampai masa tempoh wajibnya dan adakah pihak Kementerian bercadang untuk meningkat, menambahkan lagi masa wajib perkhidmatan mereka daripada tiga kepada lima atau sepuluh tahun, kerana hendak mengelakkan mereka daripada meninggalkan jawatan itu.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, kita boleh menerima keadaan di mana lebih kurang setengah daripada doktor-doktor yang diwajibkan bertugas di Kementerian

akan meletakkan jawatan selepas tempoh wajib itu sudah pun habis dan kerana mereka tidak pada mulanya pun berhasrat untuk bertugas dengan Kerajaan, ada ramai di antara mereka yang membiayai pelajaran mereka dengan wang keluarga mereka sendiri. Jadi, dalam keadaan ini Kementerian tidak ada cadangan untuk membebaskan mereka lagi dengan menambahkan lagi atau melanjutkan tempoh wajib itu.

RAKYAT MALAYSIA KE FILIPINA—MENGHALANG

13. Datuk Ishak bin Abdul Rahman minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau bercadang untuk menghalang warganegara Malaysia dari menghadiri sebarang persidangan dan melancong ke Filipina memandangkan keadaan keselamatan dan kebakaran hotel yang berlaku akhir-akhir ini di sana.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, kejadian kebakaran hotel-hotel yang berlaku di Filipina baharu-baharu ini adalah difahamkan merupakan kejadian jenayah biasa yang boleh berlaku di mana-mana sahaja termasuklah di negara kita sendiri. Dari itu, Kerajaan tidak bercadang untuk menghalang rakyat Malaysia daripada menghadiri persidangan ataupun melancong ke negara itu. Terpulanglah kepada individu yang berkenaan untuk membuat keputusannya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya No. 14 telah pun dijawab tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

FELDA—PENEROKA MENENTANG KERAJAAN

15. Tuan Mohd. Noor bin Bedah minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat sebilangan peneroka-peneroka FELDA yang menjadi "musang berbulu ayam" serta terlibat dalam gerakan menentang Kerajaan, dan nyatakan:

- (a) jumlah mereka yang diambil tindakan tatatertib atau yang disingkir; dan
- (b) langkah-langkah yang diambil bagi memastikan peneroka-peneroka FELDA menjadi masyarakat berdisiplin dan berproduktif.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah serta Kerajaan memang menyedari bahawa terdapat sebilangan peneroka-peneroka FELDA di beberapa buah rancangan terlibat di dalam gerakan menentang Kerajaan. Tetapi jumlah mereka ini adalah kecil dan terkawal. Sungguhpun gerakan penentangan ini dibuat adalah merupakan hasil gerakan politik parti Pembangkang semata-mata namun pengawasan yang rapi perlu diadakan untuk menentukan ianya tidak bertukar menjadi gerakan subversif yang boleh membahayakan keselamatan negara.

Biasanya mereka yang terlibat di dalam gerakan penentangan ini adalah merupakan orang-orang yang kecewa di dalam cita-cita hidup mereka. Mereka menabur fitnah dan menghasut peneroka-peneroka lain dengan harapan masyarakat akan berpecah-belah. Mereka sentiasa menimbulkan keadaan huru-hara dan

sengaja melanggar peraturan-peraturan yang ada semata-mata dengan tujuan menunjukkan sikap penentangan mereka. Ramai di antara mereka telah pun dikenakan tindakan tatatertib atau telah disingkirkan. Sehingga akhir tahun 1984 seramai 3,765 orang peneroka telah disingkirkan kerana pelbagai kesalahan dan sebahagian dari mereka adalah terdiri dari golongan penentang-penentang yang disebutkan di atas.

Semua peneroka adalah terikat dengan undang-undang dan peraturan yang ada terkandung di dalam surat perjanjian. Peraturan yang disediakan telah cukup untuk memastikan disiplin dan keharmonian wujud di dalam satu-satu rancangan.

Mereka yang menyebabkan perpecahan dan kekacauan pasti dihadapkan ke Jawatankuasa Tindakan Tatatertib yang ada dan dikenakan hukuman yang setimpal dengan kesalahannya. Semua tindakan tatatertib ini hanya akan diambil setelah segala memujuk, menasihati dan peringatan telah tidak memberi apa-apa kesan.

Di samping itu, para peneroka juga sentiasa diingatkan dan berhati-hati supaya tidak dipengaruhi oleh golongan penentang-penentang ini. Segala rasa tidak puas hati sepatutnya disalurkan melalui ketua-ketua yang dilantik dan bukannya dengan cara "lempar batu sembunyi tangan" yang boleh menggugat keamanan di dalam rancangan. Mereka sepatutnya sedar bahawa objektif mereka menjadi peneroka ialah untuk membaiki taraf hidup di samping menikmati kemudahan yang disediakan oleh pihak rancangan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu di manakah asal silap salahnya maka

orang-orang yang bersikap begini, setelah diberi makan ia meludah orang yang memberi makan, masuk ke dalam rancangan-rancangan kita yang seperti ini. Bagaimanakah perkara itu boleh berlaku?

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, dari segi masalahnya seperti yang saya katakan tadi, timbul kerana ia dipengaruhi, dihasut oleh selalunya orang luar daripada rancangan, dan kadang-kadang mereka ini kebanyakannya terdiri daripada yang telah pun menghadapi masalah dalam rancangan seperti, kalau mengikut angka yang diterakan atau sebab-sebab mereka disingkir, seperti misalnya menyelewengkan hasil ada 17 orang, zina 6 orang, rogol 3 orang, mencuri 7 orang, dadah 2 orang, kerja tetap di luar rancangan 4 orang, rompak bersenjata 5 orang, menceroboh rumah peneroka 2 orang, memukul kakitangan 2 orang, meninggalkan rancangan dengan kehendak sendiri, ini paling ramai, 3,639 dan lain-lain kes 78 orang. Jadi mereka yang di atas tadi iaitu 17, 6 dan sebagainya mereka ini yang telah pun menghadapi masalah yang menimbulkan masalah seperti ini.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sejak berlakunya peristiwa berdarah di FELDA Lubok Merbau, sungguhpun perkara itu telah pun diberkas oleh pihak keselamatan, tetapi apakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa risalah peristiwa berdarah di Lubok Merbau itu sekarang ini diedarkan dari satu FELDA ke satu FELDA oleh agen-agen orang-orang yang menjadi penyokong kepada kumpulan itu untuk memberi pengetahuan kepada penyokong-penyokong dan rakan-rakan mereka apa yang terkandung di dalam risalah peristiwa berdarah Lubok Merbau itu.

Jika Yang Berhormat Menteri sedar, apakah tindakan yang sedang dan akan dibuat untuk mengatasi kegiatan seperti ini?

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, pihak saya memang sedar. Selain daripada tindakan-tindakan yang telah dibuat oleh Kementerian Dalam Negeri, dari segi Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sedang mengatur beberapa program kursus-kursus sivik di peringkat rancangan sebagai menentukan benteng mempertahankan keharmonian yang sedang wujud dalam rancangan dan selain daripada itu juga mengenalpasti mereka yang dikatakan oleh penanya soalan asal tadi, Yang Berhormat Tuan Mohd Noor bin Bedah, bahawa mereka adalah "musang berbulu ayam", sedang kita cari musang-musang yang berbulu ayam ini supaya kita hendak siat kulitnya dan tahu dia itu musang atau dia itu ayam. Ini sedang kita kenalpasti dan insya Allah, kita akan mengambil tindakan seterusnya.

UNIVERSITI TEMPATAN— PENUBUHAN DAN PENGAMBILAN PENUNTUT

16. Dato' S. Govindaraj minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai cadangan untuk menyekat penuntut-penuntut melanjutkan pelajaran di luar negeri, dan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk menambah penubuhan universiti-universiti tempatan ataupun meningkatkan pengambilan penuntut ke pusat-pusat pengajian tinggi bagi menampung permintaan yang kian meningkat.

Dato Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak ada

cadangan untuk menyekat penuntut-penuntut melanjutkan pelajaran di luar negeri. Kerajaan juga belum ada cadangan untuk menambahkan penubuhan universiti tempatan. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah merancang untuk membesarkan kampus-kampus universiti yang sedia ada dan membina kampus-kampus cawangan yang baru bagi meningkatkan pengambilan penuntut-penuntut ke pusat-pusat pengajian tinggi dari tahun ke tahun. Perancangan yang terperinci akan diumumkan kemudian nanti.

PUSAT LATIHAN KHAS BELIA WANITA

17. Puan Rokiah binti Zainuddin minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kementeriannya bercadang hendak membina satu pusat latihan khas untuk belia wanita; kalau ada di mana dan bila; jika tidak mengapa.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datin Paduka Chow Poh Kheng): Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak bercadang hendak membina satu pusat latihan khas kepada belia wanita memandangkan Pusat Latihan Belia di bawah Kementerian ini iaitu Pusat Latihan Belia Dusun Tua, Pusat Latihan Belia Pertak dan Pusat Latihan Belia Kuala Terengganu masih dapat menampung keperluan latihan kepada belia wanita dalam berbagai jurusan kemahiran.

Dato' Kamaruzaman bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri memikirkan bahawa belia-belia wanita ini tidak memberi faedah kepada negara?

Datin Paduka Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, tidak. Belia wanita adalah berfaedah di semua jurusan dan latihan (*Ketawa*).

**BARANG-BARANG ELEKTRIK
TIRUAN DI PASARAN
TEMPATAN**

18. Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada benar lebih 90% barang-barang elektrik yang "Sub-Standard" dan tiruan berlambak di pasaran tempatan negeri ini; jika benar nyatakan jaminan pihak Kementerian yang barang-barang tersebut tidak membahayakan pengguna dan langkah-langkah kawalan yang diambil sekarang.

16-4-1985.

18. Tuan Mohd. Noor bin Bedah minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sekarang ini semakin banyak alat-alat elektrik mutu rendah dibuat di bengkel-bengkel tempatan atau diimport dari luar negeri telah digunakan dengan meluas di rumah-rumah kediaman dan bangunan-bangunan perusahaan; jika sedar, apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian bagi memastikan penggunaan alat-alat yang amat merbahaya ini dapat disekat atau dihapuskan.

Tuan Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos. Saya bercadang untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan dari Yang Berhormat Tuan Mohd. Noor bin Bedah yang dijadualkan untuk dijawab pada 16-4-1985 yang kedua-duanya bersabit dengan perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya sedar atas kemunculan keadaan ini tetapi ini masih terkawal. Untuk menyekat atau menghapuskan penggunaan barang-barang elektrik

yang dianggap merbahaya, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dengan kerjasama daripada Jabatan Kastam dan Institut Piawaiian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) sedang mengambil langkah-langkah secara berperingkat untuk memastikan barang-barang elektrik tersebut menjalani penilaian jenis kawalan untuk pasaran di negara ini.

Dalam hal ini, keutamaan ditumpukan kepada barang-barang jenis domestic, dengan izin. Setakat ini 16 jenis barang-barang elektrik kumpulan jenis domestic ini telah pun terkawal dan beberapa jenis lagi sedang dipertimbangkan untuk dikawal. Jaminan bahawa barang-barang ini tidak membahayakan pengguna semestinyakah tertumpu kepada kejujuran pihak pengilang kerana jaminan seperti ini melibatkan kawalan mutu yang rapi oleh pihak pengilang itu sendiri atas tiap-tiap barang keluarannya.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Selalunya kita biasa mendengar jawapan daripada pihak Menteri keadaan terkawal tetapi bila mangsa-mangsa berlaku oleh orang-orang yang tidak berdosa yang tidak mengetahui mutu barang-barang ini sama ada standardnya atau piawaiannya telah ditetapkan. Sebaliknya, Tuan Yang di-Pertua, apabila barang-barang ini telah masuk ke pasaran secara lambak 'maka pengguna-pengguna yang menjadi mangsa sedangkan tangkapan tidak pernah didengar, hukuman tidak pernah didengar terhadap penjual dan pengedar dan juga pengimport barang-barang seperti ini. Apakah keadaan ini betul-betul dikawal ataupun tidak dikawal langsung?

Tuan Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, kalau mendengar sebenarnya jawapan saya para pertama di perenggan akhir, setakat

ini 16 jenis barang-barang elektrik kumpulan domestic telah pun terkawal dan sudah tentulah ada lagi yang belum terkawal. Walau bagaimanapun, kalau terdapat kesilapannya, menjadi beban kepada pengguna-pengguna ini tidaklah dapat kita pastikan daripada segi usia barang-barang ini yang digunakan, kemungkinan melebihi daripada jangka masa yang telah ditetapkan, dengan izin, guarantee period ataupun kebanyakan daripada pengguna-pengguna ataupun sebahagian daripada mereka yang telah membeli barang-barang ini daripada tempat lain, yang diseludup masuk dan sebagainya dan apa yang menyedihkan bila berlaku perkara-perkara insiden seperti ini, mereka salahkan kepada Kerajaan, dan kita masih juga sedang menyasat perkara-perkara yang akan dipertimbangkan ataupun yang akan dikawal dalam masa yang akan datang.

Di samping itu kita juga menekankan bahawa kita minta kejujuran daripada pihak pengilang-pengilang supaya tidak merosakkan daripada segi image, dengan izin, hasil-hasil yang dikeluarkan daripada kilang ini sendiri. inilah yang diserahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri "Bersih, Cekap dan Amanah" daripada segi pengeluaran dan penggunaannya.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya berasa hairan ada barang-barang elektrik ini yang diharamkan oleh Kerajaan yang dipamerkan dalam TV dan sebagainya, tetapi barang-barang yang tertentu itu masih ada terjual di kedai-kedai dengan begitu berleluasa sekali. Mengapa begitu terjadinya?

Tuan Zainal Abidin bin Zin: Yang dipamirkan dalam TV itu ialah untuk memberitahu rakyat supaya jangan membeli barang-barang yang haram dan tidak terkawal ini. Yang salahnya penjual dan kalau Yang Berhormat

tahulah, yang kita dapat tahu perkara ini tolong laporkan kepada polis ataupun tulis surat kepada pihak SIRIM ini. Tetapi kadang-kadang perkara ini kita kemukakan dalam Dewan tidak dikemukakan di luar Dewan. Kita harap perkara-perkara ini dapat kita ketahui pula dari masa ke masa terus menerus, tidaklah sampai kepada saat-saat seperti ini. Saya sangat berterima kasih kalau kesedaran ini ada di antara rakyat di seluruh negara mahupun kakitangan Kerajaan ataupun pihak awam.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar.

Tuan K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 19.

**DOLLAR SINGAPURA/
RINGGIT MALAYSIA—
NILAI MATAWANG**

19. Tuan K. Kumaran (Di bawah S. O. 23 (2)) minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada benar bahawa kenaikan nilai matawang dollar Singapura ke paras \$1.14%, berbanding dengan nilai ringgit Malaysia adalah atas sebab-sebabnya:

- (a) bahawa Kerajaan Malaysia dengan senyap-senyap telah meminjam dari Monetary Authority of Singapore (MAS) atau Lembaga Kewangan Singapura; dan
- (b) tindakan yang diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk mengenakan cukai keluar (Exit Tax) ke atas rakyat Malaysia yang melawat Singapura dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan kerana menggalakkan membeli barangan buatan Malaysia.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, kenaikan nilai matawang dollar Singapura ke paras \$1.19

berbanding dengan nilai ringgit Malaysia tidak disebabkan oleh Kerajaan Malaysia dengan senyap-senyap meminjam wang dari, dengan izin, Monetary Authority of Singapore, kerana Kerajaan Malaysia tidak meminjam wang dari Authority atau Lembaga Kewangan Singapura itu.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga tidak mengenakan cukai keluar ke atas rakyat yang melawat Singapura dan dengan itu isu cukai keluar juga tidak merupakan sebab-sebab yang telah mengakibatkan kenaikan nilai dollar Singapura. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan kerana menggalakkan membeli barang-barang buatan Malaysia juga menghasilkan kenaikan dollar Singapura kerana peningkatan dollar Singapura disebabkan oleh pengekalannya terhadap dollar Amerika Syarikat.

Peningkatan dollar Amerika Syarikat telah diakibatkan oleh pengaliran besar modal ke Amerika Syarikat hasil dari kadar faedah yang tinggi di negara itu dibandingkan dengan faedah di negara Eropah dan Jepun. Berikut ini juga beberapa nilai mata wang negara-negara lain telah merosot termasuk Deutchemark, Yen dan pound sterling dan ringgit Malaysia. Perkembangan ini terlibat kebanyakan mata wang antarabangsa dan bukan terhad kepada ringgit kita sahaja. Walaupun nilai ringgit telah merosot terhadap dollar Amerika Syarikat, ringgit kita masih stabil dan kukuh jika dibandingkan dengan nilai composite yang merupakan sekumpulan rasmi matawang yang terdiri dari matawang rakan-rakan perdagangan negara kita yang utama. Composite ini merupakan ukuran yang lebih realistik kerana mata wang beberapa negara seperti Amerika Syarikat, Britain, German dan Jepun diambil kira dalam pertukaran ringgit. Dengan itu sebab-sebab yang

diberikan oleh Yang Berhormat itu tidaklah merupakan faktor-faktor yang menyebabkan nilai dollar Singapura meningkat terhadap ringgit negara kita.

UNESCO—CARUMAN MALAYSIA

20. Tuan K. Kumaran minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) jumlah caruman yang dibuat oleh Malaysia kepada UNESCO bagi tempoh 1980-1984;
- (b) rancangan-rancangan UNESCO di mana Malaysia turut terlibat demi kepentingan negara ini.
- (c) sama ada Malaysia percaya UNESCO tidak lagi memainkan peranan yang diinginkan dan terkeluar daripada dasarnya; dan
- (d) sama ada Malaysia akan keluar dari badan UNESCO seperti tindakan beberapa negara lain dan jika ya, mengapa; dan jika tidak apakah rancangan Malaysia yang positif ke atas kegiatan UNESCO.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Jumlah sumbangan yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia kepada UNESCO bagi tempoh 1980-1984 adalah seperti berikut:

1980	\$300,566
1981	414,680
1982	418,624
1983	409,787
1984	356,066

- (b) Rancangan-rancangan UNESCO yang Malaysia turut menyertainya adalah dalam

bidang-bidang pelajaran, sains, kebudayaan, komunikasi dan sains sosial seperti:

- (1) Dalam bidang pelajaran dikendalikan di bawah APEID (Asian Programme of Educational Innovation for Development).
 - (2) Program-program dalam bidang sains ialah IHP (Inter-Government Hydrological Programme); dan IOC (Inter-Governmental Oceanographic Commission); dan juga MAP (Man and Biosphere Programme); dan rangkaian serantau bagi 10 bidang sains.
 - (3) Dalam bidang kebudayaan, terdapat program dan aktiviti di bawah Jawatankuasa Penasihat Kebudayaan Asia Tenggara bagi UNESCO.
 - (4) Dalam bidang komunikasi, terdapat program di bawah IPDC (International Programme for the Development of Communication).
 - (5) Dalam bidang Sains Sosial terdapat program-program di bawah rangkaian serantau penyelidikan dan latihan bagi Sains Sosial.
- (c) Malaysia bersetuju dengan pendapat bahawa UNESCO mengalami beberapa kelemahan dari segi struktur pentadbirannya. Dengan itu Kerajaan kita telah menyokong cadangan supaya ditubuhkan sebuah badan bebas untuk mengkaji semula struktur

UNESCO serta memperakukan satu struktur pentadbiran yang sesuai.

- (d) Setakat ini Malaysia tidak bercadang untuk menarik diri dari UNESCO.

Malaysia yakin bahawa adalah lebih berkesan sekiranya usaha-usaha bagi memperbaiki perjalanan dan urusan UNESCO dikendalikan jika Malaysia meneruskan keanggotaannya.

Malaysia menyokong beberapa cadangan yang selaras dengan pendirian kita yang akan dikemukakan di Persidangan Agung Sessi ke 23 pada bulan Oktober. Di antaranya ialah kita menyokong supaya usaha-usaha yang serius dilaksanakan dengan berkesan oleh Ketua Pengarah UNESCO bagi memperbaiki perjalanan organisasi itu terutamanya dari segi belanjawan, intisari dan arah program.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 21 hingga 54 adalah diberi di bawah ini).

PENIAGA KECIL KEMUDAHAN

21. Puan Hajjah Hafsah binti Osman minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) Jumlah peruntukan khas yang disediakan oleh MARA untuk membantu peniaga-peniaga kecil mendapat kemudahan pinjaman \$2,000 tanpa cagaran; dan
- (b) Semenjak Kerajaan mengistiharkan bahawa MARA telah memperuntukkan balik

kemudahan pinjaman, nyatakan jumlah pemohon-pemohon dan berapa pula jumlah yang telah diluluskan oleh MARA.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Datuk Seri Sanusi bin Junid):

- (a) Semenjak sekim pinjaman khas untuk membantu peniaga-peniaga kecil dijalankan sebanyak \$25.5 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan, \$15.5 juta dalam tahun 1982 dan \$10 juta dalam tahun 1983.
- (b) Semenjak MARA mengadakan semula kemudahan pinjaman khas pada April, 1983 setelah dibekukan pada akhir tahun 1982, butir-butir pinjaman dikeluarkan adalah seperti berikut:
- (i) Jumlah permohonan-pemohon untuk pinjaman khas adalah sebanyak 2,362 orang untuk pinjaman yang berniali \$4.7 juta. Pemohon-pemohon yang telah diluluskan adalah seramai 1,172 orang dengan nilai sebanyak \$2.0 juta.

**RUNDINGAN PERDANA
MENTERI DENGAN
PRESIDEN SUHARTO**

22. Dato Kamaruzaman bin Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan hasil rundingan beliau dengan Presiden Suharto semasa lawatan rasmi beliau ke Jakarta baru-baru ini.

Perdana Menteri: Saya ingin memaklumkan bahawa jawapan kepada soalan ini telah pun diberi semasa saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Sen. Mohd. Yusof bin Kassim pada hari ini. Saya tidak ada sebarang tambahan kepada jawapan tersebut.

**PUSAT BAHASA MELAYU
SERANTAU**

23. Tuan Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan minta Menteri Pelajaran menyatakan sehingga **kini** apakah tindakan yang telah diambil ke arah menubuhkan Pusat Bahasa Melayu Serantau; dan apakah peranan dan sumbangan kerajaan bagi memastikan Pusat ini dapat berfungsi dengan baik dan berjaya mencapai matlamatnya oleh kerana Bahasa Melayu merupakan di antara 10 Bahasa yang terbanyak sekali digunakan di seluruh dunia.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Cadangan untuk menubuhkan Pusat Bahasa Melayu Serantau masih lagi dalam pertimbangan pihak Kerajaan memandangkan kepada keadaan sekarang dan kos yang terlibat bagi rancangan ini.

**MAKTAB SWASTA—SUKATAN
PELAJARAN**

24. Puan Hajjah Hasanah binti Haji Mohd. Kassim minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sama ada Kementeriannya mengawal sukatan pelajaran di Maktab-maktab swasta yang ada di negara ini; dan
- (b) sama ada didapati sekolah-sekolah dan maktab-maktab swasta membuat hubungan terus dengan kedutaan-kedutaan asing dengan tujuan tertentu.

Dato' Dr Ling Liong Sik:

- (a) Di bawah Akta Pelajaran 1961, Maktab-maktab swasta di negara ini perlu didaftarkan dengan Kementerian Pelajaran. Sebelum pendaftaran dilaksanakan, maktab-maktab swasta berkenaan diperlukan menyampaikan kepada Pendaftaran Sekolah semua

sukatan-sukatan pelajaran yang digunakan serta maklumat-maklumat mengenai jenis-jenis peperiksaan bagi kursus-kursus yang dijalankan. Sukatan-sukatan pelajaran ini pada amnya mematuhi kehendak-kehendak peperiksaan yang tertentu, sama ada peperiksaan-peperiksaan itu disediakan oleh badan-badan peperiksaan dalam negeri atau luar negeri.

- (b) Setakat yang diketahui tidak ada didapati sekolah-sekolah dan maktab-maktab swasta membuat hubungan terus dengan kedutaan-kedutaan asing dengan tujuan-tujuan tertentu. Walau bagaimanapun Kementerian Pelajaran ada mengeluarkan peraturan-peraturan tertentu bagi tujuan mengawasi perhubungan secara langsung di antara sekolah-sekolah, maktab-maktab, Persatuan Ibubapa dan Guru serta penuntut-penuntut dengan kedutaan-kedutaan asing.

TABUNG HAJI—KEMUDAHAN JEMAAH HAJI

25. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada LUTH akan sedia memberikan kemudahan kepada Jemaah Haji tinggal lebih lama dari masa yang telah ditetapkan oleh LUTH, jika benar, berapa lamakah masa yang dibenarkan mereka berada di Tanah Suci.

Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Tabung Haji sedia memberi kemudahan kepada Jemaah Haji yang hendak tinggal di Tanah Suci lebih lama dari masa yang telah ditetapkan.

Tempoh masa yang paling lama yang boleh diberi kepada Jemaah Haji adalah dari masa mereka tiba di Tanah

Suci sehingga ke tarikh penerbangan Catar Haji terakhir bertolak balik ke Tanah Air selepas Musim Haji.

Dalam apa keadaan sekalipun, Jemaah Haji hanya dapat tinggal di Tanah Suci mengikut tempoh lakunya (validity) Visa Haji yang diluluskan oleh Kerajaan Arab Saudi.

Tempoh itu adalah bagi sesuatu Musim Haji yang bermula dari awal bulan Syawal sehingga akhir Penerbangan Catar Haji bagi sesebuah negara, biasanya pada pertengahan bulan Muharam tahun yang berikutnya.

IMBANGAN PEMBAYARAN AKAUN SEMASA

26. Tuan Abdul Ghani bin Othman minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan Resessi ekonomi dunia ialah satu krisis struktur apakah struktur yang akan dilakukan terutama sekali mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan keadaan pergantungan ekonomi negara kita di bidang perdagangan luar, pinjaman luar, pelaburan asing dan teknologi yang diimport; dan apakah perancangan dan strategi kerajaan untuk mengurangkan keadaan pergantungan ini dan sambil itu pula memberi penekanan terhadap pembangunan sektor domestik ekonomi negara kita.

Dato' Sabbaruddin Chik: Masalah-masalah struktur negara kita pada ketika ini ialah kurangan imbalan pembayaran dalam akaun semasa, bayaran khidmat hutang yang kian meningkat, kedudukan kewangan Kerajaan yang ketat dan kurangan tabungan membiayai pelaburan. Oleh itu, Kerajaan telah dan akan terus menggubal strategi yang sesuai bagi mengatasi masalah-masalah ini.

Dalam bidang perdagangan luar, Kerajaan telah dan akan terus

menggalakkan pengeksporth-pengeksporth kita mempelbagaikan pasaran eksport Malaysia. Pada ketika ini, kebanyakan eksport Malaysia masih lagi tertumpu kepada beberapa negara maju. Walau bagaimanapun dengan adanya usaha-usaha yang telah diambil oleh Kerajaan, Malaysia dapat mengurangkan sedikit pergantungan perdagangan luar Malaysia kepada negara-negara maju ini. Misalnya, pada tahun 1975 kira-kira 54% eksport Malaysia adalah dieksporthkan kepada Amerika Syarikat, EEC dan negeri Jepun. Pada tahun 1984 pula, eksport ke negara-negara ini adalah 48% dari jumlah eksport negara. Langkah-langkah yang telah diambil dan akan diteruskan oleh Kerajaan untuk mengurangkan pergantungan prestasi eksport negara kepada prestasi ekonomi negara-negara maju, ialah, antara lain:

- (a) Meningkatkan kerjasama ASEAN dalam bidang perdagangan;
- (b) Mengadakan rombongan perdagangan ke luar negeri terutamanya di pasaran-pasaran bukan tradisional bagi meningkatkan perdagangan dua hala;
- (c) Memperkenalkan konsep "Counter-trade" dengan negara-negara yang mempunyai masalah pertukaran wang asing; dan
- (d) Memberi galakan-galakan meningkat eksport di luar negeri dan mempelbagaikan keluaran eksport.

Usaha-usaha ini telah membolehkan perdagangan luar kita dengan negara-negara bukan tradisi seperti ASEAN, Korea Selatan dan Asia Barat meningkat dari 28% dari jumlah eksport pada tahun 1975 kepada 35% pada tahun 1984.

Kerajaan juga telah dan akan terus mengambil tindakan untuk

mengurangkan import. Tindakan-tindakan ini adalah termasuk kawalan perbelanjaan Kerajaan dan Agensi-agensi Di Luar Belanjawan, pengenaan duti import ke atas barang-barang mewah dan barang-barang yang bersaing dengan keluaran tempatan serta kempen membeli barang-barang buatan Malaysia. Di samping itu, galakan-galakan telah dan akan terus diberi kepada penubuhan industri-industri yang dapat mengeluarkan barang-barang gantian import. Berdasarkan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan dengan kerjasama pengeksporth-pengeksporth kita, Malaysia telah dapat mencatat lebih dagangan sebanyak \$1,093 juta pada tahun 1983 dan \$6,420 juta pada tahun 1984.

Dalam usaha mengurangkan pinjaman luar negara, Kerajaan telah dan akan terus mengawal perbelanjaan pembangunan Kerajaan dan Agensi-Agensi Di Luar Belanjawan. Di samping itu, usaha telah diambil untuk meminjam dengan kadar faedah yang lebih murah bagi membayar hutang yang mempunyai kadar faedah yang tinggi. Kerajaan akan meneruskan pengurusan pinjaman luar yang cermat supaya paras pinjaman negara tidak menjejaskan kestabilan ekonomi.

Kerajaan tidak bercadang untuk mengurangkan pelaburan asing dan teknologi yang diimport. Malah Kerajaan akan terus menggalakkan kemasukan pelaburan asing dan teknologi luar yang sesuai ke negara ini sebagai salah satu usaha Kerajaan menggalakkan sektor swasta meningkat sumbangannya kepada pertumbuhan ekonomi, dan memperkukuhkan struktur ekonomi negara. Pelaburan sektor swasta dari dalam dan luar negeri adalah penting terutamanya memandangkan pelaburan Kerajaan akan dikawal demi menjaga kedudukan kewangan

Kerajaan. Pelaburan asing terutamanya dalam industri berorientasikan eksport boleh meningkatkan peluang pekerjaan bagi negara ini.

Walau bagaimanapun, strategi yang sesuai yang membolehkan kita berdikari membangunkan negara kita ialah bagi rakyat kita, dengan sokongan dari Kerajaan, bertindak meningkatkan daya pengeluaran dan tabungan negara supaya kita tidak payah bergantung sangat kepada pinjaman luar dan pelaburan asing. Sektor swasta kita haruslah menjalankan penyelidikan dan pembangunan bagi meningkatkan jumlah dan mutu pengeluaran serta mempelbagaikan jenis pengeluaran mereka. Galakan-galakan bagi sektor swasta meningkatkan kegiatan penyelidikan dan pembangunan telah pun Kerajaan memperkenalkan pada tahun 1983. Kerajaan juga telah memberi galakan bagi rakyat kita meningkatkan tabungan. Pendapatan faedah dari simpanan dengan Bank Simpanan Nasional dan simpanan tetap yang melebihi 12 bulan dengan institusi-institusi kewangan telah dikecualikan dari cukai. Kadar faedah telah juga ditingkatkan bagi menggalakkan simpanan dan pengaliran wang ke dalam negeri ini. Di samping itu, kemudahan-kemudahan pembiayaan yang istimewa dan berbagai galakan telah diperkenalkan bagi sektor swasta kita meningkatkan pelaburan dalam industri-industri yang boleh memperkukuhkan asas pengeluaran negara. Adalah diharapkan rakyat kita mengambil kesempatan galakan-galakan yang diberi oleh Kerajaan demi kesejahteraan rakyat dan negara ini.

KERAKYATAN—PEMOHON BUKAN BUMIPUTERA

27. Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman minta Menteri Dalam Negeri

menyatakan jumlah pemohon bukan Bumiputera yang memohon kerakyatan Malaysia yang telah diluluskan sejak tahun 1980, 1981, 1982, 1983 dan 1984.

Menteri Dalam Negeri (Dato' Musa Hitam): Adalah menjadi amalan Kementerian Dalam Negeri tidak menyimpan rekod permohonan taraf kerakyatan mengikut keturunan pemohon. Jumlah permohonan taraf kerakyatan yang boleh diluluskan dalam tahun 1980 hingga tahun 1984 adalah seperti berikut:

1980 ..	1,082
1981 ..	594
1982 ..	1,118
1983 ..	1,701
1984 ..	1,469
	5,964

PEGAWAI AWAM DI BAHAGIAN HAL EHWAL BEKAS PERAJURIT

28. Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim minta Menteri Pertahanan menyatakan sebab-sebab mengapa:

- (a) ketiga-tiga jawatan tinggi di Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit diperuntukkan kepada Pegawai-Pegawai Awam dan bukannya kepada Pegawai-Pegawai Angkatan Tentera atau pun Bekas-bekas Perajurit Malaysia;
- (b) hanya 9 buah jawatan sahaja di dalam Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit yang diperuntukkan kepada anggota Angkatan Tentera berbanding dengan 206 buah jawatan yang diperuntukkan kepada pihak Awam; dan

- (c) Kementerian Pertahanan tidak memperuntukkan jawatan-jawatan di dalam Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit khas untuk Bekas-bekas Perajurit Malaysia.

Menteri Pertahanan (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Pada konsepnya Latihan Peralihan merupakan salah satu daripada tugas dan tanggungjawab Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit Kementerian Pertahanan. Latihan Peralihan ini adalah untuk memberi peluang serta memperlengkapkan diri untuk bakal-bakal bekas perajurit dengan berbagai latihan dan pengetahuan sebelum mereka kembali menjalani kehidupan sebagai orang awam. Oleh yang demikian adalah wajar tugas dan tanggungjawab untuk mengendalikan segala latihan peralihan ini diuruskan oleh Bahagian Awam, Kementerian Pertahanan. Berdasar kepada konsep inilah maka Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit dianggotai oleh pegawai-pegawai awam melainkan beberapa anggota tentera yang berpangkat Mejar dan ke bawah serta lain-lain pangkat. Pegawai-pegawai tentera dan lain-lain pangkat ini ditempatkan di Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit adalah untuk membantu Bahagian ini dalam (ugas-tugas perhubungan dengan Bahagian Tentera, dan juga menjalankan kuat-kuasa tatatertib anggota tentera semasa mereka menjalani latihan peralihan, kerana dalam masa latihan ini bakal-bakal bekas perajurit masih tertakluk kepada undang-undang tentera.

Untuk menjawab bahagian ketiga soalan Yang Berhormat perlulah kita ambil ingatan bahawa peranan bahagian ini adalah untuk memberi latihan serta penyesuaian dengan kehidupan awam dan membantu untuk mendapatkan pekerjaan tetapi bukan menjadisatubadan pengambilan pekerja. Masalah juga akan timbul

dalam menentukan jenis jawatan yang akan diberi kepada mereka terutamanya kepada bekas-bekas pegawai tinggi tentera, Sebagaimana yang saya nyatakan awal tadi tugas bahagian ini adalah untuk mengubahsuaikan bakal-bakal bekas perajurit dari kehidupan tentera kepada kehidupan awam dan sekiranya bekas-bekas perajurit masih lagi diberi tugas-tugas yang melibatkan ketenteraan maka matlamat asal bahagian ini tidak akan tercapai.

LPN—MEMBELI PADI DARIPADA PESAWAH

29. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa LPN telah gagal mempercepatkan proses membeli padi daripada pesawah-pesawah; jika sedar, nyatakan tindakan Kementerian beliau bagi mengatasi masalah tersebut pada musim akan datang.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Adalah tidak benar untuk mengatakan bahawa LPN telah gagal mempercepatkan proses membeli padi daripada pesawah.

LPN telah mengambil berbagai-bagai tindakan untuk mempercepatkan proses pembelian seperti menjalankan operasi 24 jam di kompieks-kompleks di musim-musim kemuncak penuaian. Walau bagaimanapun masalah ini tidak dapat dielakkan sepenuhnya kerana aliran masuk padi yang banyak dalam masa yang singkat ke kompleks-kompleks LPN yang berpunca dari corak penuaian secara serentak di semua kawasan padi utama di samping penggunaan jentuai yang meluas.

Sebagai pembeli terakhir, LPN juga terpaksa membeli semua padi yang dibawa oleh petani-petani tanpa

mengira keadaan dan mutunya. Keadaan ini menjadi lebih menekan apabila pihak swasta enggan membeli padi yang dibawa oleh petani-petani bagi mengelakkan kerugian.

LPN akan sentiasa menambah kemudahan-kemudahan yang ada bagi mengatasi sebarang masalah kelewatan pembelian di setiap musim penuaian.

CARUMAN KWSP—MENAIKAN FAEDAH

30. Tuan D.P. Vijandran minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada faedah ke atas caruman simpanan wang kumpulan pekerja akan dinaikkan untuk faedah pencarum-pencarum; jika ya, nyatakan kadar kenaikannya dan bila akan dilaksanakan dan jika tidak nyatakan sebab-sebabnya.

Dato' Sabbaruddin Chik: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja telah mengkaji semula skim-skim yang ada sekarang dengan tujuan untuk memperbaiki dan mempertingkatkan lagi faedah-faedah kepada pencarum-pencarumnya sebelum dan selepas bersara. Kajian tersebut termasuklah cadangan supaya kadar caruman KWSP dinaikkan. Walau bagaimanapun, setakat ini keputusan belum dibuat ke atas cadangan-cadangan tersebut dan kajian ini masih dalam pertimbangan Kementerian Kewangan.

BANGUNAN STESEN KERETAPI DI ALOR SETAR

31. Tuan Ahmad bin Othman minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang hendak menggantikan Bangunan Stesen Keretapi yang lama di Bandar Alor Setar dengan Bangunan yang baru kerana memandangkan kepesatan

pembangunan di Bandar Alor Setar, stesen keretapi yang ada sekarang tidak sesuai lagi, jika ada bilakah projek-projek ini hendak dilaksanakan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu memang bercadang hendak membaharui bangunan stesen keretapi yang lama di Alor Setar dan rancangan ini adalah termasuk di dalam projek-projek yang telah dikemukakan kepada agensi-agensi tertentu untuk pertimbangan dalam Rancangan Malaysia Kelima.

DASAR BERAS NEGARA

32. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada dasar penanaman padi cukup 100% untuk keperluan negara akan dikaji semula, memandangkan bahawa dalam ASEAN ada negara-negara ahli yang mengeluarkan beras lebih daripada yang diperlukan dengan harga yang rendah dan kualiti yang tinggi yang boleh diimport ke Malaysia, dan memandangkan bahawa kos pengeluaran beras di Malaysia adalah lebih tinggi.

Dr Goh Cheng Teik: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Dasar Beras Negara telah menetapkan paras kecukupan beras di antara 80% dan 85% daripada keperluan negara dan bukan 100%. Memandangkan bahawa kos pengeluaran beras tempatan adalah lebih tinggi jika dibanding dengan harga-harga beras yang diimport, Kementerian Pertanian sedang berusaha mengkaji semula dasar beras negara supaya dapat menentukan satu matlamat tingkat pengeluaran tempatan yang sesuai dan akan mengurangkan kos sektor awam bersabit dengan pengeluaran beras tanpa menjejaskan status sosio-ekonomi petani dan aspek strategik dan keselamatan negara.

BANK MEMILIKI EKUITI SYARIKAT PEMBINAAN

33. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada untuk menggerakkan sektor pembinaan di negara ini, Kerajaan bercadang membuat pindaan undang-undang supaya membolehkan bank-bank memiliki ekuiti syarikat pembinaan seperti yang berlaku di negara Jepun.

Dato' Sabbaruddin Chik: Kerajaan belum ada rancangan untuk membuat pindaan undang-undang bagi membolehkan bank-bank memiliki ekuiti dalam syarikat-syarikat pembinaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sektor pembinaan di negara ini memperolehi sumber kredit yang mencukupi daripada bank-bank perdagangan. Malah, sebahagian besar daripada pinjaman bank pada masa ini adalah tertumpu kepada kegiatan pembinaan dan hartanah.

SKANDAL BMF—SIASATAN

34. Dato' G. Pasamanickam minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada mereka yang terlibat di dalam skandal BMF telah pun diberkas kesemuanya, dan jika belum nyatakan langkah yang akan diambil oleh Kerajaan bagi memberkas dan membawa kesemua ke muka pengadilan.

Dato' Sabbaruddin Chik: Mereka yang dinyatakan terlibat dalam kes pinjaman BMF (Hong Kong) belum lagi ditangkap. Berdasarkan syor-syor dalam Laporan Jawatankuasa Penyiasat yang diketuai oleh Yang Berbahagia Tan Sri Ahmad Noordin, Bank Bumiputera Malaysia Bhd. (BBMB) telah pun membuat beberapa laporan polis. Berdasarkan laporan-laporan itu, Kerajaan telah pun mengarahkan pihak polis menjalankan

penyiasatan lanjut berhubung dengannya. Pihak polis pula telah melaporkan hasil penyiasatan mereka itu kepada pihak Peguam Negara. Setelah mengkaji laporan atas penyiasatan polis tersebut, Peguam Negara mendapati beberapa perkara perlu dijelaskan. Beliau telah mengarahkan pihak polis untuk menjalankan penyiasatan lanjut dengan tujuan mendapatkan kenyataan yang lengkap serta penjelasan terhadap butir-butir yang dimaksudkan itu yang mana amat penting bagi membolehkannya membuat keputusan. Setakat ini pihak polis belum lagi selesai menjalankan penyiasatan lanjut sepertimana yang diarahkan itu.

SYARIKAT-SYARIKAT KEWANGAN

35. Puan Sri Janaki Athi Nahappan minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan syarikat-syarikat kewangan yang dimiliki oleh orang-orang bumiputera, China dan India.

Dato' Sabbaruddin Chik: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah syarikat Kewangan di Malaysia sehingga bulan Februari 1985 adalah sebanyak 46 buah. Struktur pemegang saham bagi syarikat-syarikat kewangan tersebut adalah terdiri dari 11.4% dipegang oleh Kerajaan dan agensi-agensinya, 29.3% oleh bumiputera, 47.3% oleh bukan bumiputera dan 12% lagi dipegang oleh pihak asing.

PEMBERIAN AWARD KES KEMALANGAN

36. Tuan Paramjit Singh minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan mengkaji untuk memperkenalkan Rang Undang-undang yang sama seperti yang terdapat di Singapura yang menghendaki pemberian award di

dalam kes-kes kemalangan disimpan bersama untuk Pendaftaran Mahkamah Tinggi dan sama ada beliau akan mewajibkan para peguam mencukaikan bil kosnya dengan Pendaftaran Mahkamah-mahkamah Tinggi di Malaysia.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak jelas. Penetapan bil kos sentiasa dijalankan oleh mahkamah melainkan dipersetujui sebaliknya oleh pihak-pihak berkenaan. Mengikut amalan sekarang, bil kos dimenetapkan kiranya diperintahkan oleh mahkamah dan amalan ini adalah wajar dan berpatutan. Oleh itu buat masa ini Kerajaan tidak ada cadangan untuk mewajibkan para peguam menetapkan bil kos mereka dengan mahkamah.

DADAH/ORANG PELARIAN/ KAMPUCHEA

37. Tuan Jaafar bin Harun minta Menteri Luar Negeri menyatakan perkembangan lawatan Setiausaha Agong Bangsa-Bangsa Bersatu ke Malaysia pada Februari 85 yang lalu, berhubung dengan soal DADAH, ORANG-ORANG PELARIAN dan masalah KAMPUCHEA dan bagaimanakah pula peranan Malaysia dalam perkara tersebut.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tujuan utama lawatan Encik Perez de Cuellar, Setiausaha Agong PBB, ke negara-negara di rantau Asia-Tenggara/Pasifik termasuk Malaysia, ialah untuk meninjau sendiri keadaan terbaru di Kampuchea dan untuk bertukar-tukar pendapat dengan pemimpin-pemimpin negara di rantau Ini dalam usaha mencari penyelesaian politik di Kampuchea. Lawatan beliau kebetulan pula berlaku ketika Vietnam sedang bertubi-tubi membuat serangan semasa musim kemarau di

sepanjang sempadan Thai-Kampuchea. Oleh yang demikian perhatian banyak tertumpu kepada isu Kampuchea daripada isu-isu lain. Di samping itu Y.A.B. Perdana Menteri sempat juga membangkitkan soal Antartica dan soal dadah yang kini merupakan musuh negara, tetapi tidak berkesempatan untuk membincangkan masalah orang-orang pelarian dengan Setiausaha Agong PBB.

Dalam soal Kampuchea, Setiausaha Agong tersebut telah menerangkan bahawa beliau tidak membawa apa-apa cadangan konkrit yang boleh menyelesaikan konflik di Kampuchea dengan segera. Beliau sekadar ingin meninjau sendiri keadaan di Kampuchea dengan harapan lawatan beliau itu dapat membuka jalan kepada dialog di antara pihak-pihak yang bersengketa. Beliau telah memberi taklimat dan perilaian mengenai hasil perbincangan beliau dengan pemimpin-pemimpin Thailand, Kampuchea, Vietnam dan Laos yang beliau telah temui sebelum melawat Malaysia. Y.A.B. Perdana Menteri telah mengalu-alukan usaha-usaha Setiausaha Agong itu dan memaklumkan bahawa Malaysia akan menilai perkembangan baru hasil dari lawatan Encik de Cuellar itu. Berhubung dengan ini Malaysia sentiasa memberi sokongan penuh kepada usaha PBB untuk membantu badan dunia tersebut mencari jalan bagi mencari penyelesaian politik yang menyeluruh lagi berkekalan di Kampuchea. Peranan Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain dalam memperjuangkan isu Kampuchea khasnya di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sudah tidak asing lagi dan sentiasa disanjung kerana dari tahun ke tahun jumlah undi yang menyokong usaha-usaha kita kian bertambah.

Mengenai dadah, Y.A.B. Perdana Menteri telah menerangkan mengenai usaha-usaha Malaysia untuk

membentras masalah dadah. Setiausaha Agong PBB telah memuji serta melahirkan penghargaannya kepada usaha-usaha Malaysia memperkenalkan masalah dadah sebagai satu masalah politik yang mengancam keselamatan negara. Konsep atau "approach" yang Malaysia ambil ini telah menarik perhatian Setiausaha Agong PBB itu dan beliau telah memberi jaminan untuk memberi kerjasama di peringkat antarabangsa untuk membentras masalah ini.

EMPANGAN PEDU-SUMBER AIR

38. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) Sama ada Empangan Pedu di Kedah selain dari digunakan sebagai sumber air, juga akan digunakan untuk menjanakan bekalan elektrik; dan
- (b) Sekiranya tidak ada rancangan bekalan elektrik dari empangan itu nyatakan rancangan Kerajaan untuk membekalkan kuasa elektrik ke Kawasan Utara Negeri Kedah.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok):

- (a) Pada masa ini belum ada rancangan untuk menggunakan Empangan Pedu di Kedah untuk tujuan menjana tenaga elektrik. Air yang ditakung di empangan tersebut hanya dilepaskan kira-kira selama 5 bulan dalam setahun dan bagi tempoh 7 bulan selebihnya hanyalah untuk menyimpan/ menakung air sahaja.

Setakat ini LLN belum lagi diminta untuk menjalankan kajian kemungkinan (feasibility

study) untuk menentukan sama ada Stesen Mini Hidro boleh dibina di empangan tersebut.

- (b) Pada masa ini sistem bekalan elektrik LLN 11 kV telah pun ada di kawasan-Utara Kedah. Untuk memperkuat sistem pembahagian tenaga elektrik ini, suatu sistem talian atas 33kV sedang dibina dari Kepala Batas ke Kuala Nerang, Naka dan Sg. Tiang iaitu sebahagian dari projek sistem 33kV Lembah Kedah. Projek ini dijangka siap pada akhir tahim ini.

Bekalan pukal untuk sistem 33kV Lembah Kedah ini diperolehi dari Stesen Janaelektrik Perai melalui grid Kebangsaan 275/132kV ke Alor Setar. Jika didapati perlu sistem pembahagian 33kV ini boleh diperluaskan lagi untuk memberi bekalan elektrik ke mana-mana tempat yang memerlukannya, mengikut kedudukan kewangan dan keutamaan.

PENGGANAS KOMUNIS— KEGIATAN

39. Tuan M. G. Pandithan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada kegiatan dan kekuatan pihak anasir-anasir komunis di negara kita sedang berkembang ataupun memerintah sejak tamatnya kecemasan, dan di manakah kegiatan-kegiatan mereka dipusatkan sekarang, dan apakah kerjasama dari rakyat kita dalam mencegah kegiatan komunis.

Dato' Musa Hitam: Untuk makluman Yang Berhormat sehingga sekarang pergerakan dan kegiatan pengganas komunis di negara kita telah beransur kurang. Ini adalah disebabkan tindakan tegas yang

dijalankan oleh pasukan keselamatan dari masa ke semasa yang melumpuhkan pergerakan mereka. Buat masa ini Pegganas-pegganas Komunis telah menumpukan kegiatan-kegiatan mereka di pinggir hutan di utara Perak, Pahang Barat, Ulu Kelantan dan Ulu Selangor. Kerajaan berpuashati dengan kerjasama orang ramai yang telah menolong pasukan keselamatan membendung kegiatan anasir-anasir jahat ini.

BAYI HARAM VIETNAM— KELAHIRAN DI PULAU BIDONG

40. Puan Hajjah Nen Abidah binti Haji Abdullah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kelahiran bayi haram di Pulau Bidong telah meningkat daripada 30% kepada 40% dan kadar ini mungkin meningkat, dan sama ada beliau sedar bahawa anak-anak ini telah dijadikan anak-anak angkat kepada keluarga-keluarga Melayu dan oleh itu adakah Kementerian akan membuat peraturan/pengawasan dalam cara pemberian anak angkat ini.

Dato' Musa Hitam: Dari baki seramai 8548 orang pendatang haram Vietnam yang berada di negara ini pada akhir tahun 1982 dan kemasukan seramai 10922 orang dalam tahun 1983, seramai 214 bayi telah dilahirkan dalam tahun itu. Dari baki seramai 10052 pendatang haram pada akhir 1983 dan kemasukan seramai 9035 tahun 1984, sebanyak 226 kelahiran telah berlaku. Dalam tahun 1985 sehingga 13-4-1985, 65 bayi telah dilahirkan. Dari jumlah kelahiran ini, kelahiran bayi haram tanpa nikah hanya segelintir sahaja dan dakwaan peningkatan kelahiran bayi haram daripada 30% kepada 40% adalah tidak benar. Namun "demikian, Kerajaan dengan kerjasama pihak Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-bangsa Bersatu Bagi Pelarian (UNHCR) telah

memesatkan kempen perancangan keluarga di kalangan pendatang haram Vietnam.

Dakwaan bahawa bayi-bayi pendatang haram Vietnam diberi kepada keluarga-keluarga Melayu sebagai anak angkat adalah juga tidak benar, kerana Kerajaan tidak membenarkan anak-anak pendatang haram Vietnam diambil sebagai anak angkat oleh rakyat Malaysia.

Semua pusat penempatan sementara pendatang haram Vietnam dikawal dengan rapi oleh -pihak yang berkenaan dan setiap orang yang keluar atau masuk ke pusat berkenaan diperiksa dengan teliti. Oleh yang demikian bayi-bayi pendatang haram Vietnam tidak dapat dibawa keluar sama sekali dari pusat penempatan sementara oleh orang-orang yang tidak boleh dibawa keluar tanpa kebenaran.

PENDATANG HARAM DI SEKTOR PERTANIAN

41. Dato' S. Govinda Raj minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada kemasukan beribu-ribu pendatang haram ke negara ini yang bekerja di sektor-sektor pertanian dan pembinaan, akan menjejaskan kepentingan buruh-buruh tempatan dan menyalahi undang-undang.

Dato' Musa Hitam: Pada masa ini pihak Kementerian Dalam Negeri mengambil tindakan tegas mengikut undang-undang di bawah Akta Imigresen 1959/63 terhadap mana-mana warganegara asing yang masuk ke negara ini secara haram dan mereka tetap akan ditangkap, didakwa dan diusir ke negeri asal mereka sekiranya dikesan. Tindakan tegas ini adalah diambil untuk menjaga dan menjamin kepentingan peluang-peluang pekerjaan bagi rakyat negara ini.

MOTOSIKAL BAGI POSMEN DI PEJABAT POS TAPAH

42. Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bila masanya posmen-posmen di Pejabat Pos Tapah, Perak akan dilengkapi dengan motosikal untuk kemudahan mereka menjalankan tugas.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Jabatan Perkhidmatan Pos telah dan sentiasa mengambil tindakan untuk memperbaiki dan meninggikan mutu dan kecekapan Jabatan Pos dengan memperkenalkan penyerahan dengan menggunakan motosikal. Usaha-usaha sedang dijalankan bagi mendapatkan motosikal untuk menggantikan basikal yang digunakan dalam tugas penyerahan oleh posmen.

Di pejabat Pos Tapah, Perak terdapat 7 "beat" serahan. 1 dari 7 "beat" tersebut menggunakan motosikal dan yang lainnya menggunakan basikal. Dalam tahun 1982, cadangan telah pun dibuat untuk mendapatkan 1 lagi motosikal tetapi tidak berjaya sehingga sekarang oleh kerana kemelesetan ekonomi. Bilakah kesemua posmen-posmen di Pejabat Pos itu akan dapat dilengkapi dengan motosikal adalah bergantung kepada kemampuan kewangan dan peruntukan kewangan yang diluluskan bagi pembeliannya.

PERKHIDMATAN RAILBUS

43. Tuan K. Kumaran minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) respon rakyat kepada perkhidmatan railbus yang dijalankan secara ujian baru-baru ini; dan
- (b) sama ada Kementerian ingin meneruskan perkhidmatan railbus ini ke destinasi-destinasi yang tersebut; jika ya, nyatakan jenis railbus yang akan dibeli

sama ada railbus dari Hungary atau British Leyland dan kos pembelian serta jumlah railbus yang akan dibeli.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman:

- (a) Konsep perkhidmatan railbus adalah diuji semenjak bulan Ogos 1984 di beberapa kawasan di dalam sistem KTM iaitu di antara Johor Baharu dan Singapura, Butterworth dan Alor Star, Butterworth dan Taiping, Gua Musang dan Kuala Lipis/Kuala Krau, Kuala Krai dan Kuala Lipis dan Ipoh dan Butterworth. Railbus yang diguna adalah dipinjamkan oleh Kerajaan British dan Syarikat Ganz-Mavag, Hungary.

Sambutan dari orang ramai adalah menggalakkan. Sehingga hari ini lebih kurang 140,000 penumpang telah menggunakan perkhidmatan railbus tersebut.

Mulai 22-4-1985 perkhidmatan ujian railbus tersebut akan diadakan di antara Gemas dan Kluang.

- (b) Perkhidmatan ujian untuk kedua-dua buah railbus tersebut akan terus diperluaskan ke beberapa destinasi yang lain di dalam sistem KTM ini untuk menilai sambutan orang ramai dan prestasi teknikal.

Pentadbiran KTM telah pun mengemukakan cadangan kepada agensi-agensi tertentu untuk pertimbangan pembelian 10 set railbus di bawah peruntukan kewangan Rancangan Malaysia Kelima. Jenis railbus yang akan dibeli belum diputuskan kerana ini adalah tertakluk kepada penilaian tender yang akan dibuat untuk pembeliannya nanti.

**PENCEROBOHAN VIETNAM KE
ATAS THAILAND**

44. Tuan K. Kumaran minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) pendirian Malaysia terhadap pencerobohan tentera Vietnam ke atas Thailand baru-baru ini;
- (b) bantahan yang dibuat dan sokongan yang diberi kepada Thailand atas perbuatan keji ini; dan
- (e) sama ada ASEAN/Malaysia percaya tentang kenyataan Vietnam bahawa tentera mereka tersilap masuk ke sempadan Thailand.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Malaysia amatlah memandang berat terhadap pencerobohan tentera Vietnam ke atas Thailand baru-baru ini. Pencerobohan tersebut telah menegangkan keadaan keselamatan di sempadan Thailand/Kampuchea. Malaysia telah mengeluarkan satu kenyataan akhbar pada 9hb Mac 1985, di mana kita telah mengutuk Vietnam di atas tindakannya itu serta menyeru Vietnam menghentikannya dan seterusnya berusaha mencari jalan ke arah penyelesaian politik ke atas masalah Kampuchea. Malaysia khuatir ketegangan di sempadan Thailand/Kampuchea itu akan bertambah lebih buruk dan mungkin akan menjejaskan pula keselamatan negara-negara lain seperti Malaysia dan Singapura khususnya dan negara-negara lain di Asia Tenggara ini sekiranya pertempuran di antara askar-askar Thailand dan Vietnam berterusan.

Setakat ini pihak Thailand telah mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi mengatasi masalah pencerobohan ke atas wilayahnya termasuk tindakan-tindakan ketenteraan dan diplomatik. Dari segi ketenteraan, angkatan tentera

Thailand telah melancarkan serangan-serangan balas mengusir penceroboh-penceroboh Vietnam keluar dari Wilayah Thailand, dan dari segi diplomatik pula, mereka telah pun membuat pengaduan melalui nota-nota bantahan kepada Setiausaha Agong Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai pencerobohan oleh askar-askar Vietnam itu.

Bagi Malaysia, kita menyokong penuh tindakan-tindakan Thailand itu dan berhubung dengan hal ini, Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri Malaysia juga telah melawati sempadan Thailand/Kampuchea di daerah Surin pada 21hb Mac yang lepas untuk melihat keadaan keselamatan di sempadan dan juga kedudukan orang-orang pelarian Khmer di sana. Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri telah seterusnya menyatakan sokongan dan solidariti Malaysia terhadap Thailand di dalam menghadapi tekanan dari Vietnam itu. Sekiranya keadaan di sempadan Thailand/Kampuchea tersebut menjadi bertambah terancam, negara-negara anggota ASEAN yang lain tidak akan berdiam diri dan akan memberi apa saja sokongan kepada Thailand dalam menghadapi ancaman yang bertambah serius itu.

Malaysia dan negara-negara anggota ASEAN yang lain tidak percaya tentang kenyataan Vietnam bahawa tentera mereka tersilap masuk ke sempadan Thailand kerana kejadian seumpama ini telah pun berlaku di masa-masa yang lalu apabila askar-askar Vietnam menyerang dan memburu askar-askar Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea.

**BAYARAN TOL DI TAMBAK
JOHOR**

45. Puan Hajjah Habsah binti Othman minta Menteri Kerja Raya semenjak Kerajaan mengenakan bayaran tol kepada kenderaan-kenderaan berat

yang melalui Tambak Johor berapakah jumlah kutipan yang didapati dalam masa 1 bulan dan berapakah anggaran pendapatan dalam masa 1 tahun.

Dato Zainal Abidin bin Zin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan bukan sahaja mengenakan tol kepada kenderaan berat, malah semua kenderaan bermotor yang mempunyai tiga roda atau lebih dikenakan bayaran tol. Dalam masa sebulan jumlah kutipan tol di Tambak Johor ialah purata sebanyak \$400 ribu. Dengan itu adalah dianggarkan pendapatan dan kutipan tol setahun sebanyak lebih kurang \$4.8 juta.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE CHINA

46. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan melawat Negeri China; jika ya, bila dan nyatakan tujuannya, dan siapakah yang akan menyertai rombongan Perdana Menteri ini; dan sama ada beliau ada rancangan untuk melawat Negeri Rusia.

Saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan daripada ahli Yang Berhormat Senator Kee Yong Wee pada 22hb April 1985.

Sebagaimana Y.A.B. Perdana Menteri telah menyatakan kepada pemberita-pemberita tempatan pada bulan Februari 1985 bahawa beliau akan melawat ke RRC pada penghujung tahun ini di atas jemputan Perdana Menteri RRC.

Tujuan lawatan tersebut ialah untuk membincang beberapa isu dua hala dan isu-isu serantau dan antarabangsa. Salah satu isu dua hala yang akan diutarakan ialah perkara ekonomi dan perdagangan. Y.A.B. Perdana Menteri akan meminta kerjasama pihak RRC supaya membeli lebih

banyak barangan dari Malaysia untuk memperseimbangkan perdagangan dua hala. Di samping itu Y.A.B. Perdana Menteri juga akan menyatakan hasrat beliau supaya pengusaha-pengusaha Malaysia diberi peluang yang sama untuk mengambil bahagian dalam projek-projek pembangunan di negara itu yang boleh mendatangkan munafaat bersama. Selain dari itu, Y.A.B. Perdana Menteri juga akan mengambil kesempatan untuk membincangkan masalah hubungan Parti Komunis China dengan Parti Komunis Malaya dan hubungan terhadap orang China seberang laut (oversea Chinese). Kedua-dua perkara ini memberi implikasi yang negatif terhadap keselamatan dan perpaduan negara. Selagi masalah-masalah ini tidak dapat diselesaikan maka sukar untuk kita mewujudkan hubungan yang lebih luas lagi.

Rombongan Y.A.B. Perdana Menteri itu akan terdiri daripada pegawai-pegawai kanan kerajaan dan pengusaha-pengusaha/peniaga-peniaga tempatan Malaysia. Mengenai pertanyaan sama ada Y.A.B. Perdana Menteri mempunyai cadangan untuk melawat Negeri Rusia, buat masa ini Y.A.B. Perdana Menteri belum ada rancangan untuk berbuat demikian.

KEMATIAN BAYI DI LUAR BANDAR

47. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada pihaknya sedang mempertingkatkan kempen-kempen kesedaran bagi kaum ibu yang mengandung dari kawasan luar bandar memandangkan kadar kematian bayi pada tahun 1981 berjumlah 2,275 kematian dan pecahan mengikut bangsa adalah Melayu 1,711, China 285, India 268 dan bakinya terdiri dari lain-lain bangsa; dan nyatakan angka-angka tersebut pada tahun 1982, 1983

dan 1984 dan nyatakan sama ada Kementerian ada lain-lain langkah bagi mengurangkan kadar kematian

Dato' K. Pathmanaban: Mengikut data dari Jabatan Perangkaan jumlah kematian bayi pada tahun 1981 adalah

7,133 (iaitu kadarnya 19.71/1000 kelahiran hidup) di mana 5,069 (22.39/1000 kelahiran hidup) keturunan China dan 740 (20.71/1000 kelahiran hidup) bagi keturunan India; bukan seperti yang dinyatakan. Kematian bayi bagi tahun-tahun 1981 hingga 1983 adalah seperti di bawah ini:

KADAR KEMATIAN BAYI BAGI SEMENANJUNG MALAYSIA 1981 HINGGA 1983

Tahun Kumpulan Ethnik	1981		1982		1983	
	Bilangan	Kadar	Bilangan	Kadar	Bilangan	Kadar
Melayu	5,060	22.39	5,123	21.94	5,559	23.15
China	1,293	13.22	1,176	12.13	1,166	12.66
India	740	20.71	744	21.16	730	21.23
Jumlah	7,133	19.71	7,085	19.26	7,490	20.33

Nota: Kadar kematian bayi adalah bagi setiap 1000 kelahiran hidup.

Sejak tahun 1957, kadar kematian bayi adalah menurun bagi tiap-tiap tahun dan untuk semua keturunan, dengan kadar yang memuaskan.

Kementerian Kesihatan sedar dan telah mempertingkatkan perkhidmatannya dalam usaha untuk menurunkan kadar kematian bayi, khususnya di kawasan-kawasan luar bandar. Selain daripada perkhidmatan jagaan ibu mengandung, ibu lepas bersalin, jagaan kanak-kanak termasuk pelalian dan lain-lain lagi di klinik-klinik dan pusat-pusat kesihatan; klinik-klinik tambahan dan perkhidmatan pasukan bergerak juga diadakan di tempat-tempat pendalaman yang tidak mempunyai klinik-klinik kekal, bagi memberi perkhidmatan yang sama.

Tindak susul yang kerap dijalankan di klinik dan di rumah bagi ibu-ibu yang mempunyai risiko tinggi dan bayi-bayi yang mempunyai masalah kesihatan. Selain daripada itu, aktiviti pelajaran kesihatan juga dipertingkatkan di dalam pelbagai bidang kesihatan, pemakanan dan kebersihan. Galakkan diberi supaya ibu-ibu mengandung datang ke klinik

pada awal kandungan, ibu-ibu yang mempunyai risiko tinggi melahirkan anak di hospital-hospital dan ibu-ibu yang bersalin di rumah menggunakan perkhidmatan bidan yang terlatih. Ibu-ibu juga digalakkan supaya membawa bayi ke klinik-klinik untuk mendapatkan pelalian bagi mencegah penyakit-penyakit berjangkit.

Memandangkan kebanyakan kematian bayi terjadi masa bulan pertama (neonatal period) strategi-strategi tertentu telah pun dilaksanakan bagi mengurangkan kematian tersebut seperti pengalakkan pengusuan ibu, mengujudkan tata etika susu berformula, penapisan G6PD bagi bayi baru lahir, kegunaan garam oral rehidrasi bagi pencegahan kematian kerana penyakit cirit-birit, dan pengendalian kes-kes jangkitan penafasan di kalangan masyarakat.

PENYELEWENGAN KOS BANGUNAN SEKOLAH

48. Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Mohd. Noor minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah berlakunya

peruntukan yang tidak seimbang di antara Sekolah Menengah dengan Sekolah Rendah bagi kos penyelenggaraan bangunan yang rosak.

Datuk Dr Ling Liong Sik: Ada dua sebab utama mengapa peruntukan penyelenggaraan bagi bangunan yang rosak tidak seimbang di antara Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah di mana sebahagian besar daripadanya disalurkan untuk pembaikan kepada sekolah-sekolah rendah. Pertama, kebanyakan bangunan sekolah-sekolah rendah yang mengalami kerosakan terdiri daripada bangunan-bangunan kayu yang dibina sebelum Merdeka. Manakala bangunan sekolah-sekolah menengah dibina selepas Merdeka secara "Conventional" dan masih kukuh hingga sekarang. Dengan itu kadar kerosakan bangunan sekolah-sekolah rendah adalah tinggi berbanding dengan sekolah-sekolah menengah. Kedua, bilangan sekolah rendah adalah lebih besar berbanding dengan sekolah menengah. Dengan yang demikian peruntukan penyelenggaraan yang diperlukan adalah lebih tinggi bagi sekolah-sekolah rendah berbanding dengan sekolah menengah.

TABUNG HAJI—PENYIMPAN MENINGGAL DUNIA

49. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Perdana Menteri menyatakan apa yang terjadi kepada wang yang ditinggalkan oleh si mati yang menjadi ahli penyimpan LUTH yang meninggal dunia di Tanah Suci atau dalam perjalanan.

Dato' Sri Dr Mahathir bin Mohamad: Seseorang Jemaah Haji yang menjadi penyimpan Tabung Haji yang meninggal dunia di Tanah Suci ataupun semasa dalam perjalanan ke

sana akan meninggalkan dua jenis wang seperti berikut:

- (i) tambang untuk Penerbangan Catar Haji ke Tanah suci;
- (ii) baki wang simpanan dalam akaunnya di Tabung Haji.

Mengenai wang tambang, Seksyen 75 (4) Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji 1969 mensyaratkan 30% daripada tambang pergi balik ke Tanah Suci dikembalikan kepada "Wakil diri yang sah di sisi undang-undang" bagi Jemaah Haji itu dan wakil tersebut hendaklah membahagikan wang itu kepada waris si mati mengikut cara yang sah dari segi undang-undang.

Mengenai baki wang simpanan dalam akaun si mati di Tabung Haji pula, sekiranya akaun tersebut mempunyai penama, penama itu bolehlah memohon kepada Tabung Haji dan Tabung Haji akan mengeluarkan wang itu kepada beliau dan selanjutnya adalah menjadi tanggungjawab penama itu untuk membahagikan wang itu kepada waris si mati.

Baki akaun yang tidak mempunyai penama, Tabung Haji hanya boleh mengeluarkan baki simpanan di dalamnya kepada waris setelah Surat Kuasa diperolehi.

Di samping itu, jika si mati mempunyai wang di tangan semasa ia meninggal, wang itu akan diserahkan oleh Tabung Haji kepada waris yang tercatat di dalam Borang Pendaftaran Naik Haji si mati itu.

GURU AGAMA—KENAIKAN PANGKAT

50. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Menteri Pelajaran menyatakan peratus kenaikan pangkat bagi guru-guru Agama Islam di peringkat sekolah rendah dan menengah sebagai

Penolong Kanan, Guru Besar dan lain-lain jawatan tinggi yang berkaitan dengan Perkhidmatan Pelajaran.

Datuk Dr Ling Liong Sik: Jawatan-jawatan yang khusus di dalam bidang Agama Islam diisi oleh 100% guru-guru Agama Islam. Jawatan-jawatan yang diisi oleh guru-guru Agama Islam ialah di Bahagian Pendidikan Islam, Maktab Perguruan Islam, Kolej Islam, Sekolah-sekolah Menengah Agama dan Jawatan Penyelia Islam yang terdapat di Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri.

PENCEN PESARA TENTERA MALAYSIA—BRITISH

51. Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pencen yang diberi kepada rakyat Malaysia yang berkhidmat di dalam Tentera British, adalah tidak seimbang dengan pencen yang diberi kepada mereka yang berkhidmat di dalam Angkatan Tentera Malaysia; jika sedar nyatakan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian Pertahanan untuk mengesimbangkannya.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Kementerian Pertahanan memang sedar tentang berbezaan kadar bayaran pencen di antara pesara-pesara Angkatan Tentera Malaysia dengan Angkatan Tentera British. Perbezaan ini berlaku adalah disebabkan oleh pesara anggota-anggota Tentera British (Local Enlisted Personnel) dibayar pencen oleh Kerajaan British mengikut peraturan-peraturan pencen mereka. Manakala bagi bekas anggota Angkatan Tentera Malaysia yang bersara adalah dibayar mengikut peraturan-peraturan pencen Angkatan Tentera Malaysia yang sedia ada yang berkuatkuasa sekarang.

Peraturan pencen kita sudah beberapa kali disemak dan perubahan peraturan ini menjadikan kadar pembayaran pencen kepada anggota tentera Malaysia turut berubah dan berbeza dengan kadar yang dibayar oleh Kerajaan British. Segala peraturan pencen bagi bekas-bekas pesara British adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan British bukan Kerajaan Malaysia.

Kementerian Pertahanan sedar pihak Persatuan Bekas Perajurit telah membuat rayuan dan perbincangan dengan pihak Kerajaan British tentang kedudukan kadar pencen yang ada sekarang. Oleh itu sama-samalah kita tunggu hasil dari perbincangan dan rayuan tersebut.

PEMBELAJARAN BAHASA INGGERIS

52. Tuan V. P. Vijandran minta Menteri Pelajaran menyatakan segala usaha dan langkah yang telah diambil oleh Kementeriannya untuk meningkatkan lagi mutu pembelajaran Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah yang sekarang ini kian merosot.

Datuk Dr Ling Liong Sik: Berbagai langkah telah diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk meningkatkan lagi mutu pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- (1) Meningkatkan lagi mutu kebolehan guru-guru yang mengajar Bahasa Inggeris melalui kursus-kursus dalam perkhidmatan yang diadakan di dalam dan di luar negeri. Guru-guru tersebut dijadikan multiplying effect agent untuk melatih guru-guru Bahasa keduanya (TESL).
- (2) Menambahkan lagi tenaga pengajar di dalam bidang pengajaran Bahasa Inggeris

sebagai bahasa kedua dengan mengambil lebih ramai calon untuk mengikuti latihan perguruan di maktab-maktab dan universiti di dalam dan di luar negeri.

- (3) Mengambil guru-guru Bahasa Inggeris dari United Kingdom seramai 200 orang untuk menampung kekurangan guru-guru Bahasa Inggeris di luar bandar dalam jangka masa 1980 hingga 1984. Dengan itu guru-guru Bahasa Inggeris tempatan mendapat pendedahan dari segi teknik pengajaran baru dan bahan-bahan pengajaran yang dihasilkan oleh guru-guru dari United Kingdom.
- (4) Program bacaan Bahasa Inggeris dilaksanakan di 250 buah sekolah menengah dan 125 buah sekolah rendah, dan akan diluaskan ke semua sekolah seluruh negara.
- (5) Menerbitkan Jurnal Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa bagi membantu guru-guru bahasa.
- (6) Kementerian juga mengadakan program "Listening Comprehension" di sekolah-sekolah berasrama penuh.

KERETAPI—GERABAK PENUMPANG

53. Tuan Ahmad bin Othman minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa gerabak penumpang keretapi yang digunakan dari Alor Setar ke Padang Besar di masa ini telah uzur (buruk) dan ini menjatuhkan imej negara Malaysia kepada pelancong yang datang dari negara jiran. Jika sedar nyatakan tindakan Kerajaan akan ambil untuk mengatasi keadaan ini.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu

memang sedar bahawa gerabak penumpang keretapi yang digunakan di antara Alor Setar dan Padang Besar adalah kurang memuaskan. Pada masa ini sebanyak 40% daripada stok koc-koc adalah berumur lebih daripada 30 tahun dan koc-koc yang lebih baik dan berkelengkapan moden digunakan untuk perkhidmatan Ekspres di antara Butterworth-Kuala Lumpur dan Singapura kerana perkhidmatan ini adalah lebih laju dan memerlukan koc-koc yang lebih baik.

Walaupun bagaimanapun, KTM sedang giat mengambil langkah positif untuk membeli koc-koc baru untuk menggantikan koc-koc yang lama, Setakat ini sebanyak 50 buah koc-koc baru telah ditambah kepada stokereta yang digunakan sekarang.

Dengan adanya rancangan untuk memperbaharui semua koc-koc yang telah uzur itu dengan koc-koc berkelengkapan moden maka keadaan koc-koc yang kurang memuaskan itu dapat diatasi.

MENGHARAMKAN KASINO— KAJIAN

54. Tuan Kenneth Kanyan minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bercadang untuk mengharamkan semua jenis kegiatan perjudian termasuk kasino di Malaysia kerana ianya bertentangan dengan ajaran agama rasmi dan memandangkan pula negara jiran kita Indonesia telah mengharamkan kasino di negara itu.

Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Dalam usaha Kerajaan hari ini untuk meningkatkan lagi kesedaran tentang Islam sebagai satu agama yang diamalkan oleh penganut-penganutnya, Kerajaan sedaya upaya mencari jalan dengan kebijaksanaan supaya perkara-perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam diketepikan oleh Kerajaan

tanpa menimbulkan keburukan yang lebih nyata. Ekoran dari itu, Badan Perunding Islam telah ditugaskan untuk mengemukakan cadangan-cadangan yang sesuai bagi mencapai maksud penerapan nilai-nilai Islam dan ini termasuklah cadangan mengharamkan kasino berdasarkan kajian yang mendalam dari segi Islam dan kedudukan negara.

USUL

JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menggalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini, dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

Dr Mohammad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul ini dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Disetujukan,

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menggalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

USUL

JAWATANKUASA PEMILIH— LANTIKAN AHLI-AHLI

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70 (1) Majlis Dewan Negara memutuskan Iaitu Ahli-ahli yang berikut hendaklah dilantik menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Penggal Ketiga Parlimen Yang Keenam.

- (1) Yang Berhormat Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor;
- (2) Yang Berhormat Datuk G. Pasamanickam;
- (3) Yang Berhormat Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan; dan
- (4) Yang Berhormat Tuan Tan Chang Soong.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul ini disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70 (1) Majlis Dewan Negara memutuskan iaitu Ahli-ahli yang berikut hendaklah dilantik menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Penggal Ketiga Parlimen Yang Keenam:

1. Yang Berhormat Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor;
2. Yang Berhormat Datuk G. Pasamanickam;
3. Yang Berhormat Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che' Wan; dan
4. Yang Berhormat Tuan Tan Chang Soong.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

3.52 *ptg.*

Tuan K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk mencadangkan:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak seperti ini dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka

Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertuan dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, mohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Keenam."

Tuan Yang di-Pertua, saya kemukakan kepada Dewan yang mulia ini suatu Usul bagi Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Baginda semasa pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Parlimen Yang Keenam.

Saya mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pucuk pimpinan negara dan Ketua Barisan Nasional Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri yang telah memberikan kepercayaan serta penghormatan yang begitu tinggi kepada saya dan juga parti yang saya wakili MIC. Saya percaya dengan kepercayaan serta penghormatan yang sebegini besar ertinya ini akan sama-sama dinikmati oleh setiap Ahli Dewan yang mulia ini,

Tuan Yang di-Pertua, Titah Baginda mencerminkan hasrat dan aspirasi Kerajaan Barisan Nasional mewujudkan sebuah negara yang mempunyai cita-cita murni, menggubal sebuah Negara yang berdisiplin, berharmoni dan bertoleransi.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh gembira melihat keadaan ekonomi negara kita masih kukuh dengan kadar pertumbuhan 6% dibanding dengan negara-negara maju di mana pertumbuhan ekonomi mereka hanya 3.4% sahaja bagi tahun 1985. Pengeluaran barangan mentah seperti getah dan kelapa sawit mendapat sambutan yang baik dan harga yang tinggi di pasaran dunia.

Penyusunan semula Bursa Komoditi dan Comodity Clearing House telah menambah mengukuhkan harga yang tinggi bagi barangan-barangan ini di pasaran dunia.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan atas langkah-langkah yang bijak ini yang menyelamatkan kemerosotan ekonomi negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, harga yang tinggi bagi barangan ini akan memaksa negara-negara pengguna mencari alternatif-alternatif yang murah bagi mengatasi kos perbelanjaannya. Oleh yang demikian Kerajaan haruslah mengkaji dan menyelidik kegunaan yang berlainan lagi untuk mengekalkan permintaan bagi getah dan kelapa sawit.

Kita mestilah menyelidik agar barang-barang mentah ini digunakan di dalam berjenis-jenis industri dan mendefinisikan kegunaan barang-barang mentah ini dalam rekaan-rekaan terbaharu. Ini akan mengekalkan kedudukan yang baik bagi permintaan barangan mentah ini walaupun negara-negara pembeli mencari alternatif yang lain. Kerajaan seharusnya tidak hanya bergantung kepada penggunaan tradisional sahaja bagi barangan ini.

Dengan adanya teknologi moden, kemungkinan negara-negara maju mengeluarkan getah tiruan (synthetic rubber) yang bermutu tinggi adalah besar. Keadaan ini akan menjejaskan ekonomi negara kita.

Oleh yang demikian, saya berharap Kerajaan akan benar-benar berusaha menyelidik, mengeluarkan getah tiruan (synthetic rubber) yang setanding dengan negara-negara maju di samping mengeluarkan getah asli. Dengan ini negara kita juga dapat menembusi pasaran synthetic rubber yang menjadi satu ancaman kepada industri-industri di negara ini.

Begitu juga saya yakin dan percaya Kerajaan akan mengkaji kegunaan yang berlainan bagi bijih timah, jika tidak tiruan (synthetic) akan menembusi dan menguasai pasaran bijih timah asli nanti.

Sekarang pun terdapat keadaan di mana tiruan (synthetic) seperti fiber glass dijadikan sebagai alternatif gantian kepada bijih timah asli. Kerajaan haruslah memberi perhatian yang serius terhadap perkara-perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan Titah Baginda, institusi pengajian tinggi tidak dijadikan sebagai arena konflik di antara beberapa kumpulan. Justeru itu saya amat kesal ke atas pergaduhan yang berlaku di sebuah kampus pengajian tinggi baru-baru ini. Perkara ini tidak harus dipandang ringan oleh pihak Kerajaan.

Penentuan hendaklah dibuat mengapa pergaduhan itu berlaku supaya penyelesaian boleh dicari untuk mengelakkan kejadian buruk serupa itu berulang lagi.

Beberapa berita mengatakan bahawa semangat kenegerian yang tebal merupakan punca pergaduhan itu. Jika perkara ini betul maka tindakan segera, hendaklah diambil untuk membetulkan keadaan ini. Kalau tidak pergaduhan ini akan menimbulkan pergaduhan perkauman, keagamaan dan sebagainya.

Kita akui bahawa semangat kenegerian mustahil dlenyapkan dan memang baiknya setiap rakyat di negeri ini mempunyai semangat demikian. Tetapi kalau semangat kenegerian boleh mencetuskan pergaduhan, maka kesannya tidaklah baik.

Pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi sepatutnya tidak digalakkan untuk berkelompok secara kenegerian, kekauman dan sebagainya kerana setelah tamat pengajian nanti mereka terpaksa menyertai dunia perusahaan yang tidak mementingkan soal negeri, kaum, agama dan sebagainya. Sejajar dengan itu saya berharap Kerajaan akan mengambil tindakan untuk menghapuskan persatuan-persatuan yang bercorak kenegerian, perkauman yang sekular atau namakasta, kumpulan dan sebagainya. Kita tidak ingin melihat polarisasi negeri, polarisasi kaum dan polarisasi agama berlaku di negara ini.

Saya berpendapat kita tidak harus menggunakan perkataan polarisasi kaum lagi kerana istilah ini merupakan sikap yang negatif dan antara kaum. Oleh yang demikian saya berharap kita menggunakan perkataan perpaduan kebangsaan, dengan izin, national unity di mana semangat kebangsaan lebih diutamakan.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan kebangsaan merupakan kunci kejayaan negara kita. Oleh yang demikian adalah menjadi tanggungjawab suci setiap rakyat di negara ini tidak menyebut atau menyentuh perkara-perkara yang boleh menjejaskan perpaduan negara kita. Walau dalam apa bidang pun, biar pun dalam bidang agama kita haruslah mengeluarkan persamaan yang baik, yang terdapat dengan banyaknya dalam kepercayaan agama masing-masing dan bukannya perbezaan yang terdapat di antara agama itu.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya telah pergi ke Sabah mengetuai satu rombongan MIC untuk membantu Barisan Nasional dalam pilihanraya negeri di sana. Saya amat kesal melihat keadaan di mana perbezaan antara kaum, perbezaan antara agama, perbezaan antara dialect, perbezaan antara Semenanjung dan Sabah dijadikan isu yang hangat untuk memancing undi oleh pihak pembangkang dan kumpulan-kumpulan yang tidak bertanggungjawab. Keadaan ini amatlah sedih kerana isu-isu sensitif ini dijadikan modal oleh pembangkang untuk memancing undi, tetapi dalam proses ini sedar tidak sedar memecah-belahkan rakyat dan menghancurkan semangat perpaduan, mereka mengapi-apikan semangat perkauman, keagamaan, kenegerian dan sebagainya, lalu memburukkan lagi masalah polarisasi iaitu perpaduan kebangsaan yang kini telah menjadi satu masalah yang serius. Saya berharap bakal-bakal pemimpin kita yang bertanding dalam pilihanraya Sabah lebih berwaspada, matang dan bertanggungjawab agar tidak mencetuskan huru-hara di negeri yang dicintai ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat gembira dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri Dato Musa Hitam yang telah memberi amaran yang keras kepada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab itu ingin mencetuskan huru-hara supaya dapat menguasai satu dua kerusi di Dewan Undangan Negeri Sabah. Saya berharap Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri akan mengambil tindakan segera untuk mengawal situasi di situ kerana tidak lama lagi kita di Semenanjung juga akan menghadapi pilihanraya. Saya khuatir pihak-pihak tertentu akan mengambil kesempatan mencontohi sikap negatif kumpulan pembangkang Sabah untuk memancing undi di sini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini, saya juga berharap guru-guru, pemimpin-pemimpin dan juga ibu bapa boleh memainkan peranan yang positif untuk memupukkan nilai-nilai perpaduan kepada anak-anak dan rakyat negara ini. Saya berharap juga Kerajaan akan menganjur beberapa rancangan seperti sukan rakyat dengan tujuan menyatupadukan rakyat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham masalah perpaduan rakyat iaitu polarisasi kaum ini bukanlah satu perkara yang baru. Ini telah wujud semenjak masa penjajah dahulu, akan tetapi beberapa dasar Kerajaan juga tidak langsung membantu membasmi masalah polarisasi kaum ini.

Objekif Dasar Ekonomi Baru adalah untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat. Kajian-kajian akademik telah menunjukkan bahawa perbezaan ekonomi antara kaum telah berkurangan, tetapi perbezaan dalam sesuatu kumpulan ethnic itu telah bertambah, ketidakseimbangan ini telah membawa implikasi kepada kelemahan, pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dari aspek perkauman. Ini dapat dilihat dari dua pihak, dari satu pihak sering dikatakan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru lebih menguntungkan bumiputera dan satu lagi pula mengatakan lebih menguntungkan bukan bumiputera. Oleh itu kedua-dua pihak bumiputera dan bukan bumiputera mempunyai ketidakpuasan yang berlainan terhadap Dasar Ekonomi Baru. Keadaan yang kompleks ini telah memburukkan perasaan perkauman apabila parti-parti politik pula mempermainkan isu-isu tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Dasar Ekonomi Baru, Dasar Kebudayaan Kebangsaan juga menjejaskan perhubungan ethnic dan perpaduan rakyat. Soal dasar kebudayaan juga merupakan satu

dasar yang sering dipertikaikan oleh berbagai pihak. Kebudayaan kebangsaan berdasarkan prinsip di mana unsur-unsur kebudayaan yang lain, yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi kebudayaan kebangsaan, walaupun Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan. Konsep kebudayaan kebangsaan yang kurang jelas maknanya telah menimbulkan berbagai kritik.

Ada pihak yang bimbang kebudayaan kebangsaan akan asimilisasikan kaum bukan bumiputera dalam masyarakat bumiputera, dalam masa akan datang, mereka curiga dan bimbang terhadap masa depan mereka lalu mereka mula berkumpul mengikut kaum untuk mendapat keselamatan. Apabila isu-isu ini diperalatkan oleh ahli-ahli politik yang tidak bertanggungjawab ataupun parti-parti Pembangkang, perasaan perkauman terus merebak di kalangan rakyat, dalam masyarakat di mana ketidaksamaan dalam ekonomi dan politik antara kaum adalah jelas, polarisasi kaum juga akan lebih jelas dilihat. Polarisasi ini akan terus wujud apabila politik perkauman dipermainkan oleh orang-orang berkepentingan politik. Oleh yang demikian, Kerajaan hendaklah mengambil tindakan untuk menghapuskan masalah ini dengan mengkaji semua prospektif keseluruhannya, dasar-dasar kebangsaan hendaklah dinilai semula agar membetulkan keadaan-keadaan yang tertentu di mana ianya menjadi perpaduan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang polarisasi dalam dunia perniagaan di negara kita ini, tidak siapa yang dapat menafikan polarisasi dalam syarikat-syarikat perniagaan akan menyekat kemajuan syarikat dan membantu hubungan niaga.

Saya berharap syarikat-syarikat bukan bumiputera memberi peluang pekerjaan kepada kaum bumiputera dan sebaliknya untuk menggalakkan hubungan antara kaum. Dengan adanya kesetiaan kepada syarikat tertanam dalam sanubari setiap pekerja walaupun majikan bukan sebangsa dengannya, batasan-batasan perkauman dapat diruntuhkan. Untuk mencapai rasa kesetiaan, persediaan perlulah bermula dari tahap yang paling rendah ketika masih mentah di bangku sekolah lagi. Saya berharap sistem pelajaran kita mesti benar bertikir secara Malaysian, bukan mengenali diri sebagai Cina, Melayu dan India.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin menyentuh adalah berkenaan dengan keselamatan negara dan kerjasama di antara negara-negara ASEAN untuk mewujudkan kawasan sebagai rantau aman, bebas dan berkecuali. Seperti sedia maklum, negara Vietnam kini menjadi duri dalam daging bagi keselamatan negara-negara ASEAN. Vietnam dengan pakatan sebuah kuasa besar cuba menguasai rantau ini dengan kekerasan mencerobohi negara-negara di Indo China dan kini pula mencerobohi kedaulatan Thailand. Seperti saya telah menyarankan di Dewan yang mulia ini beberapa kali, Malaysia hendaklah memberi sokongan yang penuh dari segi moral, material, militari dan lain-lain lagi kepada Thailand menentang pencerobohan itu. Vietnam adalah ancaman bagi konsep kawasan aman, bebas dan berkecuali ASEAN. Kerajaan juga harus menentang Vietnam sehabis-habisan untuk mencari kedamaian di rantau ini. Vietnam kini mempunyai niat dan tujuan yang "jahat" untuk mengkomunismakan rantau ini. Target utama ialah Malaysia kerana ibu kota inilah yang paling dekat

dengan Hanoi, bukannya Bangkok, Jakarta atau lain-lain ibu kota negara-negara ASEAN. Oleh yang demikian, saya berharap rakyat negara ini janganlah memecahbelahkan dan memberi kesempatan kepada Vietnam untuk menguasai kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek ini saya juga ingin menyentuh sedikit tentang bahaya senjata nuklear di rantau ini. Seringkali Malaysia menghadapi situasi di mana kapal-kapal perang nuklear kuasa besar mencerobohi perairan Malaysia dan kita tidak berupaya membuat tindakan balas. Saya berharap kita mesti mencontohi tindakan New Zealand melarang kapal-kapal perang Amerika memasuki perairannya. Tindakan yang demikian pada pendapat umum boleh menggugat negara kecil itu, tetapi New Zealand tidak menghiraukan ancaman Amerika menggantungkan bantuan ekonomi negara-negara itu. Kita tidak ragu-ragu New Zealand sedar tentang bahaya ancaman Soviet Union di kawasan itu, tetapi bagaimanapun Kerajaan New Zealand masih tetap dengan pendiriannya. Saya berharap Malaysia akan menyokong pendirian New Zealand dan berharap banyak lagi negara-negara kecil dalam masalah prinsip mencontohnya apabila menghadapi negara-negara besar. Bahaya senjata nuklear adalah serius dan dengan sebab itu, semua negara yang mencintai keamanan hendaklah berhati-hati terhadap tindakannya yang diambil untuk mengelakkan segala kemungkinan disalahgunakan oleh sebarang pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan langkah Kerajaan untuk mencapai kemajuan di kawasan bandar. Saya juga bersetuju dengan hasrat Kerajaan bahawa kemajuan tidak seharusnya dipusatkan di sesuatu tempat atau bagi sesuatu kumpulan sahaja. Dalam konteks ini, saya juga mengucapkan tahniah kepada

Kerajaan ke atas langkah bijak menubuhkan beberapa industri di luar dan di dalam bandar agar semua kumpulan rakyat dapat menikmati hasil serta mengubah corak rakyat di negara ini. Akan tetapi, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini keghairahan yang keterlaluan untuk mengubah corak penduduk dengan menubuhkan industri-industri menyebabkan keadaan di mana mereka tidak bersedia memastikan keselamatan pekerja-pekerja di industri. Keadaan kilang-kilang yang kurang teratur dibina di tempat yang kurang sesuai dan dilengkapi dengan peralatan keselamatan yang minima akan mengakibatkan kejadian kemalangan kepada pekerja. Sebelum sempat majikan benar-benar menyediakan pekerja dengan pengetahuan keselamatan di kilang-kilang, mesin-mesin kilang sudah dikendalikan untuk mengeluarkan hasil yang banyak, akhirnya pekerja terperangkap dalam kilang yang membahayakan diri dan kesihatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kejadian yang tragedi di Bhopal, India di mana lebih dari 2,500 orang terkorban dan 100,000 lagi cedera adalah malapetaka perusahaan yang paling kejam pernah berlaku di dunia. Ini adalah akibat gas yang bocor kerana kurang penelitian di pihak pembina kilang tersebut. Selain daripada itu, didapati semakin banyak bahan-bahan kimia yang merbahaya bagi kesihatan manusia digunakan di kilang-kilang perusahaan sekarang ini. Keadaan ini menjadi lebih buruk lagi apabila majikan gagal memberikan pengetahuan asas mengenai keselamatan kesihatan kepada pekerja-pekerja.

Oleh yang demikian, saya bercadang sebelum pekerja-pekerja diambil bekerja, langkah-langkah latihan awal perlu dimestikan dahulu sebelum pekerja mula bekerja. Kerajaan mesti memastikan langkah

ini benar-benar dikendalikan dan jika gagal, tindakan wajar perlu diambil terhadap majikan. Kerajaan juga harus melaksanakan sistem amaran keselamatan kesihatan untuk pekerja dan majikan yang dikendalikan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa. Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya langkah-langkah keselamatan begini, saya benar-benar berharap dan berdoa peristiwa Bhopal tidak berlaku di negara ini.

Satu lagi perkara yang ingin saya menyentuh adalah berkenaan dengan kilang-kilang yang melanggar peraturan buruh dengan mengambil kanak-kanak bawah umur sebagai pekerja. Selain daripada bayaran gaji yang jauh lebih murah, majikan juga mudah mengeksploitasikan budak-budak muda yang kebanyakannya tidak berani mengengkari suruban majikan. Mereka juga tidak diberi sebarang kemudahan keselamatan seperti SOCSO dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Kejadian-kejadian eksploitasi ini jarang diketahui jika tidak berlaku kemalangan ke atas buruh kanak-kanak itu seperti yang berlaku di beberapa tempat baru-baru ini.

Rasa tanggungjawab sosial sepatutnya ada di kalangan berkuasa kerana mereka tidaklah sepatutnya hanya mengautkan untung dari kelemahan pekerja kanak-kanak itu sahaja. Tidak sepatutnya kesempitan hidup kanak-kanak itu dijadikan dorongan untuk memeras mereka pula. Kementerian Buruh hendaklah mengambil tindakan tegas dan membuat lawatan-lawatan mengejut untuk memastikan eksploitasi buruh kanak-kanak diberhentikan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya menyentuh adalah berkenaan dengan perkhidmatan kesihatan di negara ini. Saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan kerana memberi

perkhidmatan kesihatan yang baik kepada rakyat negara ini. Walaupun demikian terdapat beberapa kekurangan yang saya berharap boleh diatasi dengan langkah bijak Kerajaan.

Saya sedar Kerajaan kurang mampu memberi peruntukan yang mencukupi kepada banyak sektor penting kerana kelemahan ekonomi. Dibandingkan dengan negara-negara maju Malaysia membelanjakan wang yang terlalu rendah khidmat kesihatan. Malaysia membelanjakan hanya 1.6% dari Pendapatan Kasar Negara bagi perkhidmatan kesihatan berbanding dengan 8% oleh negara-negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, banyak kekurangan dalam khidmat kesihatan yang boleh membimbangkan kita. Kekurangan kewangan menyebabkan kurang tenaga terlatih dalam bidang perubatan. Tidak pernah sekali pun dalam sejarah negara dapat dipastikan 60% keperluan doktor dalam hospital-hospital Kerajaan dapat dipenuhi. Doktor-doktor Kerajaan pula tidak diberi insentif yang lebih untuk meningkatkan mereka dalam profesion yang amat penting bagi rakyat. Gaji yang mereka dapat jauh dari memuaskan terutama sekali dibanding dengan doktor swasta. Lantaran ini ramai yang meninggalkan perkhidmatan Kerajaan sebaik sahaja mereka tamat ikatan atau kontrak dengan Kerajaan.

Syarat kelulusan Bahasa Malaysia juga mengakibatkan doktor meletak jawatan kerana mereka tidak dapat kelulusan itu. Unit-unit kepakaran kebanyakan terpaksa ditutup kerana kekurangan pakar-pakar untuk mengelolaknya. Beberapa langkah segera dan positif perlu difikirkan untuk membaiki keadaan ini. Kita tidak mampu membiarkan keadaan ini berterusan kerana kesihatan rakyat sepatutnya diberi perhatian yang lebih oleh Kerajaan.

Kerajaan hendaklah mengkaji kemungkinan-kemungkinan men-swastakan khidmat kesihatan dan juga kemudahan-kemudahannya. Kerajaan hendaklah mengkaji menempatkan semula hospital-hospital yang terletak di bandar dalam kawasan yang mahal ke suatu kawasan yang tidak begitu mahal. Tapak-tapak tanah yang mahal di mana terletaknya hospital boleh dimajukan bagi beberapa projek lain yang menguntungkan. Untung-untung yang diperolehi ini boleh digunakan untuk memberi perkhidmatan kesihatan yang lebih selesa kepada rakyat.

Dalam aspek ini saya ingin menyentuh tentang pentadbiran Hospital Besar di Ibu Kota. Hospital Besar Kuala Lumpur merupakan sebuah pusat pentadbiran yang terbesar di dunia dengan mempunyai beberapa unit kesihatan yang berlainan. Kawalan dan administrasi kebanyakan unit ini adalah mustahil dan nescaya mutu dan khidmatnya akan merosot. Oleh yang demikian, saya berharap Kerajaan akan decentralisekan unit-unit kesihatan ke beberapa pusat lain lagi agar menjamin, memberi khidmat yang lebih baik dan bermutu.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali izinkan saya menyentuh sedikit berkenaan dengan ancaman dadah terhadap rakyat negara ini. Seperti saya pernah menyarankan di Dewan yang mulia ini masalah dadah ini adalah berpunca dari kegiatan komunis yang ingin melihat belia-belia di negara ini terjerat dengan penagihnya serta menjadi insan yang lemah dan tidak berguna. Ini adalah "ploy" mereka untuk melemahkan negara kita dari segi sosial, kerohanian dan kejasmanian. Kita haruslah berjaga-jaga agar tidak terperangkap dalam jerat komunis ini. Saya mengalu-alukan langkah Kerajaan untuk memulihkan penagih-penagih dadah dan kembalikan mereka ke

pangkal jalan. Selepas memulihkan penagih-penagih dadah ini mereka hendaklah diberi peluang bercampur-gaul dengan masyarakat tanpa sebarang inferiority complex.

Dalam aspek ini saya mengalu-alukan langkah suci sebuah ladang kelapa sawit di Pahang yang mengambil 50 bekas penagih dadah bekerja di ladang itu dengan memberi beberapa kemudahan seperti asrama dan lain-lain lagi. Kita yakin setelah melalui pemulihan dan hidup secara berdisiplin di pusat-pusat pemulihan sikap hidup penagih-penagih itu berubah. Mereka akan kembali ke lembah yang hina itu jika mereka tidak diberi keyakinan kepada diri sendiri dengan tersisih dari keluarga dan masyarakat. Ini bukan sahaja merugikan diri bekas penagih itu sendiri tetapi segala usaha pemulihan terus gagal sedangkan bukan sedikit tenaga dan wang ringgit dikeluarkan untuk memulihkan mereka. Oleh yang demikian, saya berharap semua rakyat jelata memainkan peranan yang positif untuk mengembalikan bekas-bekas penagih dadah ke pangkal jalan. Kerjasama yang erat hendaklah diadakan di antara Kerajaan Negeri, Kerajaan Pusat, Jabatan-jabatan Penjara, Pusat-pusat Pemulihan, sektor-sektor perladangan, perindustrian dan sebagainya untuk menempatkan bekas-bekas penagih dadah ini di beberapa ladang di negara ini. Ini juga boleh mengatasi kekurangan pekerja di sektor perladangan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya berpeluang melawat Pusat Pemulihan Dadah di Penjara Batu Gajah dan saya terperanjat melihat keadaan di sana. Saya berpendapat kemudahan yang ada di situ tidaklah mencukupi. Bengkel yang ada hanya boleh digunakan oleh dua orang sedangkan penagih di situ lebih daripada 200 orang. Mereka hanya disuruh berkebun dan mengecat. Kerja yang begitu tidaklah

menguntungkan mana-mana pihak. Pusat-pusat ini tidak seharusnya menjadi tempat mereka makan dan membuat kerja yang ringan begini dengan latihan-latihan jasmani sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum Tuan K. Kumaran tamatkan ucapannya, saya ingin memberitahu Dewan bahawa saya akan menjemput Yang Berhormat Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohideen untuk membantu saya sementara waktu.

(Datuk Abang Haji Ahmad Urai
mempengerusikan Mesyuarat)

Datuk Abang Haji Ahmad Urai: Sila Yang Berhormat untuk menyambung ucapan Yang Berhormat.

Tuan K. Kumaran: pusat-pusat ini tidak harus menjadi tempat mereka makan dan buat kerja yang ringan begini dengan latihan jasmani sahaja. Kerajaan harus mengkaji sesuatu program di mana mereka diberi latihan profesional yang lebih baik dengan mengadakan infrastruktur bagi lebih banyak penagih supaya apabila mereka keluar nanti profesionalisme mereka itu akan digunakan oleh masyarakat. Kemudahan-kemudahan seperti perpustakaan harus dibaiki supaya memberi rekreasi yang baik dengan memiliki buku-buku yang mempunyai nilai moral yang tinggi.

Kita juga harus membantu menyedarkan mereka tentang aspirasi hidup dengan membina hidup baru yang benar-benar beramanah. Saya berharap semua pihak akan membuka pintu mereka kepada bekas-bekas penagih dadah yang amat memerlukan simpati dan pembelaan dari kita.

Sebelum mengakhiri ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua di atas perlantikan beliau

sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini. Saya juga bersama-sama dengan Ahli-ahli Dewan yang mulia mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada bekas Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tan Sri Ismail Khan di atas jasa-jasa baik beliau.

Dengan harapan ini sekali lagi saya menyembah, merakamkan ucapan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong ke atas Titah Ucapan Baginda semasa Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Parlimen Keenam baru-baru ini. Saya mohon mencadangkan.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai:
Yang Berhormat Datuk Ishak bin Abdul Rahman.

4.33ptg.

Datuk Ishak bin Abdul Rahman:
Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberi oleh Tuan Yang di-Pertua untuk saya mengambil bahagian menyokong usul dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Iskandar Yang di-Pertuan Agong yang berbunyi:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, mohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zahil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia

Tuanku pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Keenam."

Tuan Yang di-Pertua, Tilah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada kali ini adalah ringkas dan padat. Walaupun demikian, terdapat beberapa mesej yang terselit dan yang tersirat di dalamnya adalah terang, jelas dan mudah difahami sesuai dengan amalan Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang sentiasa mengamalkan kesederhanaan dalam semua hal.

Marilah kita renung sejenak dapatlah kita membayangkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Tuanku sebagai seorang yang sentiasa mendampingi rakyat, betapa tingginya hasrat dan cita-cita Duli Yang Maha Mulia Tuanku ingin melihat rakyat terus maju, hidup aman damai menikmati kemakmuran yang sedia ada, bekerja keras, bersatu padu serta sama-sama menikmati peluang-peluang yang sedia ada untuk kesejahteraan rakyat seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu mesej yang disampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku adalah terang dan jelas bagaimana perlunya seluruh rakyat yang berbilang keturunan dan agama tampil ke hadapan mewujudkan perpaduan. Perpaduan kaum dan integrasi nasional adalah merupakan asas pembangunan negara. Usaha-usaha untuk mewujudkan perpaduan adalah tanggungjawab seluruh rakyat. Usaha-usaha ke arah ini hendaklah bermula dari bawah dan dari sekarang. Untuk mencapai ke matlamat perpaduan sejati, setiap rakyat hendaklah mengenyepikan kepentingan peribadi, sebaliknya kepentingan masyarakat, agama dan cintakan tanahair hendaklah diutamakan. Dan di mana bumi kita berpijak maka di situlah langit dijunjung, kita juga perlu mengorbankan sebahagian daripada masa, tenaga dan wang ringgit kita

dengan tidak mengira keturunan, bangsa dan agama untuk mewujudkan ketahanan negara. Yang dengan demikian, tidak mudah negara kita diganggu gugat oleh anasir-anasir yang tidak diingini dari dalam dan luar negeri.

Taat setia yang tidak berbelah bahagi bagi seluruh rakyat adalah perlu untuk Kerajaan terus berusaha membangunkan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kedudukan ekonomi negara, kita rakyat Malaysia patut bersyukur walaupun suasana ekonomi dunia agak meleset dan muram tetapi negara Malaysia masih kukuh. Hal ini adalah kerana keupayaan dan kebijaksanaan pemimpin-pemimpin kita yang memainkan peranan yang mana dengan peranan itu dapat meyakinkan negara-negara luar terhadap Malaysia. Prestasi penubuhan ekonomi negara agak lembab dari yang dijangka tetapi dengan ketabahan rakyat dan keyakinan dari pemimpin-pemimpin yang ada, ianya dapat dibendung dan terus menggalakkan, jika kita bandingkan dengan negara-negara lain yang tidak dapat dibendung dan tidak mengatami pertumbuhan yang menggalakkan. Kita juga harus bersyukur walaupun keadaan ekonomi yang muram, Kerajaan yang di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir, Perdana Menteri yang kita kasihi telah dan akan terus merancang, membangun negara, ianya tidak menjejaskan dasar-dasar yang penting yang telah dirangka seperti pelaksanaan dasar pelajaran kebangsaan, kemudahan-kemudahan sosial, menyusun semula masyarakat dan lain-lain pembangunan.

Usaha-usaha Kerajaan untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru terus berjalan sepertimana yang dijadualkan. Insya Allah, dengan berkat ketabahan hati seluruh rakyat dan penuh tanggungjawab dari semua

pihak yang terlibat, semoga akan wujudlah sebuah masyarakat Malaysia yang penuh bertanggungjawab dan bersatupadu.

Maka dengan demikian akan iahirlah satu masyarakat yang kukuh sama-sama menikmati kemakmuran yang di bumi Malaysia ini. Biarlah sama-sama berkongsi, sama-sama jatuh, sama-sama bangun. Biar berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Hati nyamuk sama dicecah, dan hati gajah sama dilapah.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga atas tindakan yang penuh tanggungjawab yang ditunjukkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang telah mendermakan kesemua elaun khidmatan lima tahun Duli Yang Maha Mulia Tuanku berjumlah \$3.84 juta untuk menubuhkan Yayasan Pelajaran. Sesungguhnya tindakan ini bukan hanya untuk membuktikan amalan Kepimpinan Melalui Teladan bahkan adalah diharapkan akan dicatatkan menjadi bahan bersejarah untuk generasi yang akan datang. Semoga tindakan yang ditunjukkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku akan menjadi ikutan ramai dari kalangan yang berada dan berkeupayaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang mesej yang telah disampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku mengenai amalan Demokrasi Berparlimen yang telah wujud selama 25 tahun di negara Malaysia ini. Sesungguhnya amalan demokrasi yang kita amalkan sekarang adalah amalan ala kita sendiri, yang sesuai dengan rakyat negara kita yang berbilang keturunan dan berbilang agama. Kita harus bangga dan bersyukur bahawa dengan amalan demokrasi yang sedia ada merupakan sistem yang terbaik, yang dapat

menjamin hak-hak dan aspirasi rakyat.

Amalan demokrasi kita memberi kuasa kepada rakyat untuk memilih wakil mereka menerusi pilihanraya, seluruh rakyat diberi hak dan kuasa untuk menentukan corak pemerintahan menerusi pilihanraya. Hak dan kepentingan rakyat adalah dijamin oleh Perlembagaan Negara. Ahli-ahli dan pertubuhan politik diberi kepercayaan menyuarakan pendapat menerusi pertubuhan masing-masing dengan berpandukan undang-undang dan peraturan yang sedia ada yang diluluskan oleh Parlimen. Ahli-ahli politik dan Wakil-wakil Rakyat menyampaikan hasrat menerusi Parlimen yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga menekankan perlunya ahli-ahli politik memainkan peranan dengan kebebasan yang ada, harus menepikan sikap melampau dan keterlaluan. Adalah malang bagi kita jika sekiranya masih ada kalangan tertentu yang ingin berkuasa telah salah menggunakan hak demokrasi dan kebebasan yang sedia ada dan tindak-tanduk mereka akan mengakibatkan terjejasnya amalan demokrasi dan akan menerbitkan perpaduan rakyat akan menjadikan rakyat berpuak-puak, akan mengalihkan rakyat ke arah tidak taat setia kepada Kerajaan yang dipilih oleh rakyat menerusi amalan demokrasi yang sedia ada akibat berlakunya perpecahan dan berpuak-puak dalam masyarakat, sedikit-sebanyak boleh menjejaskan hasrat Kerajaan untuk melaksanakan pembangunan untuk rakyat terutama kepada rakyat di kawasan luar bandar yang masih memerlukan pembangunan untuk menyusun semula masyarakat dan meningkatkan lagi ekonomi rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya golongan ini bersyukur kerana dalam keadaan mereka menyalahkan

Kerajaan yang ada sekarang, mereka juga mendapat hak yang sama dalam amalan demokrasi yang ada, mereka menikmati pembangunan, menikmati semua kemudahan yang disediakan, mereka juga menikmati demokrasi yang ada di bumi bertuah ini. Mereka mendapat jaminan keselamatan dan dapat hidup dengan aman dan sejahtera. Sepatutnya mereka ini bersyukur kerana mereka dilahirkan dalam sebuah negara Malaysia dan tinggal tetap di Malaysia dan apa akan berlaku jika mereka dilahirkan di Palestin, di Iran, di Iraq atau di mana-mana negeri lain di Afrika.

Tuan Yang di-Pertua, adalah sedih sekali baru-baru ini satu perkara yang kita tidak jangka berlaku dengan kumpulan-kumpulan pelampau ini telah dengan tidak malu-malu dan tidak segan-segan mengambil tindakan terhadap gambar-gambar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan gambar Timbalan Perdana Menteri yang telah diturunkan di bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka sempena dengan hari perjumpaan agong parti tersebut. Perbuatan-perbuatan ini patutlah mendapat pandangan daripada Kerajaan dan mendapat perhatian daripada orang ramai bagaimanakah golongan-golongan ini sanggup melakukan apa sahaja asalkan hajat mereka tercapai. Adalah menjadi satu penghinaan kepada kita kepada seorang Perdana Menteri, bukan seorang pemimpin parti sahaja, seorang Perdana Menteri yang telah mendapat sanjungan tinggi daripada seluruh dunia sebelah sini, maka tergamak daripada golongan yang sebangsa dan seagama melakukan perbuatan yang terkutuk itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh mengenai dengan nilai-nilai Islam dan dalam usaha Kerajaan meningkatkan lagi nilai-nilai Islam selain daripada penerapan dalam pentadbiran Kerajaan juga patut memainkan peranan supaya nilai-nilai

Islam menyeluruh di kalangan masyarakat terutama sekali di kalangan masyarakat Melayu.

Kita masih terdapat ada golongan tertentu menggunakan agama Islam untuk kepentingan golongan mereka untuk merebut kuasa politik akibatnya berlaku perpecahan dalam masyarakat, menimbulkan krisis moral dalam masyarakat, menimbulkan krisis dalam keluarga, berlaku perceraian suami isteri, berlaku khutbah nikah dua kali, hilang hormat menghormati antara seorang dengan seorang lain sesama Islam, hilang kasih sayangnya dan tidak ujud kemesraan. Maka hal-hal ini mendukacitakan sekali kerana ajaran-ajaran ini tidak terdapat dalam ajaran Islam.

Kita rasa bimbang dengan tindakan golongan ini yang mana selain daripada menyusun perancangan untuk kumpulan mereka sendiri, mereka juga menyusun perancangan untuk meracuni jenerasi muda di pusat-pusat pengajian tinggi di dalam dan di luar negeri, gencrasi muda yang kita harapkan untuk mengambil alih pentadbiran negara telah dirosakkan dengan berbagai cara yang menimbulkan kebencian kepada Kerajaan. Kita juga bimbang golongan ini akan menggunakan undang-undang di tangan mereka sendiri, tidak menghormati dan mematuhi undang-undang yang sedia ada dan akan mencabar kemampuan pasukan keselamatan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saranan Duli Yang Maha Mulia Tuanku begitu penting diambil ingatan oleh semua golongan rakyat iaitu kita harus menepikan sikap melumpau dan keterlaluan yang boleh menimbulkan suasana yang tidak stabil sehingga menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia

Tuanku juga menyentuh peranan yang dimainkan oleh anggota Perkhidmatan awam yang telah banyak merancang dan melaksanakan dasar Kerajaan dengan cekap dan penuh tanggungjawab. Walaupun kita sebuah negara kecil dan baru membangun tetapi dengan kecekapan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang ada telah meletakkan negara kita sentiasa dihormati dan disegani oleh negara-negara dunia yang maju. Begitu juga dengan pasukan keselamatan kita telah memainkan peranan menjaga keselamatan seluruh negara. Walaupun negara kita masih menghadapi ancaman komunis, kejadian-kejadian jenayah yang kian meningkat dan menghadapi pendedaran dan salahguna dadah.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit mengenai pasukan keselamatan iaitu khasnya Pasukan Polis yang sentiasa mengawasi kita di jalan raya, di rumah, di tempat-tempat perhimpunan ramai dan di mana sahaja kita berada bahkan di waktu kita sedang tidur nyenyak Pasukan Polis terus menjalankan tugas mereka menjamin keselamatan seluruh rakyat. Anggota-anggota Polis yang berkhidmat apabila cukup tempoh perkhidmatan mereka maka mereka akan kembali ke pangkuan masyarakat menjalani hidup baru dalam masyarakat, meninggalkan hidup berdisiplin mereka yang mereka tempuhi 20-25 tahun ataupun lebih dari itu. Ini bererti tenaga muda mereka telah dihabiskan untuk menjaga keselamatan negara, keselamatan seluruh rakyat Malaysia. Antara mereka yang bernasib baik mungkin dapat memiliki rumah sendiri, menikmati hidup sempurna bersama keluarga. Kepada yang kurang bernasib baik yang keluarganya ramai kemungkinan menghadapi masalah untuk memulakan satu penghidupan baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan supaya Kerajaan hendaklah berusaha lagi untuk memberi kemudahan-kemudahan yang diperlukan oleh bekas-bekas Polis di seluruh negara seperti mana perhatian yang diberi kepada bekas-bekas perajurit dengan Tabung Perwiranya atau dengan Wisma Pahlawannya dan lain-lain kemudahan yang telah dan sedang dinikmati oleh bekas perajurit. Kerajaan perlu memainkan peranan menyusun dan memberi sumbangan supaya Persatuan Bekas-bekas Polis Malaysia dapat bergerak dengan lancar dan hidup subur menerusi pasukan bekas-bekas polis Kerajaan bukan sahaja memberi bahkan dapat menerima sumbangan dari bekas-bekas Polis yang bersara.

Tuan Yang di-Pertua, jika kena caranya bekas-bekas polis yang telah bersara yang mempunyai pengetahuan mengenai dengan jenayah akan terus menerus membantu Kerajaan mengurangkan kejadian-kejadian jenayah. Mereka akan terus diminta menjadi telinga dan mata Kerajaan. Jika Persatuan Bekas-bekas Polis hidup subur di seluruh negara akan wujud cawangan di tiap-tiap daerah, Negeri dan Pusat akan dapat memberi kerjasama di semua peringkat, akan ada hubungan di antara Ketua-ketua Polis dengan Persatuan-persatuan di peringkat masing-masing. Mereka perlu didaftarkan, diadakan perjumpaan, perbincangan jika perlu diberi bantuan mana-mana yang perlu. Saya yakin jika kena caranya banyak faedah akan didapati oleh kedua-dua pihak, dengan demikian akan dapat di pertingkatkan lagi kegiatan mereka dalam masyarakat dan menghadapi hidup yang penuh cabaran dalam jangka masa menghabiskan sisa-sisa hidup mereka di negara yang mereka telah buktikan taat setia yang tidak berbelah bagi selama 20-25 tahun ketika usia mereka masih muda.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga meminta perhatian rakyat terhadap belia-belia yang akan mengambil alih memimpin negara Malaysia masa hadapan. Kita semua sedar bahawa pusat-pusat pengajian tinggi di negara kita ini adalah tempat memupuk semangat kebangsaan, tempat memupuk semangat cintakan tanahair, tempat melahirkan pemimpin-pemimpin, pentadbir-pentadbir, ahli-ahli fikir yang akan menjadi tenaga penggerak kepada pembangunan negara.

Adalah malangnya sekali jika terdapat pusat-pusat pengajian tinggi negara kita ini diserapi dengan semangat dari golongan-golongan pelampau yang menjadi gelanggang pertentangan pendapat yang akan membawa perpecahan di kalangan pelajar-pelajar. Akhir-akhir ini telah lahir pula gejala tidak sihat di kalangan pelajar-pelajar di pusat-pusat pengajian tinggi yang menunjukkan bahawa pelajar-pelajar kita telah tidak dapat menilai diri mereka sebagai seorang pelajar yang sanggup melakukan apa sahaja untuk kepentingan diri dan puak-puak tertentu mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kita sungguh bertuah mempunyai pemimpin-pemimpin dengan pandangan jauh yang meletakkan kepentingan negara lebih dari lain-lain kepentingan. Dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri, kepada mereka ini tidak jemu menjelajah keluar negeri untuk menemui pemimpin-pemimpin negara maju, juga negara-negara sedang membangun untuk menjalin persefahaman membawa masuk pelaburan, tukar-menukar kepakaran, mengadakan hubungan "dengan negara-negara yang perlu. Hubungan dengan negara-negara Islam banyak kepentingan faedah kepada negara

yang sedang membangun. Kita disegani dan dihormati atas sikap yang serba sederhana. Sehubungan dengan ini, kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah tidak ketinggalan membuat kunjungan ke negara-negara yang kurang maju yang memerlukan bantuan akibat bencana alam yang mereka hadapi. Walaupun Malaysia sebuah negara yang kecil dan sedang membangun tetapi dengan kesedaran pemimpin-pemimpin yang ada, dengan penuh rasa tanggungjawab dan simpati dari seluruh rakyat kita telah dapat memberi sumbangan kepada perjuangan rakyat Palestine.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini seluruh rakyat Malaysia sedang mengumpulkan sebahagian daripada pendapatan harian mereka untuk memberi sumbangan kepada Tabung Bantuan Kebuluran Afrika dan kita patut mengucapkan terima kasih kepada sebahagian daripada seluruh rakyat yang simpati dengan negara-negara Afrika. Juga kepada semua akhbar-akhbar dalam negara ini terutama Kumpulan akhbar *Utusan Melayu* dan *The New Straits Times*, selain daripada menyebarkan maklumat-maklumat memberi semangat dorongan kritik juga selalu memainkan peranan mengumpulkan sebahagian daripada wang untuk membantu golongan yang memerlukan bantuan biarpun dari dalam mahu pun dari luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, bahawa sesungguhnya kita amat terhutang budi kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah memberi Titah Ucapan dalam Titah itu Tuanku telah memberi panduan dan nasihat arif Tuanku kepada kita. Saya yakin ini akan menjadikan negara Malaysia sebuah negara yang aman, damai, makmur dan seluruh rakyat akan dapat menikmati keperluan serta kemakmuran yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, dengan sukacitanya saya memohon menyokong Usul Ucapan Terima Kasih kepada Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah disampaikan pada 25hb Mac, 1985 ketika pembukaan rasmi Penggal Ketiga Parlimen Yang Keenam. Sekianlah, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usul atas nama Yang Berhormat Tuan K. Kumaran iaitu:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, mohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Keenam."

untuk dibahaskan. Kalau ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap dipersilakan. Sila!

4.57ptg.

Dato' G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang untuk mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana dengan ikhlasnya memberi peluang kepada saya untuk berucap di Dewan yang berbahagia ini.

Apa yang hendak diperkatakan di sini ialah mengenai harapan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju dan bermaruah sepertimana yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam upacara perasmian Baginda yang lalu. Bagi mencapai harapan ini ketekunan dan kecekapan pemerintah serta sokongan dan perpaduan rakyat jelata haruslah ditumpukan dan diberikan perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, kesetabilan negara terletak kepada perpaduan kaum. Begitulah Titah dari Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya sokong kata Titah Duli Yang Maha Mulia ini memang benar. Walaupun kita tidak dapat melupakan asal usul kita tetapi ini tidak sepatutnya menghalang perpaduan di kalangan rakyat. Rakyat di negara ini yang berbilang kaum mahulah menanam sikap "Malaysia kita punya" atau "Malaysia tanah tumpah darahku", "Malaysia ialah tempat hidup matiku." Jika ini ada di setiap jiwa rakyat di negara ini saya pasti Malaysia akan raju dan makmur sentiasa.

Perpaduan di antara kaum bukan sahaja terletak di sebuah negara sahaja tetapi mahulah ditimbulkan sikap kesefahaman ini di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Sungguhpun rakyat di Sabah dan Sarawak terpisah dengan rakyat di Semenanjung, tetapi ianya boleh ditanamkan semangat perpaduan dengan mengadakan pertandingan khemah kerja dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan langkah Kerajaan menyerapkan nilai-nilai Islam di negara ini, amat tepat dan sesuai sekali selaras dengan kedudukan Islam sebagai agama rasmi negara. Walaupun terdapat sebahagian pihak yang tersalah faham dan curiga di atas tindakan Kerajaan, tetapi kita yang

faham dan mengerti tujuan tersebut sepatutnya memberikan keterangan dan penjelasan yang sejelas-jelas dan setepat-tepatnya motif pemerintah.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contohnya, Kerajaan telah berusaha membanteras aktiviti pelacuran, tempat-tempat perjudian dan kasino, juga sekarang sedang hebat dipertikaikan mengenai usaha membasmi minuman keras iaitu dengan mengharamkan sajian minuman tersebut di dalam apa jua jenis perjumpaan dan mesyuarat rasmi pegawai-pegawai Kerajaan, pegawai-pegawai Kementerian juga para-para Menteri. Kesemuanya ini mempunyai matlamat dan kesan yang amat sihat bagi penduduk di negara ini di mana andainya rakyat Malaysia kuat dan bertenaga, negara akan maju dan terus maju dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, isu dadah merupakan isu yang tidak kurang hangatnya diperkatakan sebagai musuh negara di ketika ini. Walaupun usaha yang gigih sering melumpuhkan kegiatan penyeludupan ini, namun perniagaan terkutuk ini masih belum dapat dicabut ke pangkal umbinya sekali. Dadahlah yang telah banyak menghalang pembangunan dan kemajuan negara. Wabak yang menghancurkan bangsa dan negara kita ini perlu dibanteras sehebat-hebatnya. Syukurilah sekarang kerana Kerajaan kita amat giat mengambil langkah-langkah yang tegas dalam memerangi dadah, sehingga satu strategi antarabangsa yang menyeluruh dapat digubal bersama untuk menghapuskan ancaman dadah yang lebih berkesan lagi.

Faktor yang telah merosakkan nama rakyat di negara ini adalah disebabkan terdapatnya segolongan mereka yang tidak berbangga dengan negaranya sendiri dan tidak mempunyai semangat cintakan negara kita. Mereka inilah yang telah mengagihkan dadah di seluruh

pelusuk negeri Malaysia bertuah ini tanpa keperimanasian. Sekiranya mereka ini tidak dihapuskan, sudah tentu pembangunan negara akan terjejas. Akhirnya generasi muda tidak berkemampuan dan tidak bertindak cergas dalam menghadapi segala kepincangan hidup. Kesudahannya Malaysia tidak dapat mencapai apa yang diharap-harapkan selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan slogan "Belilah Barang-barang Buatan Malaysia" adalah sangat baik sekali diberkati perhatian. Slogan itu sepatutnya bukan sahaja ditujukan di negara ini sahaja malah mahulah dikempenkan di luar negeri, terutama Duta-duta kita yang berada di negara asing. Selain dari membuat perhubungan keamanan dengan sebuah negara itu, seharusnya disertakan dengan perkara-perkara tersebut. Sebagai contoh, "Proton Saga" hendaklah dipamerkan di luar negeri, manakala Duta-duta itu pula sewajarnya menggunakan kereta itu sepanjang masa sebagai mengiklan barangan tersebut kepada masyarakat negara luar. Begitu juga di negeri ini, para-para Menteri, Ahli-ahli Yang Berhormat dan pegawai-pegawai pentadbiran dimestikan membeli barang tersebut tatkala mahu membeli sesebuah kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini sering didengari ladang-ladang telah kekurangan tenaga pekerjanya. Apa yang sebenarnya berlaku adalah berpunca dari pihak majikan yang tidak mengambil berat mengenai keadaan dan masalah pekerja-pekerja. Wang pendapatan yang diperolehi setiap pekerja ladang amat rendah sekali, manakala potongan-potongan yang dikenakan seperti EPF, persatuan dan berbagai-bagai lagi telah banyak. Oleh itu pekerja-pekerja kekurangan wang untuk menyara diri dan keluarga, lebih-lebih lagi harga barangan yang semakin meningkat naik.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan usaha Kerajaan meningkatkan taraf pelajaran di negara ini, terdapat sebilangan ibu bapa yang tidak mengambil berat mengenai persekolahan anak-anak mereka. Walaupun usia kanak-kanak tersebut melebihi 7 tahun tetapi ibu bapa masih tidak menghantarnya ke sekolah. Di sini saya bercadang supaya Kementerian Pelajaran mengambil langkah-langkah positif untuk mewajibkan pelajaran (compulsory education). Setelah itu tindakan ke atas ibu bapa berkenaan hendaklah diambil bagi mengelakkan keciciran dan buta hurut di kalangan anak-anak. Selaras dengan langkah Kerajaan untuk membasmi buta huruf di kalangan rakyat di negara ini, sudah sepatutnya hukuman dikenakan kepada ibu bapa yang cuai dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan apa yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkenaan bagi memajukan kawasan pedalaman dan juga perkampungan nelayan, pekerja ladang, kaum tani dan masyarakat Orang Asli. Selaras dengan kemajuan dan pembangunan di kota, kawasan luar bandar juga perlu dimajukan. Semenjak beberapa tahun kebelakangan ini telah banyak kemajuan yang kita capai dengan pesatnya terutama sekali di Sabah dan Sarawak. Dari itu kita alu-alukan hasrat Kerajaan bagi memulihkan kawasan perkampungan terutama orang-orang Melayu, kaum tani, Orang-orang Asli dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kekurangan tenaga buruh dan kemerosotan daya pengeluaran pertanian amat ketara di banyak kawasan di seluruh negara kita. Ini menyebabkan banyak tanah-tanah pertanian yang tiada digunakan sepenuhnya. Kebanyakan tanah tersebut masih terbiar begitu sahaja.

Jika keadaan ini tidak dibaiki dengan kadar yang secepat mungkin maka daya pengeluaran di sektor pertanian akan merosot seterusnya. Kerajaan perlu mengadakan skim-skim yang menggalakkan mereka yang berada dalam lingkungan umur bekerja supaya melibatkan diri masing-masing bagi meninggikan pengeluaran pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Yang Berhormat Yang Berhormat sedia maklum bilangan pelanggan telefon makin lama makin meningkat. Tetapi perkhidmatan Telekom masih lemah dan amat mendukacitakan. Pelanggan-pelanggan telefon sering mengalami beberapa kesulitan. Kadangkala mereka juga merasa sukar untuk menghubungi Operator. Ada juga beberapa pelanggan yang menerima bil-bil yang tidak berpatutan walaupun mereka tidak menggunakan telefonnya. Keadaan seperti ini pasti diperbaiki agar dapat imej perkhidmatan Telekom dikawalkan.

Di samping itu perlu kita memujikan usaha dan kemajuan yang dicapai oleh Kementerian Pos dan Telekom. Tidak dapat dinafikan bahawa tanpa keupayaan perkhidmatan Telekom sudah pasti rakyat tidak akan dapat menikmati segala kemudahan yang terdapat sekarang.

Dalam menganjurkan sebuah negara berbentuk "Malaysian" sekarang kita dapati masih lagi terdapat perkataan "bangsa" di dalam kesemua borang atau identiti rakyat di negara ini. Sepatutnya perkataan "bangsa" itu diubah dengan perkataan lain seperti "Malaysian" atau "asing". Memandangkan negara kita terdiri dari berbilang bangsa tetapi tidak salah jika sewajarnya dihapuskan semangat perkauman bagi menjadikan rakyat bersatupadu dan bermanfaat dalam memberontak negara yang maju dan makmur.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan harga getah di pasaran luar negeri akan terus merosot, saya minta pihak yang berkenaan supaya mengambil langkah-langkah positif untuk menanam kelapa sawit yang kini membawa harga yang agak lumayan. Menggalakkan pekebun-pekebun kecil untuk menanam semula dengan kelapa sawit, harga minyak kelapa sawit dijangka meningkat hari demi hari. Saya yakin dan percaya suatu hari nanti, minyak kelapa sawit akan menjadi bahan eksport dan sumber hasil yang terutama di Malaysia.

Akhir sekali saya harap perkara-perkara yang saya sebutkan tadi akan diberi perhatian sewajarnya demi kepentingan rakyat jelata.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya turut serta mengambil bahagian di dalam membahaskan Usul Menjunjung Kasih terhadap Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga, Parlimen Keenam pada 25hb Mac, 1985.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong agak pendek, tetapi saya menganggap bahawa kesemua daripada perenggan demi perenggan, baris demi baris Titah Duli Yang Maha Mulia itu, jika sekiranya kita bahaskan dan kita kaji sedalam-dalamnya akan merangkumi dan meliputi semua aspek pembangunan, kemakmuran, keselamatan untuk negara dan rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita toleh sebentar ke belakang bahawa daripada Malaysia atau Malaya dahulunya atau Semenanjung Tanah Melayu dari

sebuah negara kecil yang tidak dikenali, dari sebuah negara atau sebuah negeri anak jajahan selama lebih 400 tahun penjajah silih berganti, pada hal di zaman penjajahan yang silih berganti itu bangsa Melayu, pahlawan-pahtawan Melayu, kesateria-kesateria dan kesuma bangsa Melayu telah bangun, bangkit menentang penjajah sejak pagi 10hb Julai 1511 apabila Melaka dikalahkan oleh Portugese. Dari sejarah itu, ramai dan banyak bilangan jumlah pahlawan-pahlawan dan kesateria-kesateria serta kesuma bangsa yang telah gugur di bumi tercinta ini memandikan darahnya, syahid di dalam erti kata yang hakiki. Perjuangan pahlawan-pahlawan Melayu ini bersambung dari satu abad ke satu abad sehinggalah kepada dekad terakhir bangsa kita mencapai kemerdekaan secara berperlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu di zaman penjajahan dahulu hasil kekayaan negara kita dipungah, hasil kekayaan negara kita diangkut dan dibawa balik ke negara penjajah yang menjajah kita sama ada Portugese, Belanda, British, Jepun di mana apabila kita menerima pemerintahan negara kita ini secara berperlembagaan dan kita menerima kemerdekaan negara kita ini dengan secara aman, kita masih melihat lagi bahawa beberapa banyak lombong-lombong yang besar, ladang-ladang getah yang luasnya melaut saujana mata memandang masih dimiliki oleh bekas tuan kita atau bekas penjajah kita. Malahan apabila darurat berlaku, apabila perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 yang menimbulkan darurat, yang mana penganas-penganas komunis mengambil bahagian memainkan peranannya secara militan di dalam hutan, berapa banyak pula lagi anak bumiputera daripada keturunan Melayu yang menjadi korban peluru penganas komunis kerana menjaga kepentingan

penjajah untuk menjaga estet dan lombong mereka. Ini sejarah mencatatkan beberapa banyak daripada anak-anak muda negara kita yang menjadi S.C., Polis Khas yang menjaga lombong dan estet penjajah dan mengorbankan nyawanya untuk kepentingan kekayaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kita baru sahaja merayakan 25 tahun Parlimen kita dan kita baru berada di ambang 28 tahun Kemerdekaan. 25 tahun kita hidup secara berparlimen ini dan kita tidak akan mengalami satu perubahan yang drastik, satu perubahan yang mendadak dan saya percaya generasi hari ini dan generasi akan datang tidak akan memilih satu sistem lain untuk meneruskan kita berkerajaan sendiri di dalam negara tercinta ini yang sekarang ini merangkumi seluruh Malaysia—Semenanjung, Sabah dan Sarawak yang telah kita lihat sendiri, yang telah kita rasai sendiri bahawa nikmat kemerdekaan, nikmat adanya kita berparliamentary demokrasi ini, kita dapat membuat sesuatu sekalipun belum dapat mengisi sepenuhnya kehendak rakyat daripada berbilang keturunan, berbilang agama, kebudayaan dan sebagainya.

Sekarang dapat kita lihat, Tuan Yang di-Pertua, kalau dulu pendapatan rakyat di kampung, pendapatan rakyat di ladang-ladang, buruh-buruh di lombong-lombong yang begitu rendah, tetapi hari ini kita dapat lihat perbezaannya. Kita dapat lihat perbezaan bagaimana taraf pelajaran yang diberikan oleh penjajah kepada kita hanya "setakat sekolah rendah Darjah 4, Darjah 5. Tetapi hari ini kita dapat lihat berapa banyak pusat-pusat pengajian tinggi yang memerlukan belanja yang banyak untuk membangunkan taraf pelajaran anak bangsa kita Malaysia.

Kalau kita lihat dahulu bagaimana kampung halaman kita, daripada pantai barat Semenanjung, pantai timur Semenanjung, Sabah dan

Sarawak, di daerah-daerah kampung pendalaman dan terpencil, malahan di kampung-kampung yang terkenal dengan nama "kampung" tetapi berada di pusat bandar amat menyedihkan, tetapi hari ini kita lihat perubahan. Perubahan yang begini hebat pada hal kita baru 28 tahun merdeka. Ini ialah kerana adanya kestabilan politik kita, kekukuhan ekonomi kita sekalipun kita mempunyai hutang yang agak banyak sama ada hutang dalam negeri atau luar negeri. Keyakinan bangsa kita yang hidup bersefahaman di antara berbagai keturunan, budaya dan agama ini yakin merasa hidup di bumi Malaysia ini agak aman, hidup di Malaysia ini boleh menambah rezeki, hidup di Malaysia ini jauh dari simpang siul peluru, jauh dari api peperangan. Sedangkan kalau kita lihat di utara negara kita, di mana sebuah negara yang telah menghadapi peperangan selama 30 tahun sekarang ini terus berperang. Kalau kita lihat pula di negara-negara di benua lain menghadapi kebuluran, sama ada kebuluran itu kerana ancaman sumber alam, kemarau dan sebagainya, tetapi Alhamdulillah negara kita ini nisbah kebuluran atau kelaparan adalah jauh sama sesali.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, kita mengajak kepada seluruh rakyat negara kita ini supaya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. Jika kalau di dalam negara-negara lain ada puting beliung, negara kita tidak ada puting beliung. Kalau di negara lain ada gempa bumi, negara kita tidak ada gempa bumi yang menelan bangunan-bangunan dan binaan. Kalau negara lain ada banjir yang boleh menumbangkan bangunan-bangunan pencakar langit, tetapi di negara kita tidak ada banjir yang begitu dahsyat. Jika sekiranya di negara-negara lain ada wabak penyakit berjangkit, Alhamdulillah di negara ini terhindar daripada itu semua. Maka inilah kita mengajak kepada seluruh rakyat baik yang

beragama Islam atau yang bukan beragama Islam supaya mengenal akan nikmat yang telah Allah ta'ala kurnia kepada kita seperti mana yang Allah ta'ala kata di dalam Al-Ouran yang bermaksud "Jika kamu bersyukur, akan Aku tambah, tetapi jika kamu mengingkari atau kufur akan nikmat ini maka azab yang pedih akan menimpa kamu."

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini, Seri Paduka Baginda mengajak kepada kita semua sekali supaya menjadikan kita ini sebuah negara dan bangsa yang berdaulat dengan mengamalkan kepada sikap sederhana, sederhana dalam semua bidang. Kerana kita tahu bahawa kekacauan yang berlaku di sesebuah negara sama ada hubungannya di dalam berbagai perkara atau masalah tetapi adalah ditimbulkan oleh sebab tidak ada kesederhanaan. Lagi sekali saya katakan, Tuan Yang di-Pertua, kita mengajak kepada seluruh rakyat kita yang berasal dari berbagai keturunan itu tadi supaya mengenal kesederhanaan ini. Memahami kesederhanaan ini. Seperti dengan izin, Tuan Yang di-Pertua yang disabdakan oleh Rasulullah s.a.w. yang bermaksud "sebaik-baik perbuatan adalah yang pertengahan".

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh apa yang dikatakan atau dititahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong jangan kita melupakan kepada asal usul kita. Jadi apabila Titah Baginda mengatakan kita jangan lupa kepada asal usul kita, maka saya ingat akan asal usul saya. Saya tidak mahu orang yang seasal dan seusul dengan saya sahaja menerima sederhana tetapi orang lain tidak mahu menerima sederhana. Saya tidak mahu orang yang seasal seusul dengan saya sahaja yang bertoleransi tetapi orang lain tidak mahu bertoleransi. Saya tidak mahu orang

yang seasal usul dengan saya sahaja lapang dada tetapi orang lain tidak mahu berlapang dada. Maka ini nanti akan timbul peristiwa tidak ada kesederhanaan maka apabila tidak ada kesederhanaan maka akan berlakulah perasaan cemburu mencemburui, curiga mencurigai, tidak puas hati di antara satu golongan dengan satu golongan maka natijah daripada keadaan yang seperti itu adalah tragedi berdarah 13hb Mei.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali banyak di antara kita di dalam Dewan ini yang tidak dapat melupakan tragedi 13hb Mei itu. Barangkali ada di antara kita ini yang nampak dengan mata kepala kita sendiri bagaimana peristiwa kejam itu berlaku. Dan sebelum peristiwa kejam itu berlaku, Tuan Yang di-Pertua, kita sendiri mendengar dengan telinga kita, kita sendiri melihat dengan mata kita bagaimana golongan-golongan pelampau yang menggunakan isu kaum, isu agama, pelajaran, sumber hidup di dalam kempen pilihanraya itu, dibakar semangat rakyat dengan perasaan tidak puas hati, disumbatkan ke telinga rakyat dengan perasaan curiga kepada satu kaum yang lain.

Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengenai dengan sederhana ini, Tuan Yang di-Pertua, kita kena rujuk balik kepada peristiwa 13hb Mei kerana tidak ada kesederhanaan di dalam ucapan. Tidak ada kesederhanaan di dalam tindak tanduk. Sungguhpun itu hanya dilakukan oleh golongan-golongan politik melampau atau dengan izin chauvinist. Golongan melampau dalam politik, tetapi satu kalimah satu perkataan yang dihamburkan oleh seorang pemimpin parti politik terhadap masa, terhadap orang ramai akibatnya pertumpahan darah yang akan berlaku. Dan siapa yang menerima akibat itu ialah rakyat jelata yang tidak berdosa. Rakyat jelata yang tidak tahu menahu.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini sekarang ini telah ada bayang-bayangnya timbul, telah datang semula bayang-bayang peristiwa sebelum 13hb Mei itu disumbatkan ke telinga orang ramai, disumbat ke telinga masyarakat, disumbat ke telinga anak-anak kita yang sedang belajar sama ada di sekolah menengah atau di pusat-pusat pengajian tinggi dengan perasaan benci, perasaan curiga, perasaan dendam. Bunganya sudah timbul. Pergaduhan di ITM yang belum selesai disiasat, pergaduhan di sebuah maktab di Cheras sungguhpun ini berlaku di dalam satu orang yang seasal seusul tetapi jika ianya dibiarkan, kalau bibit-bibit ini dibiarkan nanti akan melarat kepada orang yang berlainan seasal seusul. Maka akan belakulah krisis kaum lagi sekali. Maka Titah Seri Paduka Baginda ini meminta supaya Pusat-pusat Pengajian Tinggi diwujudkan gedung untuk menanam dan memberikan ilmu pengetahuan, jangan dijadikan gelanggang untuk perdebatan di antara beberapa fahaman, fikiran dan sebgainya.

Jika sekiranya manusia ini inginkan kepada hiburan, sehinggakan apabila seorang artis kita mahu mengadakan satu hiburan di satu pusat Pengajian Tinggi dengan tegas saya katakan, Tuan Yang di-Pertua, apabila Sudirman mengadakan pertunjukannya di UKM, Bangi menjadi heboh masyarakat dan apabila Kerajaan mengeluarkan arahan yang disalah tafsir di antara gilbab dan purdah, di antara tudung dengan tutup muka, maka jadi heboh seluruh negara. Sepatutnya Kerajaan memberikan kepastian yang pasti dalam masalah ini supaya masyarakat tidak diapi-apikan dengan perasaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita sekarang berada di dalam bulan Rejab, majlis syarahan Israk dan Mekraj diadakan di merata kampung, maka dikupas apa yang Rasullullah lihat sewaktu

perjalanan daripada Masjidil Haram kepada Masjidil Ahsar itu, digambarkan kepada masyarakat, inilah dia yang berlaku sekarang ini yang dibawa oleh pemimpin-pemimpin yang mengikut ajaran Kahud, Firaun dan sebagainya. Sekalipun Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Agama di negeri-negeri mengadakan syarat atau kelulusan kepada mereka yang mahu mengadakan dan memberikan syarahan, tetapi syarahan-syarahan yang seperti ini masih terus berlalu.

Tuan Yang di-Pertua, satu risalah peristiwa berdarah di Lubuk Merbau ini telah disalin cetak, ditabur ke seluruh negara, sekalipun risalah ini telah diharamkan dan pengarangnya telah pun diamankan sekarang ini, tetapi risalah ini masih dicetak dengan secara mudah, dengan modal 20c atau 30c, ditaburkan ke seluruh negara kita kerana manusia ingin tahu apakah risalah yang diharamkan, yang dikatakan peristiwa berdarah di FELDA Lubuk Merbau itu dan ini. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan patut menyedari dan saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah tadi beliau sedar tentang perkembangan ini, tetapi apakah daripada kesedaran adanya risalah ini ditaburkan di beberapa tempat terutama di FELDA-FELDA dan di mana tempat-tempat adanya golongan pelampau agama, apakah tindakan bahagian seranta di FELDA untuk mengatasi gerakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari apa yang saya sebutkan tadi mengenai kesederhanaan, mengenai kita menanamkan rasa syukur kepada rakyat kita, berterima kasih rakyat kita ini adalah peranan media massa terutama sekali yang dimiliki oleh Kerajaan perlu memainkan peranan yang berlipatganda. Apa yang saya lihat, saya tidak hendak memperkecil-kecilkan apa yang telah dimainkan oleh Kementerian Penerangan di

seluruh negara, di ceruk rantau kita, di dalam usaha-usaha memberikan penerangan-penerangan kepada rakyat jelata. Tetapi sayang penerangan-penerangan ini kebanyakannya tidak sampai ke matlamat yang sebenar kerana kebanyakan daripada pegawai-pegawai muda kita yang ada di Kementerian itu tidak mengalami sendiri kejadian-kejadian itu, jadi mereka menyampaikan tidak dengan sepenuh rasa cita hati untuk menanamkan kesan baik, kesan buruk, matlamat dan natijah cemarlah itu kepada orang ramai. Maka sebab itu sekali lagi saya sarankan kepada Kementerian ini supaya mengadakan satu usaha merevolusikan pegawai-pegawai itu sendiri. Ini pernah saya nyatakan bahawa Kementerian Penerangan ini perlu ada satu akademi penerangan untuk "menggodok", mencanai fikiran pegawai-pegawai supaya dia pula boleh menggodok dan mencanai rakyat. Perkataan "menggodok" itu Tuan Yang di-Pertua faham? Menggodok ini maknanya kita jadikan satu benda itu, kita masak, kita olah baik-baik supaya sampai kepada masyarakat itu nikmat.

Kita tidak boleh katakan bahawa rakyat hari ini menerima apa penjelasan yang Kerajaan mahu sampai dan kita tidak mahu jawapan mengatakan rakyat tidak akan menerima semua penjelasan kita, tetapi kewajipan mesti kita sampaikan penerangan ini kepada rakyat dengan cara apapun. Saya tahu berbagai cara dibuat, berbagai cara dijalankan, berbagai usaha dibuat dan kita minta supaya peruntukan ini ditambah kalau perlu kerana ini amat penting, kita curahkan pembangunan berapa banyak pun, tetapi kalau kita tidak dapat menerima dengan sebaik hati, maka rancangan itu menjadi sia-sia begitu sahaja, kita boleh lihat sckarang ini berapa banyak pondok-pondok telefon yang tinggal kotak sahaja, kita lihat berapa banyak

balairaya seluruh negara, ada balairaya yang sudah tidak berinding, tidak beratap, hanya tinggal tiang sahaja.

Saya nampak apabila saya berjalan seluruh negara, saya tengok bagaimana ada titi atau jambatan yang boleh dilalui, berapa banyak pula lagi bangunan-bangunan yang dibuat melalui projek pembangunan, tetapi hari ini tidak mendatangkan satu faedah dan matlamat kepada rakyat, ini kerana sivik rakyat kita perlu dipertingkatkan lagi, kerana kalau kita hendak mengenal sivik kepada rakyat ini, Tuan Yang di-Pertua, kita kena menanamkan satu ajaran lagi. Saya bukan hendak menitikberatkan kuliah Islam di dalam Dewan yang mulia ini, tetapi saya berpandukan sepotong hadis Nabi Muhammad s.a.w., kalau salah saya sedia dibetulkan maknanya lebih kurang:

Nikmat Allah ta'ala hendaklah engkau syukuri, kalau engkau engkari, maka kufur itu nikmat;

Siapa yang tidak bersyukur kepada yang sedikit nanti dia tidak akan bersyukur kepada yang banyak;

Sesiapa yang tidak bersyukur sesama manusia, nanti dia tidak akan bersyukur kepada Allah;

Bersatu-padu itu kebagusan, berpecah-belah itu akan mendatangkan bala bencana.

Jadi daripada Hadis ini, Tuan Yang di-Pertua, kita akan jadikan pedoman, seperti Rukunegara masuk, Kepimpinan Melalui Teladan kita masuk, Bersih Cekap dan Amanah kita masuk, tema Quran kita "Perpaduan Ummah Asas Kejayaan" masuk, semua ada di situ, sebab itu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong meminta kepada rakyat supaya jangan ada di kalangan rakyat kita ini yang curiga terhadap langkah-langkah Kerajaan sesuai dengan kedudukan Islam sebagai agama rasmi negara.

Kerajaan kita sentiasa mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran, dalam soal ini kita sedar bahawa ada pihak-pihak yang tersalah faham dan ada pula yang curiga terhadap langkah-langkah ini.

Maka hendak membetulkan supaya ada yang salah faham itu hilang kesalah-fahamannya dan mereka yang curiga itu hilang curiganya, maka ini saya katakan peranan yang perlu dimainkan oleh media massa, khususnya Kementerian Penerangan dan surat-suratkhabar. Hari ini, Tuan Yang di-Pertua, sedih kita baca majalah-majalah keluar cerita-cerita, KDN kata tidak lucu tetapi pada saya lucu. KDN kata tak lucu sebab kalau lucu suratkhbar itu diberhentikan. tak boleh keluar atau dipadam dengan dakwah hitam artikel itu, tetapi suratkhbar itu dibaca juga, keluar juga, majalah itu keluar juga, tetapi pada saya sebagai orang yang telah meningkat hampir setengah abad ini membaca berita dan cerita artikel itu lucu. Maka ini dibaca oleh anak-anak kita, dibaca oleh anak-anak yang baru tahu membaca. Saya ada anak kecil yang tahu baca "r-o-g-o-l", apa Pak "rogol" itu, golkah? Saya kata itu Mokhtar Dahari tendang bola tak gol, itu "wrong goal" saya kata. Jadi "rogol" itu saya ringkaskan kepada "wrong goal"—"salah gol". Anak tanya, betul pelajaran seks itu kata hendak diajarkan kepada anak-anak, tetapi anak-anak yang begitu kecil tanya sebab kalimah atau perkataan "r-o-g-o-l" itu ditulis besar pula, kalau tulis halus itu budak tak perasan, jadi budak ini tengok tulisan yang kasar. Ini patut kita fikir.

Jadi, kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini menyebut kerana terlalu liberalnya kita kepada suratkhbar sehingga ada suratkhbar yang menggunakan ruangan-ruangannya masalah-masalah kepentingan kaum, bahasa, kebudayaan, chauvinistnya dan ini

pula digunakan oleh penulis-penulis yang memang mahu mencari jalan menggunakan peluang itu untuk menyemarakkan lagi semangat tidak ada persefahaman, tidak ada perpaduan di dalam kalangan masyarakat majmuk di dalam negara kita, ini kita khuatir. Saya merasa khuatir bahawa apa yang berlaku sekarang ini adalah bunga-bunga atau bibit-bibit perasaan cemburu-mencemburu di dalam masyarakat kita sekarang ini masih tebal. Konsep kejiranan diadakan misalnya, sedangkan di dalam konsep kejiranan ini kita sudah duduk berjiran sekian ratus tahun yang sebenarnya di antara keturunan Melayu, keturunan Ona, keturunan India sudah duduk beratus tahun, sudah elok, perpaduan itu baik, tetapi apabila diadakan satu konsep kejiranan terutama di rancangan-rancangan perumahan, di taman-taman yang begitu indah namanya, Taman Permai tetapi di dalamnya tak permai, Taman Indah dalamnya tidak indah. Apa lagi pula kalau ada satu taman namanya yang masih berbau kepada kepentingan seseorang, ini yang dikatakan minta dimalaysiakan supaya nama itu bertukar kepada Taman Bunga Teratai misalnya.

Ini, Tuan Yang di-Pertua, digunakan oleh golongan yang salah faham, digunakan oleh golongan yang curiga terhadap dasar-dasar Kerajaan, terutama sekali di dalam Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran ini digunakan oleh mereka untuk kepentingan politiknya. Apakah ini Kerajaan mahu biarkan begitu sahaja? Apakah Kerajaan mahu tengok dahulu sehingga sudah nampak api berkepul-kepul baru kata padam kerana itu ada kebakaran, begitu? Kalau kita hendak tunggu itu, maka ertinya kita membiarkan tikus-tikus memperbaiki labu, kesudahannya labu tak dapat hendak disayur, tak dapat hendak dipengat, pokok labu pun turut mati. Apakah kejadian menurunkan gambar

Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri di dalam satu muktamar, dalam satu ikhtimar orang-orang yang mengaku Islam itu mahu dibiarkan begitu sahaja yang berlaku di Dewan Bahasa semalam? Apakah kejadian-kejadian menyewenang-wenangkan sembahyang mayat, nikah ini mahu dibiarkan begitu sahaja? Akta kita buat, Akta kita luluskan tetapi kejadian ini masih juga berlaku? Apakah salah tukang gubal undang-undang atau salah kita di Dewan yang meluluskan undang-undangkah atau tak cekap yang menjalankan, melaksanakan undang-undangkah? Kadang-kadang bingung kita memikirkan.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong meminta supaya kepada golongan-golongan yang salah faham dan curiga terhadap penerapan nilai-nilai Islam ini memahami benar-benar akan tujuan Islam. Seperti mana pernah saya katakan dalam Dewan yang mulia ini Islam tidak mengajar pengikutnya merampok harta orang lain, Islam tidak mengajar umatnya membunuh orang lain-tidak, jangan takut saudara-saudara. Tidak ada dalam ajaran Islam merampok harta orang, membunuh orang kafir-tidak ada, kecuali kalau kafir itu mengkhianati, memusuhi perkembangan. Jikalau yang ada dalam negara kita ini sejak kita berperikatan, kita ada Parti Perikatan sehingga sekarang ini Barisan Nasional, kita berjalan seiring bahu untuk membangunkan masyarakat, untuk menghapuskan kemiskinan tidak mengenal asal keturunan dan kaum. Orang yang miskin bukan orang Melayu sahaja, orang Cina juga miskin, orang India miskin, orang Kadazan, orang Bisayan, orang Murut, orang Bajau juga ada yang miskin akan dihapuskan semua.

Jadi, kesedaran ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah peranan daripada media massa Kerajaan untuk

memberikan penjeiasan, memberi kefahaman sedalam-dalamnya kepada golongan masyarakat, baik masyarakat di luar bandar, masyarakat dalam bandar, masyarakat yang di kampus pengajian-pengajian tinggi, masyarakat orang kita sendiri yang sekarang ini sudah duduk sedap sebagai kakitangan perkhidmatan awam di seluruh negara. Kita dukacita kalau kita sebelum merdeka dahulu gaji guru Melayu, guru pelatih gaji \$65, saya jadi guru pelatih gaji \$41, naik guru normal \$65, Hari ini kita bandingkan pula dengan gaji guru dengan kemudahan-kemudahan pinjaman kenderaan, perumahan dan sebagainya dengan kemudahan-kemudahan untuk hendak belajar lebih jauh, lebih tinggi sehingga boleh ambil doktor falsafah dan sebagainya, peluang-peluang tingkatan kerja di jabatan-jabatan dan di firma-firma swasta, bangunan-bangunan pencakar langit kalau dibandingkan dengan sekolah sebelum merdeka dahulu adanya hanya 2 maktab; Kuala Kangsar dengan Tanjong Malim, hari ini bercambah bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan.

Saya pernah katakan bahawa anak-anak kita hari ini terlalu manja hinggakan, minta izin Tuan Yang di-Pertua, dalam bahasa kasarnya "berak kencing pun dalam rumah". Anak kita balik sekolah, balik mengaji tidak pernah lagi mencari kayu api, mencari pelepah nyior, pelepah kelapa kering untuk buat bertanak. Anak-anak kita sekarang tidak lagi balik sekolah pergi mengangkat air ke kolam-kolam, perigi-perigi dan ke danau-danau, semua berak kencing dalam rumah kerana sistem perumahan yang sistematik, yang moden sama ada rumah kos rendah, sederhana atau rumah mahal. Jadi, kerana adanya rumah-rumah yang seperti ini kepada anak-anak kita apabila mereka menimba ilmu pengetahuan, maka apabila mereka telah mempunyai ilmu pengetahuan yang mereka nampak

salah, salah, salah; salah Kerajaan, salah polisi, salah ahli politik, salah Wakil Rakyat, jadi mereka pun mengadakanlah satu gerakan jihad untuk membetulkan kesalahan-kesalahan ini. Maka cara hendak membetulkan jihad dia dalam hendak membetulkan kesalahan-kesalahan ini, ini caranya, ini manifestonya, ini programnya, kalau periu ada pasukan jihad berani mati dengan serban merah.

Tuan Yang di-Pertua, inilah yang dikatakan tidak syukur kepada manusia tadi, yang bermaksud: Tidak syukur sesama manusia dan ia tidak akan syukur kepada Allah. Ia tidak syukur bagaimana negara kita ini mencapai kemerdekaan, apabila penjajah pergi pada 1hb September, 1957 apa yang penjajah tinggalkan. Penjajah tidak tinggalkan kepada kita satu gok. "Gok" itu kata orang Selangor kelongkong, tempat mengalirkan air. Tak tinggalkan sebiji gerewel untuk jalan, sedangkan ini jalanraya mengelirat macam sarang labah-labah. Namun demikian masih ada rakyat di pendalaman yang memekik mengapa setelah 28 tahun merdeka kampung kami masih tanah gambut lagi, masih tanah Hat lagi. Ini pernah saya suarkan di dalam Dewan yang mulia ini, bagaimana rakyat di pendalaman menagih, rakyat di pendalaman menagih infrastruktur, kemudahan-kemudahan asas, api, air dan jalan.

Saya hubung kaitkan dengan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang terakhir sekali mengatakan: "Walaupun begitu, pembangunan negara tidak seharusnya tertumpu ke kawasan bandar atau kumpulan-kumpulan tertentu sahaja. Para nelayan, kaum tani, pekerja ladang dan Orang-orang Asli serta kumpulan-kumpulan yang kurang bernasib baik masih memerlukan perhatian khusus untuk diperbaiki taraf kehidupan mereka."

Tuan Yang di-Pertua, di satu nada kita kata kita baru merdeka 28 tahun, di satu nada lagi kita katakan bahawa rakyat menagih janji. Sungguhpun kita tahu bahawa di dalam masalah inflasi atau kemerosotan ekonomi ini kita minta supaya rakyat jangan minta banyak-banyak, kita berjimat-jimat dahulu, kita tunggu sehingga pertumbuhan ekonomi kita ini bertambah baik, insya Allah akan kita buat kesemuanya dan kita katakan kepada rakyat bahawa hanya dengan kuasa lampu Aladin sahaja, kita tak ada tongkat sakti, tak ada lampu Aladin, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya minta kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan terutama sekali yang ada hubung kait dengan kemudahan asas di luar bandar ini supaya tolong perhatikan masalah ini kerana kita tidak lama lagi akan menghadapi pilihanraya. Rakyat telah menunggu begitu lama, masalah jalan yang utama sekali, lepas itu baru bekalan air dan yang ketiga bekalan api.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita lihat dan sekarang ini kita sama-sama merasakan bahawa perkembangan di dalam negara kita ini pesat. Selain daripada perkembangan yang pesat dalam berbagai bidang tadi termasuklah di dalam bidang hendak membanyakkan rakyat sehingga 70 juta. Ada setengah orang suka dengan rancangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya dapat peluang tetapi kita perlu memikirkan bahawa dengan umat yang banyak, dengan rakyat yang banyak itu kita terpaksa menyediakan program-program dan rancangan-rancangan yang teratur dan terperinci untuk 70 juta rakyat selama 115 tahun. Kesemuanya ini kita akan dapat menyelamatkan suasana negara kita yang masyarakat majmuk ini terutama sekali daripada perasaan rasa curiga dan cemburu daripada golongan puak-puak pelampau dan ekstrim, daripada

golongan tokoh-tokoh politik yang chauvinist hanya kesederhanaan, saya ulangi lagi dengan kesederhanaan. Kesederhanaan dalam semua bidang. Kesederhanaan dalam tindak-tanduk. kesederhanaan di dalam mengeluarkan hujah. Kita tidak mahu jadi orang yang melampau seperti kancil tengok gajah berak besar kita pun hendak berak besar. Itu melampau namanya. Jadi, kita ikut kalau kita ini mengamalkan kesederhanaan, insya Allah kita akan setamat dan kita akan dilindungi oleh Allah s.w.t.

Sekarang ini kedapatan tidak ada kesederhanaan di dalam setengah-setengah sektor perkhidmatan awam. Tindih bertindih, bertindih tugas atau bertindih fail atau bertindih rancangan. Jabatan ini hendak buat kolam ikan, Jabatan ini pun buat kolam ikan. Jabatan ini hendak ternak lembu, Jabatan ini pun hendak ternak lembu. Jabatan ini hendak tanam sayur, Jabatan ini pun hendak tanam sayur. Itu yang dikatakan bertindih, tidak ada kesederhanaan. Biarlah kalau hal ikan, berilah orang yang pakar tentang ikan sahaja. Hendak bela ikan daratkah, hendak bela ikan lautkah, hendak pakai gokkah, hendak pakai tayarkah, hendak pakai apakah, satu Jabatan khas ikan sahaja. Kalau hal pertanian atau hal Jabatan lentang buah, buah-buahan sahaja, tak timbullah masalah buah-buahan kita import daripada luar negeri sampai beribu-ribu juta.

Tadi disebutkan masalah limau Mandarin. Akibat daripada limau Mandarin itu satu hallah. Buah orang Melayu pun terlibat sama waktu krisis limau Mandarin itu. Durian orang Melayu tak laku, kena boikot. Yang sepatutnya durian itu boleh laku \$3.50 hingga \$4.00 satu kilo bagi yang baik tetapi kerana adanya krisis limau Mandarin, saya balik ke Batu Pahat sana orang jual satu kilo \$1.50. Itu pun

sudah merkah, sebab orang dia tak beli pak chik, katanya. Bila orang dia tak beli, buah kita tak laku. Bila buah kita tak laku, hendak buat pekasam pun tak boleh. Jadi, ini ada hubungan kait dengan tidak ada kesederhanaan tadi. Ini melibatkan perasaan benci timbul, perasaan marah kepada satu golongan ini timbul. Ini patut kita padamkan.

Seperti mana kata Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian tadi di dalam Soal-Jawab mengenai dengan bahan-bahan makanan yang kita import daripada luar negeri sekian banyak. Kita sudah kenal pasti tanah sekian banyak. Jadi sepatutnya kita buatlah satu perancangan yang agak luas daripada kawasan di Serdang—MARDI tempat membuat kajian itu di ladang. Di ladang itu maknanya bukanlah ladang yang ada di Serdang sahaja, diladangkan di tanah terbiar.

Sekarang ini kita kata dalam negara kita ini ada beribu-ribu hektar tanah terbiar maka di situ kita ladangkan. Kalau perlu tanam kobis sampai seluas tiga empat FELDA, kita tanam kobis sehingga kita tidak payah import kobis dari tempat lain. Kalau kita perlukan jagung sekian ribu metrik tan maka tanam jagung sekian ribu hektar.

Sekarang ini pula lembu kita sudah pandai makan kulit kelapa sawit. Jadi kita kena kumpulkan kulit kelapa sawit untuk makanan lembu supaya lembu-lembu tadi cepat besar, kita tidak kurang daging lembu, sebab selalunya apabila tiba Hari Raya kita kekurangan daging, rupa-rupanya sekarang ini Allah taala suburkan tanah kita dengan pokok kelapa sawit maka lembu kita pun makan dedak daripada sabut kelapa sawit. Ini satu nikmat, selama ini kita tidak tahu sedangkan orang kita baru berapa tahun kenal kelapa sawit. Kita kata dahulu tamar Malaya tak pernah buah.

Tuan Yang di-Pertua, Perkhidmatan Awam. Saya katakan tadi ada bertindih. Ini sepatutnya diselesaikan dengan adanya koordinasi. Dahulu sewaktu kita dalam MAGERAN ada seorang Menteri Koordinasi yang mengawasi Kementerian-kementerian. Apabila kita pulih semula kepada Sistem Berparlimen, portfolio itu pun ditiadakan maka balik semua seperti asal. Maknanya yang dikatakan red-tape pun balik semula, fail lambat pun balik semula, rakyat hendak minta tanah sampai 20 tahun tak tentu lulus, tak lulus pun balik semua begitu. Ini, Tuan Yang di-Pertua, digunakan oleh Pembangkang, digunakan oleh musuh Kerajaan di dalam menanamkan semangat benci kepada Kerajaan pimpinan 2M sekarang ini.

Kita faham bahawa keadaan kewangan negara ini tidak mengizinkan kita membuat apa sahaja yang diminta oleh rakyat tetapi pernah saya sebutkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa Pejabat Pos di Sepang itu misalnya telah begitu uzur dan mungkin akan berlaku sesuatu esok. Kebetulan dua tiga hari sudah Pejabat Pos Sepang kena rompak. Waktu itu Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos kata bangunan itu masih kukuh, masih boleh dipakai lagi. Bukan itu sahaja, apabila kita sebut Pejabat Pos di Jeram, Pejabat Pos Jeram kena rompak. Pejabat Pos Bukit Rotan di Kuala Selangor kena rompak. Pejabat Pos Sepang kena rompak. Secara kebetulan saya sebut di sini, di sana kena rompak. Bukan saya jadi master mindnya pula. Jadi, saya takut ada beberapa banyak lagi Pejabat-pejabat Pos yang telah uzur begini. Pencuri sekarang ini bukan pukul 2.00 pagi. Kalau pencuri di kampung, mereka tunggu kita berdengkor, baru ia teraba-raba dinding. Tengok kita betul-betul berdengkor atau tidak. Pencuri, perompak hari ini siang-siang buta kata orang, siang-siang buta. Lain pula

perompak yang menggunakan pukau pula. Lain perompak yang menggunakan ugutan dengan senjata api, menjadi-jadi sekarang ini.

Sekalipun nanti kalau dijawab laporan Polis tidak banyak hanya sekian sahaja, tetapi kejadian ini berlaku, bila dapat tangkap si polan binya tidak macam bin saya, orangnya asal usulnya bukan saya. Ini saya hendak bangun dalam soal jawab tadi, apa perjanjian di antara Perdana Menteri kita dengan Presiden Suharto dalam perjanjian empat mata. Adakah pengambilan buruh kasar untuk bekerja di ladang melibatkan juga buruh-buruh yang tidak diundang kerana sekarang kita banyak buruh-buruh yang tidak diundang. Buruh yang tidak masuk dalam agreement Dato Musa di Medan pun sudah banyak masuk. Ini yang sekarang ini menjadi masalah dalam masyarakat kita. Adakah ini masuk di dalam perundingan empat mata di antara Yang Amat Berhormat Dato Seri Mahathir dengan Paduka Yang Mulia Presiden Republik Indonesia, Pak Harto. Stop sedikitlah jadi kita pun syok sedikit, ini masam air pasang masuk.

Tuan Yang di-Pertua, merbahaya nanti kalau berlaku macam kata nyanyian penglipor lara kera di hutan disusui, anak diriba mati kelaparan, dagang lalu ditanakkan, laki pulang tidak ada apa-apa. Ini akan berlaku nanti. Kita takut ini akan berlaku, kita takut nanti macam tikus mati dikepek padi, itik kehausan di dalam air. Kita tidak mahu penglipor lara ini diulang balik oleh generasi yang akan datang. Dan kita tidak mahu penglipor lara "bangau oh! bangau" itu kita beralih. Oh! kenapa tidak buat projek, ini kerana ekonomi meleset kenapa meleset, rumput panjang, kenapa rumput panjang kerbau sakit perut. Siapa sakit perut, Bank Dunia sakit perut, Bank Dunia tidak sakit perut. Kalaulah dikatakan perut itu sakit

maka bank, peminjam-peminjam bila-bila hendak beri pinjam kerana ekonomi kita kukuh, kerana wang negara kita kukuh maka peminjam-peminjatn sentiasa mahu memberi pinjaman kepada negara kita. Tetapi kita kena jaga, kalau banyak makan pun nanti kalau perut kancil pecah pula.

Balai Polis begitu juga, tadi saya sebut masalah pejabat pos. Pejabat pos yang uzur yang sepatutnya diperbaiki. Balai Polis, dahulu kerana heboh dengan Balai Polis Beranang. Balai Polis Beranang dimasuki oleh anasir subversif sehingga dapat dilarikan beberapa pucuk senjata api. Sekarang beberapa Balai Polis lagi masih banyak yang sudah uzur yang keadaannya terbuka luas begitu yang memang senang anasir-anasir jahat ini mahu melakukan kekacauan terhadap Balai Polis itu.

Saya rasa ini penting. Ini penting sepatutnya diambil perhatian lebih awal. Kalau rakyat di kampung misalnya dia boleh bertahan di dalam 28 tahun tidak dapat jalan, tidak dapat api, tidak dapat air tetapi keselamatan kita, anggota-anggota Polis kita, tentera begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, kita pergi sempadan berlaku pergaduhan di Danok, berlaku pergaduhan di seberang Rantau Panjang, di Golok, berlaku pergaduhan di Padang Besar di sebelah Tebedu dekat Sarawak, saya kurang pasti itu, Tuan Yang di-Pertua, mungkin berlaku pergaduhan seperti itu.

Jadi ini keselamatan anggota-anggota UPP, orang ini menjaga sempadan daripada penyeludupan, tetapi kebanyakan anggota-anggota UPP kita ini pada saya dia tidak terjamin masalah kedudukan anak isterinya, dia masih menyewa rumah di kampung-kampung kerana tidak diadakan perumahan yang cukup. Kalau kita kata di Bukit Kayu Hitam

itu kita hendak tempatkan anggota UPPnya 60, sepatutnya kita adakan 60 rumah untuk keluarga UPP ini berpangkat rendah ini (private), supaya mereka boleh bekerja dengan tabah hati. Jadi apabila mereka tidak duduk sekelompok dan mereka tidak ada di dalam kawasan yang terkawal, mereka duduk di luar, maka ini berbagai-bagai hal boleh berlaku, orang boleh datang pujuklah, orang boleh datang himpit dialah, ada apa-apakah, maka berlakulah, maka ada orang UPP kena perangkap sendiri. Kalau dikawal, berada di dalam kawalan kemungkinan kejadian-kejadian yang seperti itu dapat diatasi, dapat disekat, sekurang-kurangnya orang luar yang hendak masuk ke situ pun agak terasa segan silu. Begitu juga dengan angkatan tentera kita. Saya pernah sebutkan di dalam Dewan yang mulia ini dalam perbahasan Anggaran Belanjawan yang lalu mengenai dengan rumah-rumah pasukan tentera, angkatan bersenjata kita.

Saya berterima kasih kepada pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Pertahanan baru-baru ini bahawa akan mengutamakan rumah-rumah untuk angkatan bersenjata kita.

Saya berterima kasih kerana beberapa tempat di mana tempat adanya kem askar tentera kita di situ, banyak di antara anggota biasa angkatan tentera kita ini menyewa juga di kampung-kampung, duduk bersama dengan orang kampung, bermajmuk, bermasyarakat dengan masyarakat yang biasa. Maka dengan tidak secara langsung, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang rahsia pergerakan di suami tadi kerana pergi konvoi atau pergi membuat satu gerakan yang sulit, tetapi dapat diketahui oleh musuh apabila si penjual sayur, si penjual ikan bertanya, hai nyonya punya suami mana lama tidak nampak, oh pergi operation, berapa lama, tiga bulan,

mana tempat, sana-sana, ha, dengan sendirinya ini berlaku, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi kalau mereka ini, angkatan tentera kita ini berada dari satu kawalan, dalam satu kawasan perumahan yang baik, yang terkawal, yang rapi insya Allah dan lain-lain hai kebajikan mereka ini dapat diatur dengan sebaik-baiknya, kerana kita tahu bahawa Polis, tentera ini adalah mereka yang mengorbankan nyawa untuk keselamatan negara dan rakyat. Mengorbankan keselamatan dirinya untuk faedah orang ramai. Jadi sepatutnya Kerajaan membuatkan perancangan yang secepat-cepatnya untuk kebajikan mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan ura-ura Kesatuan Sekerja menuntut atau meminta atau merayu kepada Kerajaan perubahan gaji, kenaikan gaji baru. Kita merayu kepada ahli-ahli Kesatuan Sekerja (CUEPACS) atau MTUC supaya bersabar buat sementara waktu memandangkan bahawa keadaan kewangan negara tadi, siapa yang tidak mahu anaknya gaji bertambah. Siapa yang tidak mahu hidup anaknya lebih baik, kalau saya sendiri pun sebagai bapa punya anak, lima, enam orang tentu mahu anak bergaji, berpendapatan yang baik tetapi kalau keadaan memaksa, keadaan tidak mengizinkan seperti sekarang jni, timbul pula rancangan seperti satu kesatuan mengadakan satu perjumpaan ramai di Dewan Bandaraya yang akan mengambil tindakan mogok. Ini semua akan menjejaskan kesetabilan politik, menjejaskan keharuman negara kita.

Kalau selama ini kita menganggap bahawa kejadian-kejadian dan negara-negara Eropah mogok, pekerja-pekerja lombong, keretapi, kapal terbang dan sebagainya, kita tidak mengalami keadaan yang sedemikian itu kerana pemimpin kita, kerana

Kerajaan kita yang dipilih oleh rakyat, pemimpin kita yang menyedari kehendak dan hasrat rakyat ini sedar apa yang diminta akan diberi seboleholehnya tetapi jika sekiranya keadaan tidak mengizinkan, apa yang hendak diberi, takkan akan darah yang hendak diberikan.

Jadi kita berharap, kita merayu kepada saudara-saudara kita, kepada ahli-ahli Kesatuan Sekerja, insya Allah, jika sekiranya kita selesai menghadapi satu cabaran yang besar sama ada tahun ini atau tahun 1987 iaitu Pilihanraya Umum dan Kerajaan pimpinan 2M ini berjaya memerintah lagi, pada masa itu mengadu pada yang kasih, meminta kepada yang ada. Mengadu kepada Kerajaan yang dikasihi, mengadu kepada pemimpin yang mengasihi rakyat pengundinya, meminta kepada Kerajaan yang ada kemampuan. Kalau barangkali pada masa itu keadaan ekonomi kita telah pulih, jadi mengadu kepada yang kasih, meminta kepada yang ada. Tidaklah seperti keadaan yang berlaku misalnya lulus telunjuk kelingking berkait. Kita tidak mahu menikam di dalam lipatan.

Baru-baru ini timbul ura-ura apabila ada pertanyaan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak akan menambah lagi jumlah kakitangan perkhidmatan awam, sudah cukup banyak, kita sudah ada 800,000, rakyat kita 15 juta, Indonesia kakitangan perkhidmatan awamnya 2 juta, rakyatnya 150 juta. Kemudian timbul pula lagi satu isu mengatakan ini Pencen hendak dibuang ganti dengan KWSP. Sebenarnya sekarang ini menggelegak. Keadaan ini menggelegak di mana-mana tempat ada orang yang makan gaji, ertinya saya minta izin, Tuan Yang di-Pertua, you pilih pencen, you pilih EPF, mereka ini bercakap sehinggakan kerja tinggal. Saya nampak, saya pergi, saya dengar semua itu begitu. Sepatutnya perkara semacam ini tak usah ditimbulkan atau adakah

ditimbulkan ini kerana mahu mencari reaksi. Kalau hendak mencari reaksi, saya rasa tak kena gayanya. Kalau hendak mencari reaksi rakyat tak kena begitu sebab kita telah saya kata tadi anak-anak sekarang ini termasuk kita ini telah dimanjakan, dimanjakan dengan keadaan sebegitu tiba-tiba kita hendak ambil gula-gula yang kita hendak beri kepada si anak. Melentinglah dia. Saya rasa 99% mahukan pencen. Sayapun mahukan pencen. Sebab itulah sara tua pun. Sekurang-kurangnya untuk membeli rokok sebungkus.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar apabila Ahli Yang Berhormat Menteri Kewangan mengatakan kakitangan perkhidmatan awam tidak akan ditambah, sedangkan selama ini kita sudah melaksanakan pembekuan pengambil kakitangan Kerajaan, sudah dibekukan selama beberapa tahun.

Masalah ini di kampung-kampung dibincang, hendak buat apa hantar anak sekolah. Kerajaan bukan hendak ambil, buat apa hantar anak pergi ke universiti. Budak kita bukan boleh jadi doktor. Kalau boleh jadi doktor boleh bukan dispensari prebet. Anak-anak kita alirkan sastera, aliran sastera ini line dia pergi jadi ADO, ADO sudah cukup banyak sudah, buat apa hendak hantar sekolah. Perasaan ini sekarang sudah banyak. Jadi ini kita kena betulkan.

Tujuan Kerajaan tadi kalaulah itu tujuan Kerajaan hendak mengurangkan kakitangan di dalam sektor perkhidmatan awam adalah baik kerana kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, di dalam Warta Kerajaan ini, di dalamnya melibatkan 22 Kementerian, entah berapa puluh Jabatan-jabatan Kerajaan, kemudian pula unit-unit, urusetia-urusetianya.

Warta Kerajaan ini saya semak, saya baca, setiap rakyat Malaysia, lelaki-perempuan atau apa keturunan, apa agamanya dilindungi oleh 22

Kementerian, daripada hal makan minum, perumahan, taliair sampai udaranya, ada menteri yang menjaga. Mana ada negara lain yang ada menteri udara? Kita ada menteri udara, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, itulah menteri udara, menjaga jangan angin busuk. Tetapi sungguhpun kita ada Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tetapi udara busuk tak boleh hendak buang. Ini yang susah.

Saya terpaksa ulangi ini lagi, Tuan Yang di-Pertua. Saya ulangi lagi kerana ini bibit-bibit perpecahan, kerana udara busuk. Kalau kita duduk berdua dekat-dekat, salah seorang mengeluarkan "kemenyan hantu", kalau "kemenyan hantu" itu baunya hangit, yang sebelah masam muka. Awak tak patut "melepas" dalam majlis.

Apa lagi dalam masyarakat kampung, baunya begitu hangit dan busuk sepanjang masa. Ini akan menimbulkan bibit-bibit perpecahan, tidak ada persefahaman. Maka timbullah rasa malam-malam kita bakar, timbul rancangan ini, bakar sahaja malam-malam, bubuh sahaja apa-apa buah-buah, orang Johor kata "Buah Kontol Kambing". Kalau diletakkan dekat reban haiwan itu dia boleh patah dia punya pinggang. Berapa banyak hendak cara "Buah Kontol Kambing"?

Tuan Yang di-Pertua, 22 kementerian melindungi kebajikan rakyat. Jadi sepatutnya, saya terpaksa ulang ini lagi, kerana saya berjalan daripada Kukup di hujung Pontian, Johor sampai ke Jelutong di Pulau Pinang, udara yang busuk itu, sumbat hidung dengan kapas, bubuh minyak atar pun dia tembus. Ini sepanjang pantai daripada Kukup terus sampai ke Jelutong di Pulau Pinang, bau udara busuk. Jadi kalau" kita betul-betul ada ahli sains, kttta ada PUSPATI (Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail) di Bangi, cubalah cipta

satu jenis bom yang boleh menghilangkan bau busuk ini.

Tuan Yang di-Pertua, itu tadi angin, jadi angin sepoi-sepoi bahasa, angin yang melihatkan kita punya perpaduan kaum. Angin yang menggoncangkan kesederhanaan, angin yang menggoncangkan kehidupan kita sebagai masyarakat majmuk sekarang ini dia goncang. Saya tidak terfikir saya dapat peluang bercakap pada petang ini, Tuan Yang di-Pertua, jadi saya tidak bawa gambar-gambar yang menggoncangkan angin perpaduan masyarakat majmuk, toleransi, kesederhanaan yang telah kita warisi sejak zaman datuk nenek kita.

Ini saya tidak menyentuh masyarakat yang lain, saya sentuh maknanya keterlaluan di dalam masyarakat kita. Masyarakat orang Islam sendiri. Memanglah dia tidak boleh jawab dalam Dewan ini, dia tak ada, di sini pun, tetapi mengapa berlaku seperti itu. Kalau seorang yang kita anggap sebagai ulama, sudah belajar, belajar lagi, jadi pensyarah, sekarang belajar pula hendak mengambil Ph.D, sekarang ada dalam negara kita mengatakan bahawa satu sistem yang digunakan oleh pengikut-pengikut satu parti politik, bukan lagi berlandaskan kepada demokrasi atau ajaran Islam, tetapi berdasarkan kepada Brahmanisme, berkuku besi pula di situ.

Jadi di sini kita sebagai Kerajaan perlu meneliti, perlu mengkaji sebaik-baiknya. Kejadian tangkapan ajaran salah di Kempas, Johor Bahru dua-tiga hari sudah. Suratkhobar tulis kerana "sex" kerana "gila sex" katanya. Adakah orang ajaran salah kerana gila sex? Kalau orang gila sex dia tidak pergi tempat ajaran salah, tempat seperti surau itu, tempat orang berwirid. Orang gila sex dia pergi cari ganja. Suratkhabarkan yang tulis itu mengatakan kumpulan ajaran salah

yang dapat ditangkap di Kempas Johor Bahru itu kerana gila sex?

Saya katakan orang ini ada satu matlamat seperti Mohd. Nasir, yang datang dari Kampung Cha yang dapat mempengaruhi orang-orang di Kampung Pasir Seri Medan Batu Pahat menyerang Balai Polis Batu Pahat. Kita juga kata Mohd. Nasir gila seks. Saya pergi ke rumah Mohd. Nasir di bawah Bukit Payong itu saya tengok bagaimana isteri Mohd. Nasir itu orang Kelantan kata "comel loteh", umur 13 tahun. Saya pergi, Tuan Yang di-Pertua, saya tengok bagaimana pak imam, pak bilal di beberapa buah kampung itu boleh terikut-ikut, sanggup mengasah parang, pergi bertapa ke puncak Bukit Payong. Kalau tuan-tuan hendak lihat Bukit Payong di Parit Sulong itu tidak ada pokok kayunya, hanya bukit gondol sahaja, mengapa mereka boleh duduk di situ seminggu, turun ke bawah menyerang Balai Polis. Ini ada motif daripada gerakan-gerakan pelampau yang membawa pelajar-pelajarnya, mengajak pengikut-pengikutnya berani mati di dalam semboyan jihad fisabilillah. Setakat menurunkan gambar Mahathir dengan Musa apa ini, tidak ada apa-apa, tak kena jail turunkan ini semua. Nasib baik ada pemberita (reporter) yang cepat tulis, kalau tidak barangkali Dewan Bahasa dan Pustaka pun tidak tahu yang gambar Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri kena turun. Mereka telah tanamkan semangat itu kepada pengikut-pengikutnya berani mati, jihad fisabilillah.

Saya jumpa di satu kampung di Terengganu malam diadakan ceramah parti itu, di luar berceramah dalam rumah ditunjukkan video perarakan jenazah Allahyarham Othman Talib di Bukit Raya.

Di luar ceramah, pemimpin-pemimpin PAS berceramah, di dalam

rumah ditunjukkan video gambar perarakan jenazah Allahyarham Othman Talib yang meninggal, mengenai dengan Peristiwa Berdarah di Lubuk Merbau. Tanamkan semangat kepada orang yang dalam rumah syahid, syahid, syahid. Orang ini akan dilambai lebih dahulu oleh Allah s.w.t. Ayat Quran yang bermaksud Hai jiwa yang tenang, kembalilah kepada TuhanMu dengan hati yang puas lagi diridhai. Maka masuklah ke dalam jemaah hamba-hambaKu. Dan masuklah ke dalam syurgaKu. Ayuh, lekas ikutlah jejak Othman Talib ini. Engkau akan dilambai, Allah taala berfirman engkau mari ke mari, Aku redza masuk engkau dalam golongan hambaKu, masuk dalam syurga. Janji syurga saudara-saudara, tidak hebatkah ini, Tuan Yang di-Pertua? Tidakkah ini akan menimbulkan satu bara api yang akan membakar hangus negara kita kalau kita biarkan. Kita tidak boleh mengatakan dengan Akta, dengan Akta tangkap siapa yang menyinggung tahan tiga tahun, siapa yang menyinggung dengan lima ribu ringgit. Orang yang sudah diresapi oleh semangat perjuangan dia tidak takut lima tahun, dia tidak takut tiga ribu ringgit, dia tidak takut Kemunting, dia tidak takut. Baiklah yang sudah tentu menjadi pemimpin di depannya itu kita biarkan tetapi bagaimana kita hendak menahan gerakan ini meresap terus ke dalam masyarakat, terutama di kalangan pelajar-pelajar muda kita.

Di dalam kalangan anak-anak kita yang sedang berada dalam tingkatan 4, 5. Bagaimana dalam sebuah asrama sekolah, anak dari kalangan penyokong Kerajaan dengan anak penentang Kerajaan berdebat, apa yang awak dapat, bapa awak orang kuat UMNO? Bapa saya orang kuat PAS saya juga dapat ke sekolah menengah asrama penuh, saya juga dapat biasiswa. Ini berlaku di sekolah menengah asrama penuh, Sekolah

Menengah Sains Selangor yang ada di Cheras. Jadi apa anak orang UMNO hendak cakap. Ia juga, bapa dia orang PAS dapat juga biasiswa, dapat juga duduk di asrama, lulus dalam peperiksaan dapat pula dihantarkan ke Amerika pula kerana bagus, menyambung pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, gejala-gejala ini saya nampak akan menimbulkan satu keadaan yang akan merubah masyarakat kita dari keadaan yang pada hari ini, keadaan semua orang kata bahawa demokrasi berparlimen, adanya pilihanraya lima tahun sekali ini adalah baik, ada Wakil Rakyat yang dipilih oleh rakyat, yang bekerja untuk rakyat adalah cara yang baik, tetapi satu hari nanti, Tuan Yang di-Pertua, tidak lama masanya kalau gejala-gejala ini kita biarkan akan berlaku lagi peristiwa-peristiwa yang seperti ini.

Kalau dahulu Tugu Kebangsaan kita, golongan pelampau sanggup mengembomnya. Saya rasa tidak lama nanti patung Tunku Abdul Rahman, Bapa Kemerdekaan kita yang ada di hadapan Parlimen ini nanti akan diruntuhkan oleh orang. Jadi, kita tidak hairan. Kita tidak hairan kalau kelakuan menurunkan gambar Perdana Menteri ini dan merendahkan gambar Perdana Menteri ini, bukan sahaja dilakukan di Dewan Bahasa semalam. Saya tidak segan silu mengatakan masih ada lagi setengah-setengah sekolah dalam negara kita ini yang masih menggantung gambar pemimpin, menggantung gambar pembesar negara lain daripada pembesar negara kita, semak. Berbelas ribu, berpuluh ribu sekolah rendah dalam negara kita semak dan kaji.

Saya jumpa apabila saya dipanggil memberikan ucapan dalam satu-satu majlis saya tengok, kenapa ini masih berlaku. Jadi, menanamkan rasa cinta kepada negara sepertimana yang

dikehendaki oleh Titah Yang di-Pertuan Agong kepada belia, para pelajar sekalian, suka kita mengingatkan bahawa kemerdekaan dan pembangunan dan kemajuan yang telah kita capai adalah hasil semangat cintakan kepada negara. Oleh itu, semangat cintakan negara mestilah ditanamkan ke dalam jiwa setiap belia bakal pemimpin negara. Ini yang telah saya ulang-ulangi.

Saya sebutkan dalam Dewan ini bahawa sejarah perjuangan kemerdekaan, sejarah perjuangan orang Melayu, sejarah nasionalis, sejarah orang-orang yang telah menjadikan negara kita seperti ini hendaklah ditanamkan, dipaparkan, dijadikan satu matapelajaran wajib. Kita pernah dengar cerdik pandai kita mengatakan bahawa buku sejarah yang diajar kepada anak-anak kita ini tidak lengkap, sedangkan kita ada satu buku sejarah, sejarah perjuangan kebangsaan orang Melayu selama 30 tahun. Orang yang ada pelajaran tinggi akademik tidak baca buku itu, tidak mahu baca. Itu kononnya sejarah UMNO. Betul itu sejarah UMNO, sejarah UMNO setelah tahun 1946, setelah UMNO ini wujud tetapi sejarah sebelum tahun 1946, tahun 1926 Persatuan Melayu Semenanjung wujud di Singapura itu sejarah dekad akhir orang Melayu berjuang tetapi sejarah ini tidak dikenal. Anak-anak kita tidak kenang. Hingga anak-anak kita tidak kenang siapa orang yang mengajak kita ini menyebutkan perkataan "merdeka"

Siapa yang mengajak kita menyebut perkataan "merdeka" itu anak-anak kita tidak tahu, sepatutnya anak-anak ini mesti tahu. Anak-anak kita mesti kenal dan anak-anak sendiri tidak kenal apa itu lambang PEKEMBAR (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu) itu tidak ada di mana-mana. Orang pandang rendah lambang itu. Kenapa ini berlaku? Jadi macam mana

kita hendak katakan Khubulwatan minaliman), sekali pun itu orang kata itu Hadith maudhu, Hadis yang daif. Tetapi cinta kepada negara—Yang di-Pertuan Agong kita menitahkan bahawa cinta negara: Khubulwatan miniliman ini mesti diajar, mesti disampaikan kepada generasi muda, belia dan pelajar di universiti-universiti, di pusat-pusat pengajian tinggi. Kalau tidak akan timbul perasaan curiga-mencurigai. Sudah ada perasaan kemerdekaan tadi maka wujudnya perpaduan UMNO, MCA dan MIC—Perikatan dalam pilihanraya Municipal yang kecil, hingga sekarang menjadi Barisan Nasional. Ini sepatutnya masuk di dalam matapelajaran supaya anak-anak kita kenal, saya bukan fanatik kerana saya orang UMNO tetapi ini kalau kita abaikan, satu hari nanti anak-anak kita akan memijak kepala kita. Dia tidak akan kenal lambang Persekutuan yang ada; minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, di atas Tuan Yang di-Pertua. Dia lebih kenal gambar note \$10 atau \$50, ini pergi kepada masyarakat kebendaan. Kalau tidak kenal kepada asas-asas perjuangan maka anak-anak kita akan hanya mencari duit, sekolah, belajar, bekerja makan gaji, naik pangkat tinggi, tinggi. Ini kebendaan dan ini kita tidak mahu. Kita tidak mahu kalau anak-anak kita, kita tanamkan perasaan cinta kepada kebendaan, cintakan dunia. Kita mahu cari duit, kita mahu cari kesenangan, kita mahu cari kekayaan, mahu cari kepandaian tetapi tidak mahu cinta makan, sekolah lain tidak ada, hendak makan gaji. Sekarang apabila Menteri Kewangan kita kata kakitangan Kerajaan akan dikurangkan, hendak buat apa, buat belajar tinggi-tinggi, kalau tidak boleh makan gaji.

Saya sangat bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri Pertanian kita membuat pasar terbuka—pertanian. Pegawai Pertanian mesti tidak usah beli sayur ke pasar. Ini baharu Pegawai Pertanian betul. Tetapi kalau orang-orang ini; minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak makan gaji, kalaulah Jabatan Pertanian ini diswastakan, macam kita hendak menswastakan beberapa jabatan-jabatan seperti Jabatan Telekom dan sebagai, Jabatan Pertanian ini kerana pertanian ini sumber makanan manusia yang mesti laku barang tanamannya, hasilnya maka Jabatan Pertanian diswastakan. FAMA yang menjadi masalah, padi berlonggok-longgok di Tanjung Karang dan Sabak Bernam FAMA kata lori tidak ada, orang kampung kata lori tidak sampai, kesudahan padi menjadi sampah. Ayuh! FAMA ini diswastakan, untung rugi ini awak punya habuan, baharu masing-masing nanti akan bekerja dengan penuh semangat dan penuh titik, Kalau tidak, kita akan menghadapi kegagalan di dalam menanamkan semangat cinta kepada negara.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai:

Ahli Yang Berhormat, saya minta maaf, masa kita sudah cukup. Ahli Yang Berhormat boleh menyambung ucapan pada hari esok.

Tuan Haji Shahrom bin Maasom:

Terima kasih.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai:

Ahli-ahli Yang Berhormat. Dewan ini ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang, hari esok, 16hb April, 1985.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.